

3

Prestasi Ekonomi dan Prospek

LAPORAN EKONOMI 2012/2013





Prestasi Ekonomi dan Prospek

Tinjauan

Pertumbuhan dipacu oleh aktiviti domestik yang kukuh

Ekonomi Malaysia berkembang dengan lebih kukuh pada paras 5.1% dalam tempoh separuh pertama 2012 (Januari – Jun 2011: 4.7%) meskipun dalam persekitaran global yang semakin mencabar. Pertumbuhan ekonomi domestik disokong oleh penggunaan dan pelaburan swasta yang kukuh. Pertumbuhan ekonomi dunia dijangka terus sederhana dalam tempoh separuh kedua 2012 berikutan ketiadaan tanda yang jelas menggambarkan pemulihan krisis hutang berdaulat di kawasan euro. Tambahan pula, pertumbuhan ekonomi negara maju yang tidak menggalakkan dan pertumbuhan yang perlahan di negara membangun yang berkembang pesat terutamanya China dan India melemahkan lagi prospek ekonomi dunia. Kemerosotan persekitaran global dan penurunan harga komoditi dijangka menjejaskan prestasi eksport Malaysia dalam tempoh separuh kedua 2012. Walau bagaimanapun, kecergasan aktiviti permintaan domestik dijangka terus kekal dalam tempoh separuh kedua 2012 disokong oleh aktiviti sektor awam dan swasta dalam persekitaran pasaran kewangan yang kondusif, harga yang stabil dan pasaran buruh yang menggalakkan. Setelah mengambil kira risiko yang disumbang oleh sektor luar dan sokongan ekonomi domestik yang teguh, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) benar dijangka berkembang 4.5% hingga 5% pada tahun 2012 (2011: 5.1%).

Permintaan domestik akan menjadi pemacu utama pertumbuhan ekonomi Malaysia, disokong oleh perbelanjaan sektor swasta dan awam. Pertumbuhan penggunaan swasta dijangka disokong oleh guna tenaga dan pendapatan yang stabil serta inflasi yang lebih rendah. Semakin kenaikan gaji dan bayaran bonus kepada kakitangan awam, pemberian tunai di bawah program Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M),

pembayaran ganjaran kepada peneroka Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan pemberian tunai lain bagi membantu pelbagai kumpulan sasar turut menyokong penggunaan swasta. Pertumbuhan ekonomi dalam jangka sederhana dijangka dipacu oleh pelaburan swasta, disokong oleh pelaksanaan berterusan projek di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan aktiviti pembinaan yang cergas. Pertumbuhan pelaburan swasta dijangka menyeluruh sejajar dengan keyakinan pelabur yang positif dan permintaan domestik yang kukuh. Pelaburan awam akan terus dipacu terutamanya oleh perbelanjaan modal Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) dalam industri minyak dan gas (O&G), telekomunikasi dan berkaitan pengangkutan.

Dari sudut penawaran, pertumbuhan pada tahun 2012 dijangka disumbang oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan dengan sektor pembinaan memainkan peranan yang lebih kukuh dalam menyokong ekonomi. Pertumbuhan yang kukuh dalam sektor perkhidmatan didorong sebahagian besarnya oleh subsektor perdagangan borong dan runcit, komunikasi, penginapan dan restoran serta perkhidmatan perniagaan yang memberangsangkan. Pengeluaran pembuatan terutamanya industri berorientasikan domestik dijangka terus berkembang seiring dengan aktiviti domestik yang kukuh. Walau bagaimanapun, industri berorientasikan eksport dijangka sederhana dalam tempoh separuh kedua 2012 sejajar dengan Purchasing Managers Index (PMI) global yang lemah. Sektor pembinaan dijangka mencatat pertumbuhan dua angka melalui pelaksanaan pelbagai projek Kerajaan yang berterusan, khususnya projek berskala besar seperti Terminal Minyak dan Gas Sabah (SOGT), Jambatan Pulau Pinang Kedua dan pemasangan saluran paip luar pesisir pantai Gumusut-Kakap, Sabah. Pertumbuhan dalam sektor pertanian dijangka sederhana disebabkan oleh pengeluaran minyak sawit mentah (CPO) yang lebih rendah berikutan kitaran pengeluaran semulajadi yang rendah selepas



mencatat rekod pengeluaran yang tinggi pada tahun 2011. Sektor perlombongan dijangka kembali pulih dengan peningkatan dalam pengeluaran minyak mentah dan disokong oleh peningkatan sederhana dalam pengeluaran gas asli.

Kedudukan sektor luar Malaysia dijangka kekal menggalakkan pada tahun 2012 meskipun persekitaran ekonomi global yang mencabar. Lebih akaun semasa imbalan pembayaran (BOP) dijangka berkurangan namun kekal pada paras yang signifikan, iaitu RM68.5 bilion atau 7.5% daripada Pendapatan Negara Kasar (PNK). Perkembangan ini didorong oleh aktiviti domestik yang kukuh berikutan pertumbuhan import yang melebihi eksport. Dalam akaun kewangan, aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) dijangka dapat dikekalkan tetapi pada kadar yang perlahan disokong oleh keyakinan pelabur terhadap inisiatif transformasi ekonomi dan asas ekonomi yang kukuh.

Inflasi dijangka sederhana pada kadar 2% hingga 2.5% pada tahun 2012. Meskipun ekonomi

domestik berkembang pada kadar yang lebih tinggi dalam tempoh separuh pertama 2012, tekanan inflasi dijangka dapat dikurangkan melalui peningkatan produktiviti dan kapasiti yang berterusan. Walau bagaimanapun, peningkatan harga makanan dunia baru-baru ini memberi risiko kepada prospek inflasi. Musim kemarau yang teruk di Amerika Utara baru-baru ini telah memberi kesan negatif kepada pengeluaran jagung dan kacang soya. Paras harga komoditi makanan yang kekal tinggi akan memberi kesan kepada rantai bekalan dan tekanan ke atas inflasi domestik.

Berdasarkan perkembangan aktiviti ekonomi, pendapatan negara seperti yang diukur berdasarkan PNK diunjur meningkat 5.7% kepada RM908.2 bilion (2011: 11.8%; RM859.1 bilion) dengan pendapatan per kapita meningkat 4.4% kepada RM30,956 (2011: 10.3%; RM29,661). Oleh itu, pendapatan per kapita nominal dari segi pariti kuasa beli (PPP) dijangka meningkat 3.2% kepada USD15,676 pada tahun 2012 (2011: 7.3%; USD15,190).

JADUAL 3.1

**Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mengikut Sektor
2011 – 2013**
(pada harga malar 2005)

	Perubahan (%)			Bahagian kepada KDNK (%)			Sumbangan kepada pertumbuhan KDNK (mata peratusan)		
	2011	2012 ¹	2013 ²	2011	2012 ¹	2013 ²	2011	2012 ¹	2013 ²
Pertanian	5.9	0.6	2.4	7.7	7.3	7.2	0.4	0.0	0.2
Perlombongan	-5.7	1.5	2.7	8.8	8.5	8.3	-0.6	0.1	0.2
Pembuatan	4.7	4.2	4.9	25.1	25.0	25.0	1.2	1.1	1.2
Pembinaan	4.6	15.5	11.2	3.0	3.3	3.5	0.1	0.5	0.4
Perkhidmatan	7.0	5.5	5.6	54.2	54.5	54.8	3.7	3.0	3.0
Tambah: Duti import	13.0	11.3	-0.4	1.2	1.3	1.2	0.1	0.1	0.0
KDNK	5.1	4.5 – 5.0	4.5 – 5.5	100.0	100.0	100.0	5.1	4.5 – 5.0	4.5 – 5.5

¹ Anggaran.

² Unjuran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan, Malaysia.



Pengasasan Semula Keluaran Dalam Negeri Kasar

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah mengasas semula Statistik Akaun Negara daripada tahun 2000 kepada tahun 2005. Akaun Negara pada harga tetap tersebut akan diasaskan semula kepada harga tahun 2005 mulai penerbitan suku pertama 2012. Di samping itu, DOSM telah mengambil kira beberapa saranan daripada rangka kerja statistik Sistem Akaun Negara 2008 (SNA 2008)¹ yang telah disediakan secara bersama oleh Eurostat, International Monetary Fund (IMF), Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD), United Nations (UN) dan World Bank.

- Rasional pengasasan semula akaun negara:
 - Pengasasan semula Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) membolehkan akaun negara menggambarkan perkembangan ekonomi sejak beberapa tahun kebelakangan, ini termasuk pergerakan harga relatif dan perubahan struktur pengeluaran dan penggunaan.
 - Pengasasan semula ini selaras dengan saranan PBB bahawa tahun asas perlu berakhir pada angka sifar atau lima. Kali terakhir pengasasan semula KDNK dilaksanakan adalah pada tahun 2007 (dengan tahun asas 2000). Di samping itu, pergerakan ketara dalam harga komoditi (perbandingan tahun 2000 – 2005) telah menguatkan lagi keperluan segera mengasaskan semula KDNK kepada tahun 2005.
 - Pengasasan semula merupakan amalan piawaian antarabangsa dan menjadikan pengasasan semula KDNK setanding dengan negara yang telah mengambil tindakan yang sama seperti Amerika Syarikat (AS), Itali, Jepun, Republik Korea (ROK) dan Singapura. Langkah ini amat bersesuaian untuk perbandingan pelbagai peringkat data.
- Tiga saranan utama dalam SNA 2008 yang telah diambil kira dalam melaksanakan pengasasan semula:
 - Komponen *financial intermediation services indirectly measured* (FISIM²) dikira berdasarkan pinjaman dan simpanan dengan menggunakan kaedah kadar rujukan secara tahunan dan bukan perbezaan antara faedah diterima dan dibayar yang digunakan sebelum ini. Komponen tersebut kini diagihkan kepada semua sektor ekonomi untuk mencerminkan nilai ditambah sebenar sektor berkaitan dengan lebih tepat.
 - Perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan (R&D) kini dikategorikan sebagai pembentukan modal dan bukan lagi sebagai input perantaraan. Dengan perubahan konsep ini, nilai keluaran industri yang menjalankan aktiviti R&D akan meningkat manakala dari segi perbelanjaan akhir, nilai pembentukan modal tetap kasar (GFCF) akan meningkat dengan nilai yang sama.
 - Perbelanjaan ke atas sistem persenjataan, termasuk kenderaan dan kelengkapan tentera lain seperti pesawat, kapal perang, kapal selam dan kereta kebal serta pembawa dan pelancar peluru berpandu kini dikategorikan sebagai pembentukan modal. Walau bagaimanapun, perbelanjaan ke atas senjata penggunaan tunggal seperti bom, torpedo dan roket direkodkan sebagai inventori. Perubahan ini akan meningkatkan nilai GFCF dan inventori manakala jumlah perbelanjaan akhir Kerajaan akan berkurangan dengan nilai yang sama.

¹ Penerbitan panduan Sistem Akaun Negara sebelum ini ialah pada tahun 1993. Negara perindustrian dan serantau lain juga telah mula mengguna pakai cadangan SNA 2008 secara terpilih.

² FISIM bermaksud perkhidmatan pengantaraan kewangan yang diukur secara tidak langsung. Komponen ini merupakan pengiraan tidak langsung untuk nilai aktiviti penyediaan perkhidmatan pengantaraan kewangan yang tidak dikenakan caj secara nyata oleh institusi kewangan.



- Penambahbaikan lain:
 - Pengasasan semula terkini ini juga mengambil kira sumber data yang dikemas kini dan maklumat yang lebih menyeluruh daripada Jadual Bekalan dan Penggunaan 2005, Jadual Input-Output 2005, Banci Ekonomi 2006, Kajiselidik Industri Tahunan dan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah 2004/2005.
 - Industri dan aktiviti ekonomi baharu telah diambil kira untuk meningkatkan liputan akaun negara. Penambahbaikan ini termasuk loji regasifikasi dan terminal minyak dalam subsektor pengangkutan dan penyimpanan serta aktiviti jatropha, burung walit dan kenaf dalam sektor pertanian.
 - Aktiviti berkaitan dengan broker saham yang dahulunya dimasukkan dalam subsektor perkhidmatan perniagaan kini diklasifikasikan semula di bawah subsektor kewangan untuk memberi gambaran yang lebih baik bagi nilai ditambah pasaran kewangan dan modal kepada ekonomi.

Kesimpulan

Usaha pengasasan semula akan sentiasa dijalankan secara berkala untuk mencerminkan perubahan ekonomi dan harga relatif. Perubahan dan penambahbaikan dari segi amalan dan kaedah antarabangsa akan terus diambil kira untuk memastikan perbandingan rentas dengan negara lain boleh dilaksanakan.

Sumber: Sistem Akaun Negara 2008, Jabatan Perangkaan Negara dan Bank Negara Malaysia.

Prestasi Mengikut Sektor

Sektor Perkhidmatan

Sektor perkhidmatan kekal kukuh

Dalam tempoh separuh pertama 2012, **sektor perkhidmatan** berkembang 5.8% (Januari – Jun 2011: 7.1%) didorong sebahagian besarnya oleh permintaan domestik dan aktiviti berkaitan perjalanan yang mampan. Pertumbuhan sektor perkhidmatan dijangka kekal kukuh pada tahun 2012, berkembang 5.5% (2011: 7%) dan menyumbang 3 mata peratusan (2011: 3.7 mata peratusan) kepada keseluruhan pertumbuhan KDNK. Kumpulan **perkhidmatan pengantaraan** dianggarkan berkembang 5.8% (2011: 6.2%) didorong oleh subsektor kewangan dan insurans serta harta tanah dan perkhidmatan perniagaan. Di samping itu, kumpulan **perkhidmatan akhir** dijangka meningkat 5.4% pada tahun 2012 (2011: 6%), disokong sebahagian besarnya oleh subsektor perdagangan borong dan runcit serta penginapan dan restoran.

Subsektor perdagangan borong dan runcit berkembang 6.1% (Januari – Jun 2011: 6.5%) dipacu oleh penggunaan domestik yang kukuh. Prestasi ini digambarkan oleh indeks perdagangan borong yang meningkat 5.1% dan runcit 3.8% (Januari – Jun 2011: 14.4%; 5.5%). Pertumbuhan subsektor ini turut disumbang oleh peningkatan bilangan kedai berformat besar yang beroperasi di Malaysia termasuk 180 pasar raya besar, *superstore* dan *departmental store* milikan asing pada akhir Ogos 2012 (akhir Ogos 2011: 166). Di samping itu, penunjuk lain seperti import barangan penggunaan meningkat 15.2%, manakala perbelanjaan kad kredit berkembang pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 6.7% (Januari – Julai 2011: 12.8%; 11.8%).

Pada tahun 2012, subsektor ini dijangka berkembang 5.7% (2011: 7.1%) dipacu oleh perbelanjaan penggunaan yang lebih tinggi hasil pelaksanaan inisiatif Kerajaan di bawah Bajet 2012 seperti BR1M, Baucar Buku 1Malaysia (BB1M) dan bantuan RM100 kepada semua pelajar sekolah rendah dan menengah.



JADUAL 3.2

Prestasi Sektor Perkhidmatan**2011 – 2013**

(pada harga malar 2005)

	Perubahan (%)			Bahagian kepada KDNK (%)		
	2011	2012 ¹	2013 ²	2011	2012 ¹	2013 ²
Perkhidmatan perantara						
Kewangan dan insurans	6.5	4.2	5.2	9.2	9.2	9.2
Harta tanah dan perkhidmatan perniagaan	5.5	6.6	5.9	5.4	5.5	5.6
Komunikasi	7.6	9.3	8.2	3.7	3.9	4.0
Pengangkutan dan penyimpanan	5.4	5.2	6.7	3.7	3.7	3.7
Perkhidmatan akhir						
Perdagangan borong dan runcit	7.1	5.7	6.8	14.4	14.5	14.7
Penginapan dan restoran	6.0	6.4	6.7	2.5	2.5	2.5
Utiliti	3.1	4.5	4.7	2.5	2.5	2.5
Perkhidmatan lain	4.7	4.3	5.8	5.1	5.1	5.1
Perkhidmatan kerajaan	12.4	5.1	1.5	7.7	7.7	7.5
Jumlah	7.0	5.5	5.6	54.2	54.5	54.8

¹ Anggaran.² Unjuran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan, Malaysia.

Prestasi subsektor ini akan juga disokong oleh usaha berterusan untuk memodenkan segmen runcit di bawah ETP. Pada tahun 2012, sejumlah 500 kedai runcit di bawah program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) dan 50 bengkel di bawah program Pemodenan Bengkel Automotif (ATOM) telah disasarkan untuk dinaik taraf. Pada akhir Julai 2012, sebanyak 95 bengkel telah dimodenkan melepasi sasaran tahunan, manakala 393 kedai runcit telah dimodenkan.

Subsektor penginapan dan restoran dijangka berkembang 6.4% pada tahun 2012 (2011: 6%) disokong oleh penginapan hotel yang lebih tinggi dan pertambahan kedai makan. Pada akhir Jun 2012, jumlah penawaran bilik hotel telah meningkat 5.2% kepada 180,078 (akhir Jun 2011: 3.6%; 171,130) dengan Kuala Lumpur mencatat sumbangan tertinggi sebanyak 17.7% (akhir Jun 2011: 18.5% di Kuala Lumpur).


Sementara itu, kadar purata penginapan hotel mencapai 55.2% dengan Pahang mencatat kadar tertinggi sebanyak 78.7% (Januari – Jun 2011: 51.3%; 69.4% di Kuala Lumpur).

Dalam tempoh enam bulan pertama 2012, jumlah hasil terimaan pelancong meningkat kepada RM26.8 bilion (Januari – Jun 2011: RM25.7 bilion) dengan purata perbelanjaan pelancong per kapita sebanyak RM2,310 (Januari – Jun 2011: RM2,254). Sementara itu, jumlah ketibaan pelancong meningkat 2.4% kepada 11.6 juta (Januari – Jun 2011: -4.3%; 11.3 juta) dengan Association of Southeast Asian Nations (ASEAN) kekal sebagai penyumbang terbesar merangkumi 73.8% daripada jumlah keseluruhan. Selaras dengan usaha berterusan untuk mempromosi Malaysia sebagai destinasi pilihan pelancong, pelbagai program telah diadakan pada tahun 2012 termasuk *International Shoe Festival*,



CARTA 3.1

Penunjuk Terpilih Sektor Perkhidmatan

¹ Anggaran.

Sumber : Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, tujuh pelabuhan utama, Malaysia Airports Holdings Berhad, Lapangan Terbang Senai dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.



International Tourism Exchange, *International Tourism Night Floral Parade* dan *Contemporary Art Tourism*. Di samping itu, tarikan pelancong baharu di Johor, iaitu pembukaan Taman Tema LEGOLAND Malaysia pada September 2012 dan Taman Tema Keluarga Puteri Harbour pada November 2012 dijangka menarik lebih ramai pelancong domestik dan asing.

Inisiatif berterusan dilaksanakan bagi menguasai pasaran yang lebih besar dalam industri Mesyuarat, Insentif, Persidangan dan Pameran (MICE). Dalam tempoh enam bulan pertama 2012, Malaysia Convention and Exhibition Bureau (MyCEB) telah menganjurkan 33 acara utama dengan jumlah peserta seramai 50,770 dan menjana anggaran hasil sebanyak RM499 juta. Menurut Laporan 2011 *International Congress and Convention Association*, Malaysia telah menduduki tangga ketujuh sebagai penganjur acara MICE terbesar di rantau Asia Pasifik dengan sejumlah 126 mesyuarat pada tahun 2011.

Program inap desa dan Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) adalah antara segmen yang penting dalam industri pelancongan. Kadar penginapan bagi program inap desa mencatat 37.2% (Januari – Jun 2011: 26.7%) disokong oleh aktiviti promosi yang giat melalui portal www.go2homestay.com yang diperakui oleh Kementerian Pelancongan Malaysia. Dalam tempoh enam bulan pertama 2012, bilangan peserta program inap desa berjumlah 155,933 merangkumi 80.4% pelancong domestik dan 19.6% pelancong asing (Januari – Jun 2011: 100,606; 73%; 27%). Lokasi inap desa yang paling kerap dikunjungi adalah di negeri Pahang merangkumi 26.7% dan Johor 25%. Sementara itu, dalam tempoh enam bulan pertama 2012, program MM2H telah menarik seramai 1,667 peserta (Januari – Jun 2011: 946) terutamanya dari negara Jepun (389), China (326) dan Bangladesh (235).

Subsektor kewangan dan insurans dijangka berkembang 4.2% pada tahun 2012 (2011: 6.5%) dipacu terutamanya oleh aktiviti pinjaman bank yang mampan. Jumlah pinjaman terkumpul meningkat 13% kepada RM1,073.1 bilion pada akhir Julai 2012 (akhir tahun 2011: 13.6%; RM1,003.5 bilion),

sebahagian besarnya disalurkan untuk pembelian harta kediaman merangkumi 27% dan modal kerja 24.7% (akhir tahun 2011: 26.8%; 25.2%). Pertumbuhan dalam pendapatan faedah bersih sistem perbankan dijangka turut disokong oleh peningkatan pendapatan berasaskan fi. Subsektor ini juga dijangka mendapat manfaat daripada perkembangan pasaran perbankan Islam. Pada akhir Julai 2012, pembiayaan kewangan Islam berkembang 19.3% kepada RM294.2 bilion dan merangkumi 26.6% (akhir tahun 2011: 23.6%; RM268.3 bilion; 25.9%) daripada jumlah pinjaman dalam sistem perbankan. Sementara itu, aktiviti broker saham meningkat dengan kenaikan jumlah urus niaga saham sebanyak 18.4% kepada 222.2 bilion unit (Januari – Julai 2011: 40.2%; 187.7 bilion unit). Dalam segmen insurans, insurans hayat dan am dijangka terus menyumbang kepada pertumbuhan subsektor ini, didorong oleh peningkatan polisi insurans hayat baharu dan insurans motor.

Subsektor harta tanah dan perkhidmatan perniagaan dianggarkan meningkat 6.6% pada tahun 2012 (2011: 5.5%) disokong oleh aktiviti harta tanah, perkhidmatan perkongsian dan penyumberan luar (SSO) serta perkhidmatan berkaitan teknologi maklumat (IT) yang memberangsangkan. Dalam tempoh enam bulan pertama 2012, subsektor ini berkembang 7.3% (Januari – Jun 2011: 6.4%) dengan nilai transaksi harta tanah mencatat kenaikan 6.5% kepada RM69.1 bilion (Januari – Jun 2011: 29.9%; RM64.8 bilion). Sementara itu, jumlah pinjaman yang diluluskan bagi segmen harta tanah meningkat 22% kepada RM20.1 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012 (Januari – Julai 2011: 60.6%; RM16.5 bilion).

Dalam industri SSO, Malaysia kekal sebagai lokasi pilihan ketiga terbaik di dunia selama lapan tahun berturut-turut. Infrastruktur yang baik dan kos operasi yang rendah serta kestabilan politik terus menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan untuk pelaburan. Faktor ini telah mendorong syarikat multinasional (MNC) dan firma besar terkemuka memilih Malaysia sebagai hab operasi serantau dan global. Syarikat ini membawa masuk jumlah pelaburan yang besar dengan kesan pengganda yang tinggi kepada ekonomi.



Pada akhir Julai 2012, jumlah pertubuhan serantau adalah sebanyak 3,123 (akhir Julai 2011: 3,007) yang terdiri daripada 1,785 pejabat perwakilan, 859 pejabat serantau, 227 pusat perolehan antarabangsa, 224 ibu pejabat operasi dan 28 pusat pengedaran serantau. Pertubuhan ini sebahagian besarnya terlibat dalam pelbagai aktiviti seperti elektrik dan elektronik (E&E), perkhidmatan, kimia, peralatan perubatan serta O&G. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012, 65 pertubuhan serantau baharu telah diluluskan (Januari – Julai 2011: 59) dan mewujudkan 670 peluang pekerjaan (Januari – Julai 2011: 696) yang sebahagian besarnya melibatkan jawatan pengurusan, profesional dan teknikal.

Bagi perkhidmatan IT, sebanyak 83 syarikat telah diberi status Koridor Raya Multimedia Malaysia (MSC Malaysia) dengan anggaran pelaburan berjumlah RM1,465.3 juta dan 7,891 peluang pekerjaan dalam tempoh lapan bulan pertama 2012 (Januari – Ogos 2011: 119; RM975 juta; 4,647). Pada akhir Ogos 2012, jumlah syarikat MSC Malaysia adalah sebanyak 3,037 (akhir Ogos 2011: 2,857) dengan 2,273 atau 74.8% merupakan syarikat hak milik Malaysia, 677 (22.3%) hak milik asing, manakala 87 (2.9%) syarikat usaha sama. Syarikat ini dikategorikan kepada *infotech* (75.8%), multimedia kreatif (11.6%), penyumberan global (8.8%) serta institusi pengajian tinggi dan inkubator (3.8%). Di samping itu, terdapat sejumlah 26 *cybercity* dan *cybercentre* pada akhir Ogos 2012 (akhir Ogos 2011: 22), termasuk tiga *cybercentre* baharu yang diluluskan pada tahun 2012, iaitu Jaya 33 di Petaling Jaya, Pusat Kewangan dan Korporat Puchong, dan Menara Worldwide di Bukit Bintang. Tambahan lagi, terdapat tiga premis baharu yang sedang dalam pertimbangan untuk mendapat status *cybercity* dan *cybercentre* menjelang akhir tahun 2012.

Subsektor komunikasi dianggar berkembang 9.3% pada tahun 2012 (2011: 7.6%) disumbang oleh pertumbuhan kukuh dalam segmen selular, jalur lebar dan generasi ketiga (3G). Segmen selular kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan disokong oleh peningkatan penggunaan perkhidmatan data, suara dan multimedia.

Pada akhir Jun 2012, langganan telefon selular meningkat 9% kepada 38.4 juta dengan kadar penembusan sebanyak 133.3% (akhir Jun 2011: 12.1%; 35.3 juta; 123.6%). Segmen prabayar mendominasi jumlah langganan dengan 31.2 juta pelanggan, sementara selebihnya merupakan pelanggan pascabayar. Pertumbuhan ini didorong oleh telefon pintar yang canggih dilengkapi dengan capaian Internet, harga yang berpatutan dan kualiti perkhidmatan yang lebih baik. Di samping itu, langganan 3G meningkat 23.2% kepada 12 juta didorong sebahagian besarnya oleh peningkatan permintaan bagi perkhidmatan jalur lebar mudah alih (akhir Jun 2011: 24.1%; 9.8 juta).

Pada akhir Jun 2012, segmen jalur lebar terus berkembang 8.2% dengan bilangan pelanggan meningkat kepada 5.8 juta dan mencapai kadar penembusan isi rumah sebanyak 63.7% (akhir Jun 2011: 66.9%; 5.4 juta; 60.1%). Pertumbuhan ini sebahagian besarnya didorong oleh aktiviti promosi yang rancak dan liputan rangkaian yang lebih baik. Di samping itu, laman rangkaian sosial yang semakin popular seperti *Facebook* dan *Twitter* akan terus merangsang permintaan perkhidmatan jalur lebar. Dalam segmen jalur lebar tanpa wayar, bilangan lokasi *hotspot* meningkat kepada 26,698 di seluruh negara (akhir Jun 2011: 16,851), terutamanya tertumpu di Pulau Pinang, Selangor dan Kuala Lumpur, yang secara kolektif merangkumi 51.6% daripada jumlah lokasi *hotspot*.

Sementara itu, perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi (HSBB) atau UniFi oleh Telekom Malaysia Berhad (TM) mencatat 405,839 pelanggan pada akhir Julai 2012, melepasi sasaran akhir tahun sebanyak 400,000 pelanggan. Langganan jalur lebar dijangka meningkat 3.5% kepada 5.9 juta pelanggan pada akhir tahun 2012 (akhir tahun 2011: 23.6%; 5.7 juta) disokong oleh peluasan liputan UniFi dan inisiatif Kerajaan yang berterusan bagi menyediakan kebolehcapaian perkhidmatan jalur lebar di seluruh negara.

Dalam industri penyiaran, televisyen satelit berbayar, Astro Malaysia Holdings Berhad (ASTRO), mempunyai 3.2 juta pelanggan dengan



Digital Malaysia – Meningkatkan Pertumbuhan Ekonomi dan Daya Saing

Pengenalan

Digital Malaysia bertujuan untuk mewujudkan satu ekosistem yang menggalakkan penggunaan menyeluruh teknologi digital dalam semua aspek ekonomi bagi menghubungkan masyarakat global dan berinteraksi pada masa nyata untuk meningkatkan aktiviti ekonomi, produktiviti dan taraf hidup. Walaupun Malaysia telah membina asas teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang kukuh, Digital Malaysia akan memberi tumpuan kepada perkhidmatan nilai ditambah melalui teknologi digital. Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC) telah diberi mandat pada Oktober 2011 ketika Mesyuarat Majlis Pelaksanaan Koridor Raya Multimedia Malaysia (MSC Malaysia) yang ke-24 untuk menerajui inisiatif ini yang berlandaskan tiga teras strategik, iaitu beralih daripada: penawaran kepada permintaan, penggunaan kepada pengeluaran dan aktiviti berpengetahuan rendah kepada berpengetahuan tinggi. Digital Malaysia merangkumi satu rangka kerja strategik dan satu set pelan tindakan yang akan dilaksanakan melalui projek permulaan.

Sasaran

Matlamat berikut disasar untuk dicapai menjelang tahun 2020:

- **Menyumbang 17% atau RM294 Bilion Kepada Pendapatan Negara Kasar (PNK) dan Mewujudkan Peluang Pekerjaan Berpendapatan Tinggi**

Meningkatkan sumbangan ICT Malaysia kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) daripada 9.8% pada tahun 2010 kepada 17%¹ menjelang tahun 2020. Digital Malaysia juga menyasarkan pewujudan 160,000 peluang pekerjaan berpendapatan tinggi, terutamanya dalam bidang seperti *cloud enterprise application*, *gamification*, *embedded system*, penyumberan mikro, media sosial, e-dagang dan teknologi hijau.

- **Menjadi Antara 20 Negara Terbaik Dari Segi Kedudukan Ekonomi Digital Oleh Economist Intelligence Unit (EIU)**

Meningkatkan kedudukan Malaysia yang berada di tangga ke-36 daripada 70 negara pada tahun 2010 untuk menjadi antara 20 negara terbaik menjelang tahun 2020. Kriteria yang diambil kira adalah kebolehcapaian, dasar dan visi Kerajaan, tahap penggunaan oleh perniagaan dan individu serta persekitaran kebudayaan, undang-undang, sosial dan perniagaan.

- **Menjadi Antara 10 Negara Terbaik Dari Segi Kedudukan Daya Saing Dunia Oleh International Institute for Management Development (IMD)**

Meningkatkan kedudukan daya saing global Malaysia dari tangga ke-14 daripada 59 negara pada tahun 2012 untuk menjadi antara 10 negara terbaik menjelang tahun 2020. Oleh yang demikian, adalah penting untuk memanfaatkan peluang teknologi digital ke arah menjadi sebuah negara maju.

Tiga Teras Strategik

i) Beralih Daripada Penawaran Kepada Permintaan

Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) menunjukkan sejumlah besar pelaburan Kerajaan dalam ICT disalurkan kepada projek berasaskan penawaran atau infrastruktur seperti jalur lebar berkelajuan tinggi, pembangunan pusat teknologi maklumat serta pembelian perkakasan dan perisian komputer. Digital Malaysia menyasarkan pewujudan aktiviti permintaan seperti pembangunan usahawan digital untuk meraih perbelanjaan domestik ICT berjumlah RM175 bilion menjelang tahun 2020.

¹ Data menunjukkan sumbangan kepada PNK, termasuk e-dagang.



ii) Beralih Daripada Penggunaan Kepada Pengeluaran

Walaupun Internet digunakan secara meluas untuk rangkaian sosial, e-dagang, berita dan penyelidikan, namun rakyat Malaysia masih belum memanfaatkan Internet sepenuhnya bagi menjana pendapatan. *Internet World Statistics 2010* menganggarkan 30% daripada pengguna Internet di Malaysia merupakan pembeli dalam talian, menunjukkan pencapaian yang lebih baik berbanding beberapa negara Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD). Walau bagaimanapun, sebahagian besar daripada rakyat Malaysia kekal sebagai konsumer yang mengguna dan mengimport berbanding sebagai pengeluar yang mencipta dan mengeksport. Sebagai contoh, Malaysia ketinggalan di belakang Thailand dan Filipina dari segi bilangan penjual di eBay. Menurut eBay.com.my, sebahagian besar daripada 500,000 rakyat Malaysia yang berdaftar pada laman lelong dan membeli-belah dalam talian merupakan pengguna.

Oleh itu, wujud keperluan untuk beralih daripada aktiviti membelanjakan wang kepada menjana pendapatan. Digital Malaysia menyasarkan pewujudan platform dan program bagi memupuk dan menggalakkan pengguna untuk menjana pendapatan melalui model perniagaan digital. Satu contoh inisiatif ini adalah penyumberan mikro, yang melibatkan penyumberan luar tugas mikro kepada sekumpulan individu yang mempunyai kemahiran dan rangkaian melalui Internet. Tugas ini boleh dilakukan secara fleksibel dan hanya memerlukan peranti asas yang mempunyai sambungan Internet seperti telefon selular, *tablet*, *netbook* dan komputer.

iii) Beralih Daripada Aktiviti Berpengetahuan Rendah Kepada Berpengetahuan Tinggi

Kadar penembusan jalur lebar di Malaysia sebanyak 63.7% pada akhir Jun 2012 adalah lebih rendah berbanding negara Asia lain seperti Republik Korea (118.4%), Singapura (104.8%) dan Hong Kong (86.7%). Di samping itu, penggunaan ICT oleh perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Malaysia kekal rendah pada kadar 20%. Inisiatif Digital Malaysia akan membolehkan PKS meningkatkan produktiviti melalui automasi dan alat digital yang berinovatif. Selain itu, Digital Malaysia menyasarkan untuk mempertingkatkan bakat tempatan melalui latihan dan kemahiran semula untuk meningkatkan rantai nilai. Satu laporan mengenai impak Internet terhadap beberapa negara terpilih pada awal tahun 2012 mendapati bahawa PKS yang membelanjakan lebih daripada 30% daripada bajet mereka untuk teknologi web, mampu meningkatkan pendapatan sembilan kali lebih tinggi berbanding PKS yang membelanjakan kurang daripada 10%.

Kesimpulan

Dunia digital berkembang pesat dengan bilangan pengguna Internet global dianggarkan meningkat daripada 2.3 bilion pada tahun 2011 kepada 3 bilion menjelang akhir tahun 2016. Oleh yang demikian, usaha mempercepatkan inisiatif ekonomi digital akan meningkatkan kesalinghubungan dan menawarkan peluang luas yang penting untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi.

kadar penembusan isi rumah sebanyak 50.4% pada akhir Julai 2012 (akhir Julai 2011: 3 juta; 48.2%). Perkembangan ini disebabkan sebahagian besarnya oleh tawaran pelbagai kandungan sebanyak 156 saluran, termasuk 22 saluran berdefinisi tinggi (HD) dan peningkatan langganan pakej sukan, terutamanya untuk Kejohanan Bola Sepak Piala Eropah UEFA dan Sukan Olimpik 2012. Di samping itu, ASTRO kini boleh diakses melalui telefon pintar, *tablet*, komputer riba dan

komputer peribadi dengan sambungan Internet. Pada tahun 2012, prestasi industri ini dijangka kekal menggalakkan dengan pertambahan penawaran saluran HD dan pengenalan pakej prabayar kepada kumpulan sasar.

Dalam industri perkhidmatan pos, Pos Malaysia Berhad (PMB) mencatat jumlah anggaran hasil sebanyak RM510.5 juta dalam tempoh separuh pertama 2012 (Januari – Jun 2011:



RM494.6 juta) disokong oleh jumlah mel dan kurier yang lebih tinggi. Jumlah mel yang dikendalikan oleh PMB meningkat 4.6% kepada 589.9 juta (Januari – Jun 2011: -9.5%; 564.2 juta), manakala segmen bungkusan kembali pulih dengan mencatat pertumbuhan ketara sebanyak 14.6% kepada 479,000 (Januari – Jun 2011: -31.3%; 418,000). Pertumbuhan ini didorong sebahagian besarnya oleh peningkatan permintaan bagi perkhidmatan pos semasa musim cuti dan perayaan. Sementara itu, jumlah kurier melonjak 29.6% kepada 11 juta (Januari – Jun 2011: 12.4%; 8.5 juta) berikutan peningkatan penghantaran mel ekspres dan e-dagang. Peluasan berterusan liputan rangkaian, penaiktarafan sistem jejak dan kesan, serta peningkatan automasi dijangka terus merancakkan prestasi industri pos dan kurier.

Dalam tempoh separuh pertama 2012, nilai ditambah bagi **subsektor pengangkutan dan penyimpanan** meningkat 5.9% (Januari – Jun 2011: 4.6%) disebabkan oleh aktiviti perjalanan penumpang yang mampan dan perdagangan yang sederhana. Pertumbuhan juga didorong oleh inisiatif pemodenan infrastruktur pengangkutan, terutamanya pelabuhan, lapangan terbang dan pengangkutan awam. Pada tahun 2012, subsektor ini dijangka meningkat 5.2% (2011: 5.4%) berikutan aktiviti ekonomi domestik yang kekal mampan di sebalik pengembangan perdagangan yang sederhana. Jumlah kendalian kontena di pelabuhan utama¹ meningkat 4.8% kepada 10.1 juta *twenty-foot equivalent unit* (TEU) (Januari – Jun 2011: 10.4%; 9.6 juta TEU). Pelabuhan Klang telah mengendalikan 5 juta TEU dan menyumbang 49.6% kepada jumlah keseluruhan kendalian kontena (Januari – Jun 2011: 4.7 juta TEU; 48.7%) manakala PTP sebanyak 3.8 juta TEU dan menyumbang 38.1% (Januari – Jun 2011: 3.7 juta TEU; 38.1%).

Menurut Laporan *Containerisation International*, Pelabuhan Klang dan PTP kekal pada kedudukan ke-13 dan ke-17 dari segi jumlah kendalian kontena pada tahun 2011. Di samping itu, Malaysia menduduki tempat ketujuh dalam *Liner Shipping*

Connectivity Index (LSCI) oleh United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD). Kedudukan ini menunjukkan peningkatan kepentingan Malaysia sebagai hab logistik serantau. Walau bagaimanapun, perubahan persekitaran perkapalan global yang dinamik telah memberi kesan kepada industri maritim domestik. Pengenalan kapal bersaiz lebih besar dengan kapasiti muatan yang lebih tinggi telah menurunkan kadar fret disebabkan oleh skala ekonomi. Oleh itu, untuk terus berdaya saing, pelabuhan domestik mengambil langkah membeli kren dan membina dermaga kapal yang baharu bagi membolehkan kapal bersaiz lebih besar berlabuh. Selaras dengan perkembangan ini, jumlah kendalian kontena dijangka mencecah 21 juta TEU pada tahun 2012 (2011: 19.7 juta TEU), berikutan peningkatan kapasiti kendalian, kecekapan dan produktiviti.

Prestasi segmen pengangkutan darat dijangka mampan disokong oleh inisiatif untuk menambah baik infrastruktur jalan dan pengangkutan awam bagi memastikan kelancaran pergerakan barangan dan perkhidmatan. Dalam tempoh enam bulan pertama 2012, bilangan kenderaan di lebuh raya bertol meningkat 4.5% kepada 761.4 juta (Januari – Jun 2011: 7.1%; 728.4 juta). Pada tahun 2012, Lebuhraya Penyuraian Trafik Timur (EDL) di Johor Bahru; Seksyen 2 Lebuhraya Lembah Kelang Selatan (SKVE) yang menghubungkan Saujana Putra ke Teluk Panglima Garang; dan sebahagian daripada Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT2) di Terengganu telah dibuka untuk meningkatkan jaringan hubungan serta mengurangkan masa perjalanan dan kesesakan. Sementara itu, jumlah kargo yang dikendalikan oleh Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) meningkat 5.6% kepada 3 juta tan metrik (Januari – Jun 2011: 7.7%; 2.9 juta tan metrik) disokong oleh peningkatan penghantaran bahan pembinaan. Sebaliknya, jumlah penumpang KTMB antara bandar merosot 10.1% kepada 2.1 juta (Januari – Jun 2011: 7.5%; 2.3 juta) berikutan penamatan perkhidmatan KL Sentral – Ipoh dan penutupan stesen Tanjong Pagar di Singapura.

¹ Merangkumi Pelabuhan Klang, Tanjung Pelepas (PTP), Pulau Pinang, Kuantan, Johor, Bintulu dan Kuching.



Bagi pengangkutan awam bandar, jumlah penumpang perkhidmatan bas RapidKL dan RapidPenang meningkat 3.8% kepada 67.5 juta dalam tempoh enam bulan pertama 2012 (Januari – Jun 2011: 3.4%; 65 juta). Jumlah penumpang perkhidmatan rel bandar² di Lembah Klang juga meningkat 2% kepada 93.1 juta (Januari – Jun 2011: 9.2%; 91.3 juta). Antara inisiatif yang dilaksanakan untuk menambah baik pengangkutan awam adalah tambahan 470 bas RapidKL, 35 set tren empat-gerabak untuk transit aliran ringan (LRT) bagi Aliran Kelana Jaya dan 38 set baharu *Electric Multiple Unit* enam-gerabak bagi KTM Komuter. Pada akhir Ogos 2012, sejumlah 468 perhentian bas telah dibaik pulih dan 10 stesen Komuter telah dilengkapi dengan fasiliti mesra orang kurang upaya manakala tiga stesen dinaik taraf dengan kemudahan letak dan naik. Sementara itu, pada Julai 2011 kerja pembinaan MY Rapid Transit (MRT) telah bermula bagi aliran Sungai Buloh – Kajang (SBK) dan dijangka siap pada Julai 2017. Kesemua inisiatif ini telah menyumbang kepada peningkatan tahap keselamatan dan kapasiti sistem pengangkutan awam bandar serta mengurangkan masa menunggu dan meningkatkan kekerapan perjalanan di kawasan Lembah Klang. Berikutan pelaksanaan inisiatif ini, Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) pengangkutan awam bandar disasarkan untuk mencapai 25% mod penggunaan pengangkutan awam pada tahun 2012 (2011: 16.4%).

Kerajaan terus mempergiat usaha untuk meningkatkan perkhidmatan pengangkutan awam di seluruh negara. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) telah diperuntukkan sejumlah RM400 juta untuk membantu membiayai pengusaha bas berhenti-henti manakala setiap pemandu teksi telah diberi subsidi berjumlah RM520 untuk menggantikan tayar di bawah program Teksi Rakyat 1Malaysia (TR1Ma). Di samping itu, pada awal tahun 2012, KTMB telah melancarkan perkhidmatan baharu Malayan Tiger Train yang menghubungkan Johor Bahru ke Tumpat, Kelantan.

Dalam tempoh separuh pertama 2012, pertumbuhan segmen pengangkutan udara adalah sederhana walaupun permintaan perjalanan penumpang masih mampan. Jumlah penumpang di lapangan terbang seluruh negara berkembang 4.1% kepada 33.2 juta (Januari – Jun 2011: 12.6%; 31.9 juta) disokong sebahagiannya oleh peningkatan jaringan hubungan berikutan kemasukan syarikat penerbangan baharu ke Malaysia seperti Mandala Airlines dan Bangkok Airways. Walau bagaimanapun, jumlah penumpang syarikat penerbangan domestik³ menguncup 7.3% kepada 18.9 juta (Januari – Jun 2011: 18.2%; 20.4 juta) disebabkan sebahagiannya oleh rasionalisasi laluan domestik dan antarabangsa. Jumlah kargo udara yang dikendalikan di semua lapangan terbang juga menyusut 0.8% kepada 437,174 tan metrik (Januari – Jun 2011: -2.5%; 440,626 tan metrik) berikutan prestasi eksport E&E yang lebih perlahan.

Pada tahun 2012, industri pengangkutan udara dijangka kekal mencabar berikutan harga bahan api dan keadaan ekonomi global yang tidak menentu. Cabaran ini telah menyebabkan pemain industri tempatan berubah dan menjadi lebih berdaya saing. Sebagai langkah untuk mengurangkan kos operasi dan meningkatkan kapasiti, MAS telah memperkenalkan pesawat penumpang Airbus A380 dan kargo A330-200. Di samping itu, kapasiti dan jaringan perkhidmatan udara luar bandar di Sabah dan Sarawak akan dipertingkatkan dengan pembelian pesawat baharu dan peluasan perkhidmatan ke Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-The Philippines East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA) oleh MASwings. Selain itu, pembinaan klia2, iaitu terminal baharu untuk penerbangan tambang murah, serta penaiktarafan lapangan terbang di Bayan Lepas, Kuching dan Langkawi sedang giat dijalankan untuk memenuhi permintaan perjalanan udara yang semakin meningkat.

Nilai ditambah **subsektor utiliti** dijangka berkembang 4.5% pada tahun 2012 (2011: 3.1%) disumbang terutamanya oleh peningkatan

² Merangkumi Aliran Ampang, Aliran Kelana Jaya, KL Monorel, Express Rail Link dan KTM Komuter.

³ Merangkumi Sistem Penerbangan Malaysia (MAS), AirAsia, Firefly, MASwings dan AirAsia X.



penggunaan elektrik dan gas dalam segmen industri dan komersial. Dalam tempoh separuh pertama 2012, jualan elektrik meningkat 4.5% kepada 53,005 gigawatt jam (GWj) (Januari – Jun 2011: 0.3%; 50,715 GWj) dengan segmen industri menyumbang 42% kepada jumlah penggunaan elektrik, diikuti oleh segmen komersial (34.7%) dan isi rumah (21.7%). Penjanaan elektrik juga berkembang 6.3% (Januari – Jun 2011: -0.1%), manakala permintaan maksimum mencecah paras tertinggi pada 15,826 megawatt (MW) pada Jun 2012 (Januari – Jun 2011: 15,476 MW pada Mei 2011). Di samping itu, jualan gas meningkat 7.8% kepada RM1,018.2 juta (Januari – Jun 2011: 7.6%; RM944.3 juta). Antara projek yang dilaksanakan untuk meningkatkan penjanaan dan pengagihan elektrik adalah menaik taraf skim hidroelektrik di Ulu Jelai, Pahang dan Hulu Terengganu serta pembinaan Backbone Transmission Project di Sarawak. Selain itu, pada tahun 2012, Gas Malaysia akan membina paip gas tambahan yang dianggar sepanjang 77 kilometer (km) untuk membekalkan gas ke kawasan perindustrian yang tidak mendapat bekalan gas yang mencukupi seperti di Padang Terap, Kedah dan Chuping, Perlis.

Dalam tempoh separuh pertama 2012, pengeluaran bekalan air kepada pengguna meningkat 0.5% kepada 14,721 juta liter sehari (jlh) (Januari – Jun 2011: 4.2%; 14,648 jlh). Pada akhir Jun 2012, liputan bekalan air untuk penduduk bandar merangkumi 96.8% manakala luar bandar 90.2% (akhir tahun 2011: 96.8%; 90.1%). Inisiatif utama yang dilaksanakan adalah pengambilalihan aset air oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) di bawah program penstrukturan semula perkhidmatan air. Pada akhir Jun 2012, enam negeri telah menyertai program ini, iaitu Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Perlis, Pulau Pinang dan Perak. Selain itu, penggantian paip dan meter serta pemasangan sistem telemetri dan Sistem Maklumat Geografi (GIS) sedang dilaksanakan secara berperingkat di seluruh negara untuk memastikan pengagihan air yang cekap dan mengurangkan kehilangan air tidak berhasil.

Pertumbuhan **subsektor perkhidmatan lain** dijangka meningkat 4.3% pada tahun 2012 (2011: 4.7%) dipacu oleh peningkatan aktiviti pendidikan dan kesihatan swasta. Pada akhir Jun 2012, terdapat 506 institusi pengajian tinggi swasta, terdiri daripada enam kampus cawangan universiti asing dan 448 kolej swasta. Bilangan pelajar asing dijangka meningkat kepada 106,919 pada tahun 2012 (2011: 70,509) disokong oleh penyediaan pendidikan yang berkualiti pada kos yang berpatutan. Bagi perkhidmatan kesihatan, Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC) sedang bekerjasama dengan penyedia perkhidmatan kesihatan swasta untuk mempromosikan pelancongan kesihatan. Usaha ini dijangka meningkatkan hasil daripada pesakit asing sebanyak 7.2% kepada RM548 juta pada tahun 2012 (2011: 34.8%; RM511 juta). MHTC akan mengambil beberapa langkah untuk memperkukuh industri pelancongan kesihatan seperti menganjurkan *Malaysia International Healthcare Travel Expo* yang pertama, membuka pejabat MHTC di luar negara serta menambah baik portal MHTC supaya lebih interaktif dan berinformasi. Sementara itu, **subsektor perkhidmatan kerajaan** dijangka berkembang 5.1% pada tahun 2012 (2011: 12.4%).

Sektor Pembuatan

Diterajui industri berorientasikan domestik

Nilai ditambah sektor pembuatan berkembang 5% dalam tempoh separuh pertama 2012 (Januari – Jun 2011: 4.1%). Output bagi sektor ini meningkat 5.2% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012 (Januari – Julai 2011: 3.6%), selaras dengan nilai jualan produk pembuatan yang meningkat 6.5% kepada RM363.1 bilion (Januari – Julai 2011: 10.6%; RM341 bilion). Output bagi industri berorientasikan domestik terus berkembang 8.6% (Januari – Julai 2011: 6.5%) manakala industri berorientasikan eksport meningkat 4.1% (Januari – Julai 2011: 2.8%). Sektor ini terus



JADUAL 3.3

Indeks Pengeluaran Pembuatan
Januari – Julai
 (2005 = 100)

	Indeks		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2011	2012	2011	2012	2011	2012
Industri berorientasikan eksport	109.2	113.7	2.8	4.1	75.9	75.1
Produk elektrik dan elektronik	94.4	95.9	-4.8	1.6	26.4	25.5
Kimia dan produk kimia	126.1	138.6	5.5	9.9	19.0	19.8
Produk petroleum	116.0	124.3	9.3	7.1	15.9	16.1
Kayu dan produk kayu	79.7	83.3	-6.9	4.6	3.1	3.1
Pemprosesan di luar estet	113.1	105.5	6.3	-6.7	3.6	3.2
Produk getah	168.9	174.9	15.4	3.6	3.7	3.6
Produk kertas	143.3	132.0	14.8	-7.8	2.7	2.4
Tekstil, pakaian dan kasut	92.7	86.1	14.8	-7.1	1.5	1.3
Industri berorientasikan domestik	140.4	152.5	6.5	8.6	24.1	24.9
Produk galian bukan logam dan yang berkaitan	147.1	156.8	27.1	6.6	3.8	3.9
Produk logam yang direka	205.9	228.9	26.1	11.2	5.1	5.3
Logam asas	115.9	107.9	2.5	-6.9	2.5	2.2
Kelengkapan pengangkutan	122.8	139.6	-10.4	13.7	4.6	5.0
Produk makanan	134.8	151.6	1.9	12.5	4.9	5.2
Minuman	151.4	151.3	12.6	0.0	1.7	1.6
Produk tembakau	90.2	112.6	-2.3	24.9	0.3	0.3
Lain-lain	107.5	118.2	-14.8	10.0	1.2	1.2
Jumlah	115.3	121.4	3.6	5.2	100.0	100.0

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

menarik pelaburan asing dan domestik, dengan nilai pelaburan yang diluluskan sebanyak RM56.1 bilion pada tahun 2011. Gaji purata bagi setiap pekerja menokok RM2,455 manakala produktiviti meningkat 4.6% (Januari – Julai 2011: RM2,299; -2%) dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012. Di samping itu, kadar kapasiti penggunaan kekal tinggi pada 82.8% dalam tempoh suku kedua 2012 (S1 2012: 82.3%) sungguhpun tingkat kapasiti terus berkembang dengan peningkatan pelaburan baharu. Sejajar dengan prospek ekonomi keseluruhan, nilai

ditambah bagi sektor ini dijangka meningkat 4.2% pada tahun 2012 (2011: 4.7%).


Output bagi **E&E** kembali pulih dengan pertumbuhan 1.6% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012 (Januari – Julai 2011: -4.8%). Pertumbuhan didorong terutamanya oleh pengeluaran peranti semikonduktor (14.5%) serta perkakas komunikasi dan visual audio (6%) yang lebih tinggi. Prestasi E&E yang lebih baik disebabkan sebahagiannya oleh vendor cip dan pengeluar storan data mengambil kesempatan terhadap



CARTA 3.2

Prestasi Sektor Pembuatan

(% perubahan tahunan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

kestabilan harga dan bekalan alat ganti untuk meningkatkan semula inventori dan melancarkan produk baharu yang tertangguh berikutan banjir besar di Thailand pada suku keempat 2011. Perkembangan ini juga dicerminkan dalam nilai *book-to-bill ratio* yang meningkat melebihi 1 dari Februari hingga Mei 2012. Walau bagaimanapun, paras PMI pembuatan yang semakin perlahan di negara maju dan negara membangun yang berkembang pesat akan terus menjadi faktor yang boleh menjejaskan pertumbuhan subsektor ini. Di samping itu, *book-to-bill ratio* yang merosot pada Jun (0.93) dan Julai 2012 (0.87) menunjukkan permintaan daripada pasaran semakin perlahan dengan bekalan produk melebihi permintaan.

Dalam pasaran komputer peribadi (PC), permintaan pada peringkat global kekal rendah disebabkan permintaan yang lebih rendah terutamanya dari ekonomi maju. Di samping itu,

JADUAL 3.4

Pertumbuhan Subsektor E&E

Januari – Julai

(2005 = 100)

	Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2011	2012	2011	2012
Jumlah E&E	-4.8	1.6	26.4	25.5
Semikonduktor dan komponen elektronik lain	-6.1	3.1	11.1	10.8
Perkakas komunikasi dan visual audio	6.6	6.0	5.4	5.5
Mesin pejabat, perakaunan dan pengira	-31.2	-6.9	3.7	3.2
Jentera dan perkakas elektrik	7.4	5.3	3.1	3.1
Peralatan domestik	15.4	-14.4	0.3	0.2
Jentera dan kelengkapan	19.5	-4.5	2.8	2.6

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

populariti telefon pintar dan tablet media yang semakin meningkat juga telah menjejaskan jualan PC, meskipun dengan pengenalan Ultrabook yang menawarkan ciri-ciri komputer mudah alih yang lebih baik. Justeru, output segmen mesin pejabat, perakaunan dan pengira di Malaysia terus merosot 6.9% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012 (Januari – Julai 2011: -31.2%).

Meskipun berhadapan dengan permintaan global yang lembap, pengusaha E&E tetap melabur dalam teknologi baharu dan pembangunan produk untuk mempertingkatkan rantaian nilai dalam subsektor ini. Perbelanjaan modal yang diluluskan dalam subsektor E&E berjumlah RM1.72 bilion bagi 46 projek dan daripada jumlah ini, RM1.35 bilion merupakan pelaburan asing. Faktor ini mengukuhkan lagi kedudukan Malaysia sebagai lokasi pengeluaran produk E&E yang menarik dengan kos yang efisien di rantau ini. Pelaburan tinggi yang berterusan akan membantu untuk mengukuhkan pertumbuhan dalam subsektor




CARTA 3.3

Bilangan Pekerja, Gaji dan Upah Sektor Pembuatan
(% perubahan tahunan)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

CARTA 3.4

Output Sektor Pembuatan
(% perubahan tahunan)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

E&E dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berkemahiran tinggi.

Output **kimia dan produk kimia** berkembang 9.9% (Januari – Julai 2011: 5.5%) berikutan permintaan yang semakin meningkat bagi produk plastik (11.8%) dan bahan kimia asas (11.1%). Permintaan luar bagi bahan pembungkusan plastik melonjak pada awal tahun 2012, terutamanya dari Jepun dan Thailand berikutan penyambungan semula operasi pengeluaran yang terjejas kerana bencana alam dan gangguan bekalan elektrik. Subsektor ini juga dijangka mendapat manfaat yang signifikan daripada sektor O&G serta transformasi Johor Selatan kepada hab O&G antarabangsa.

Pengeluaran **petroleum** meningkat 7.1% (Januari – Julai 2011: 9.3%) sejajar dengan permintaan domestik yang tinggi. Prestasi yang

kukuh ini disumbang oleh pengeluaran yang lebih tinggi bagi minyak diesel (27.3%), nafta (25.4%) dan gasolin (6.4%). Pengeluaran yang lebih tinggi bagi produk-produk ini telah mengimbangi kemerosotan output gas asli cecair (LNG) (-12.9%) dan gas petroleum cecair (-4.6%) yang terjejas disebabkan cabaran operasi.

Pengeluaran **kayu dan produk kayu** pula kembali pulih sebanyak 4.6% (Januari – Julai 2011: -6.9%) disokong sebahagian besarnya oleh permintaan yang lebih tinggi bagi perabot kayu dan rotan (33.5%). Prestasi positif ini disokong oleh aktiviti pembinaan kediaman domestik yang cergas dan permintaan yang lebih tinggi daripada destinasi eksport utama seperti Amerika Syarikat (AS) dan China bagi perabot buatan Malaysia. Permintaan dari China meningkat dengan kukuh berikutan peningkatan pendapatan dan pemansuhan duti import ke atas perabot buatan Malaysia.



Pengeluaran **produk getah** meningkat 3.6% (Januari – Julai 2011: 15.4%), disokong terutamanya oleh permintaan yang berterusan bagi sarung tangan getah. Pengeluaran sarung tangan getah meningkat 5.9% berikutan industri penjagaan kesihatan global yang berkembang dan penggunaan sarung tangan yang meluas dalam sektor lain. Sementara itu, output catheters khususnya bagi kegunaan dalam peralatan perubatan turut mencatat peningkatan yang kukuh sebanyak 12.6%. Namun demikian, pengeluaran tayar dan tiub getah menguncup 10.9% sejajar dengan permintaan yang lebih rendah dalam industri automotif, terutamanya China.

Dari sudut domestik, output bagi kumpulan **bahan berkaitan pembinaan** berkembang 5.7% (Januari – Julai 2011: 20.4%). Pengeluaran galian bukan logam terus meningkat tetapi pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 6.6% dan produk logam direka sebanyak 11.2% (Januari – Julai 2011: 27.1%; 26.1%). Paling ketara, pengeluaran produk struktur logam meningkat 20% sementara simen

hidraulik berkembang 5.8%. Permintaan dipacu terutamanya oleh projek infrastruktur dan projek berimpak tinggi yang sedang dilaksanakan seperti Jambatan Pulau Pinang Kedua, pemanjangan aliran LRT dan klia2.

Output **kelengkapan pengangkutan** pulih dengan ketara sebanyak 13.7% (Januari – Julai 2011: -10.4%). Pengeluaran kenderaan bermotor kembali pulih 11.8% sementara motosikal berkembang dengan kukuh sebanyak 34.5% didorong sebahagiannya oleh pemulihan bekalan alat ganti dan komponen automotif. Perkara ini juga disebabkan oleh kesan asas yang rendah berikutan pengurangan bekalan yang berpunca daripada bencana alam di Jepun pada tahun 2011. Jumlah keluaran industri (TIV) dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012 adalah sebanyak 360,691 unit. Dalam tempoh separuh kedua 2012, jualan kenderaan dijangka terus meningkat berikutan pelancaran model baharu dan gantian

JADUAL 3.5


**Pertumbuhan Bahan Berkaitan Pembinaan
Januari – Julai
(2005 = 100)**

	Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2011	2012	2011	2012
Bahan berkaitan pembinaan				
antaranya:				
Produk struktur logam, tangki, takungan dan penjana wap	49.5	20.0	2.0	2.3
Simen hidraulik	10.0	5.8	1.0	1.0
Produk seramik refraktori	66.7	25.4	1.0	1.2
Konkrit siap dibancuh	36.6	21.9	0.3	0.3

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

CARTA 3.5

**Prestasi Industri Terpilih
(% perubahan tahunan)**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.



serta penerimaan pasaran secara berperingkat ke atas garis panduan pinjaman baharu Bank Negara Malaysia (BNM). Berdasarkan kepada faktor ini, TIV dianggar mencecah 615,000 unit bagi keseluruhan tahun 2012.

Pengeluaran **produk makanan** meningkat dengan ketara sebanyak 12.5% (Januari – Julai 2011: 1.9%). Pertumbuhan ini dipacu terutamanya oleh output produk tenusu yang lebih tinggi (98.9%) dan pengilangan produk ikan yang diproses dan diawet (25.4%). Walau bagaimanapun, dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012, pengeluaran produk minyak sawit bertapis menyusut 12.9% disebabkan output minyak sawit mentah yang lebih rendah. Sementara itu, output **produk tembakau** kembali pulih dengan catatan dua angka sebanyak 24.9% (Januari – Julai 2011: -2.3%). Kejohanan Bola Sepak Piala Eropah UEFA, musim perayaan dan permintaan yang lebih tinggi dari ekonomi serantau merupakan antara faktor yang menyumbang kepada prestasi positif subsektor berkenaan.

Sektor Pertanian

Pertumbuhan diterajui oleh subsektor komoditi makanan

Nilai ditambah **sektor pertanian** menguncup secara marginal sebanyak 1.5% dalam tempoh separuh pertama 2012 (Januari – Jun 2011: 3.8%) disebabkan sebahagian besarnya oleh pengeluaran yang lebih rendah dalam subsektor perladangan, terutamanya minyak sawit dan getah. Walau bagaimanapun, penguncupan dalam pengeluaran subsektor perladangan telah diimbangi oleh pertumbuhan dalam pengeluaran subsektor komoditi makanan. Dalam tempoh separuh kedua 2012, pertumbuhan sektor ini dijangka disokong oleh pemulihan dalam pengeluaran kelapa sawit dengan jangkaan hasil buah tandan segar (FFB) yang lebih baik. Pelaksanaan strategi di bawah Dasar Agro Makanan Negara (2011 – 2020) untuk mentransformasi dan memodenkan sektor komoditi agro makanan melalui

JADUAL 3.6

Nilai Ditambah Sektor Pertanian 2011 – 2012

(pada harga malar 2005)

	Perubahan (%)		Bahagian kepada Pertanian (%)	
	2011	2012 ¹	2011	2012 ¹
Pertanian	5.9	0.6	100.0	100.0
Kelapa sawit	10.8	-2.8	37.0	35.7
Getah	6.1	-0.6	8.8	8.7
Ternakan	10.4	8.4	10.8	11.7
Pertanian lain ²	7.1	6.4	17.2	18.2
Perhutanan dan pembalakan	-7.6	-2.2	11.8	11.5
Perikanan	2.1	-0.7	14.4	14.2

¹ Anggaran.

² Termasuk padi, buah-buahan, sayur-sayuran, kelapa, tembakau, teh, bunga, lada, koko dan nanas.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan, Malaysia.

peningkatan produktiviti akan menyumbang secara positif kepada pengeluaran keseluruhan sektor pertanian. Sehubungan itu, dengan mengambil kira pemulihan dalam kadar hasil dan pengeluaran sektor perladangan dalam tempoh separuh kedua 2012, sektor pertanian dijangka berkembang sebanyak 0.6% pada tahun 2012 (2011: 5.9%).

Nilai ditambah **subsektor kelapa sawit** menguncup 8.6% dalam tempoh separuh pertama 2012 (Januari – Jun 2011: 6.5%) disebabkan oleh keadaan cuaca kurang baik dan kitaran pengeluaran semulajadi yang rendah dan seterusnya mengekang pengeluaran FFB. Meskipun terdapat peningkatan dalam kadar perahan minyak, kadar hasil FFB purata yang lebih rendah sebanyak 11.19 tan sehektar (Januari – Ogos 2011: 12.52 tan sehektar) telah menyebabkan penurunan dalam pengeluaran



Mempercepat Penanaman Semula Kelapa Sawit

Isu Utama

Kadar penanaman semula yang perlahan untuk kawasan kelapa sawit berhasil rendah (berusia lebih daripada 25 tahun).

Objektif

- Menanam semula seluas 365,414 hektar kawasan kelapa sawit berhasil rendah oleh syarikat perladangan dan pekebun kecil di seluruh Malaysia dalam tempoh tiga tahun; dan
- Meningkatkan kadar hasil purata perladangan dan kebun kecil.

Kelayakan Penanaman Semula

Untuk kebun kecil:

- Semua pokok kelapa sawit berhasil rendah;
- Pekebun kecil berkelompok yang mempunyai kadar hasil purata tanaman kurang daripada 13 tan metrik sehektar setahun untuk tiga tahun yang lepas; dan
- Pekebun kecil bebas yang mempunyai kadar hasil purata tanaman kurang daripada 10 tan metrik sehektar setahun untuk tiga tahun yang lepas.

Untuk perladangan:

- Pokok kelapa sawit berhasil rendah dan mempunyai kadar hasil purata tanaman kurang daripada 16 tan metrik sehektar setahun untuk tiga tahun yang lepas tertakluk tidak melebihi 5% daripada keseluruhan kawasan tanaman.

Insentif

- Kerajaan akan menyediakan geran penanaman sebanyak RM7,500 sehektar kepada pekebun kecil bebas di Semenanjung Malaysia dan RM9,000 sehektar bagi Sabah dan Sarawak; dan
- Bantuan sara hidup bulanan sebanyak RM500 selama dua tahun kepada pekebun kecil bebas yang memiliki 2.5 hektar kawasan tanaman atau kurang.

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia.

CPO sebanyak 7% kepada 11.2 juta tan metrik (Januari – Ogos 2011: 8.2%; 12 juta tan metrik). Pengeluaran dijangka kekal rendah sehingga kadar hasil FFB meningkat semula dalam tempoh separuh kedua 2012. Oleh itu, nilai ditambah subsektor ini dijangka menguncup pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 2.8% bagi keseluruhan tahun 2012 (2011: 10.8%).

Jumlah kawasan tanaman kelapa sawit meningkat dengan ketara sebanyak 77,106 hektar kepada lima juta hektar pada akhir Jun 2012. Daripada jumlah kawasan tanaman, 28.4% atau 1.5 juta hektar terletak di Sabah. Dengan peningkatan aktiviti penanaman, jumlah kawasan tanaman

dijangka meningkat kepada 5.1 juta hektar pada tahun 2012. Aktiviti penanaman ini selaras dengan usaha Kerajaan untuk meningkatkan kadar hasil FFB kepada 26.2 tan sehektar menjelang tahun 2020. Pada akhir Jun 2012, sebanyak 26% atau 117,806 hektar kawasan kelapa sawit dengan kadar hasil rendah telah ditanam semula. Selain daripada itu, kawasan kelapa sawit matang dijangka bertambah kepada 4.4 juta hektar pada tahun 2012 (2011: 4.3 juta hektar) dan mencakupi 85.7% daripada keseluruhan kawasan tanaman.

Berikutan permintaan yang perlahan dalam persekitaran global yang tidak menentu, harga purata CPO menyederhana kepada



JADUAL 3.7

Keluasan Tanaman dan Pengeluaran Kelapa Sawit 2011 – 2012

			Perubahan (%)	
	2011	2012 ¹	2011	2012 ¹
Keluasan tanaman ('000 hektar)	5,000	5,107	3.0	2.1
Kawasan matang ('000 hektar)	4,282	4,378	1.9	2.2
Pengeluaran ('000 tan metrik)				
Minyak kelapa sawit	18,912	18,440	11.3	-2.5
Minyak isirung kelapa sawit	2,145	2,080	6.4	-3.0
Hasil (tan/hektar) ²	19.7	18.0	9.2	-8.6

¹ Anggaran.² Hasil buah tandan segar.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan Kementerian Kewangan, Malaysia.

JADUAL 3.8

Kawasan, Hasil dan Pengeluaran Getah 2011 – 2012

			Perubahan (%)	
	2011	2012 ¹	2011	2012 ¹
Jumlah kawasan ('000 hektar)	1,019	1,033	-0.1	1.4
Kebun kecil	955	969	-0.1	1.4
Estet	64	64	0.0	0.0
Hasil (kg sehektar)	1,507	1,510	1.8	0.2
Kebun kecil	1,500	1,520	2.0	1.3
Estet	1,620	1,640	1.3	1.2
Jumlah Pengeluaran ('000 tan metrik)	996	1,000	6.1	0.4
Kebun kecil	943	941	6.8	-0.3
Estet	53	60	-5.3	12.2
% daripada pengeluaran dunia	9.1	8.8	1.1	-3.3

¹ Anggaran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Malaysia.

RM3,110 setan metrik dalam tempoh lapan bulan pertama 2012 (Januari – Ogos 2011: RM3,355 setan metrik). Walau bagaimanapun, jurang harga CPO berbanding kacang soya yang semakin melebar kesan daripada kemarau di AS dijangka menyokong harga CPO yang kukuh. Walaupun terdapat kebimbangan ke atas ekonomi global yang semakin lemah, harga CPO dijangka kekal pada RM3,100 setan metrik bagi keseluruhan tahun 2012 (2011: RM3,219 setan metrik).

Nilai ditambah **subsektor getah** merosot 6.1% dalam tempoh enam bulan pertama tahun 2012 (Januari – Jun 2011: 8.8%). Pengeluaran getah menguncup 6.4% kepada 0.46 juta tan metrik (Januari – Jun 2011: 8.5%; 0.49 juta tan metrik) disebabkan oleh penurunan pengeluaran getah semasa musim luruh dari bulan Februari hingga April. Walau bagaimanapun, pengeluaran dijangka meningkat dalam tempoh separuh kedua 2012

untuk mencapai satu juta tan metrik pada tahun 2012 (2011: 6.1%; 996,210 tan metrik) disokong oleh amalan pertanian yang baik seperti teknologi yang menjimatkan penggunaan buruh. Mengambil kira pengeluaran yang lebih tinggi dalam tempoh separuh kedua 2012, prestasi keseluruhan subsektor ini dijangka bertambah baik dengan penguncupan yang lebih kecil sebanyak 0.6% bagi keseluruhan tahun 2012.

Kawasan tanaman getah dijangka berkembang 1.4% kepada 1.03 juta hektar pada tahun 2012 (2011: -0.1%; 1.02 juta hektar) berikutan pembukaan kawasan baharu, terutamanya di Sabah dan Sarawak. Untuk memastikan bekalan getah dan lateks yang mencukupi bagi aktiviti hiliran, Kerajaan telah memulakan program penanaman semula untuk meluaskan kawasan tanaman getah kepada 1.2 juta hektar menjelang tahun 2020. Sehubungan itu, kawasan seluas

**Stesen Penyelidikan Lembaga Getah Malaysia dan Pusat Ranting Tunas Getah Malaysia**

- Pada 28 Januari 2011, Lembaga Getah Malaysia (LGM) melancarkan stesen pertama di Similajau, Sarawak. Stesen ini dengan keluasan 1,180 hektar juga menempatkan Pusat Ranting Tunas Getah Malaysia (MRBC) seluas 45 hektar.
- Objektif stesen LGM dan MRBC adalah untuk mengeluarkan dan mengedar klon getah berhasil tinggi dan berkualiti kepada penanam getah sejajar dengan Pelan Strategik LGM dan Industri Getah Malaysia (2010 – 2020).
- Stesen ini juga akan menyediakan pemindahan teknologi dalam pengeluaran klon kayu getah baharu dan menggalakkan amalan agronomi yang baik dalam kalangan pekebun kecil. Sementara itu, MRBC juga memberi tumpuan dalam pengeluaran klon kayu getah berkualiti.
- Sehingga akhir Jun 2012, sebuah MRBC telah ditubuhkan masing-masing di Sarawak dan Johor manakala sebuah lagi akan ditubuhkan masing-masing di Pahang dan Sabah.

Sumber: Lembaga Getah Malaysia.

40,000 hektar akan ditanam semula setiap tahun. Bagi menggalakkan pekebun kecil meningkatkan lagi pengeluaran getah, geran tahunan penanaman semula telah ditambah kepada RM9,230 sehektar di Semenanjung, RM13,500 di Sarawak dan RM14,000 di Sabah.

Kerajaan juga menggalakkan pekebun kecil getah melaksanakan amalan pertanian baik bagi meningkatkan kadar hasil dan telah menubuhkan Pusat Ranting Tunas Getah Malaysia di Sarawak dan Johor untuk menghasilkan lateks berhasil tinggi dan berkualiti serta klon kayu getah.

Subsektor perikanan laut menguncup 3.5% (Januari – Jun 2011: -2.1%) berikutan pendaratan ikan laut yang lebih rendah, terutamanya dari kawasan pantai. Pendaratan ikan laut merosot 5.7% kepada 656,711 tan metrik. Kerajaan telah menetapkan sasaran sebanyak 1.7 juta tan metrik pendaratan ikan laut menjelang tahun 2020. Sehubungan itu, industri ini akan dimajukan lagi dan ditransformasi melalui pewujudan 15 kawasan perlindungan marin di Semenanjung Malaysia untuk pembiakan spesies komersial bernilai tinggi. Tambahan pula, peraturan zon perikanan akan diperkukuh lagi untuk mengelakkan kepupusan sumber perikanan pantai.

Subsektor akuakultur berkembang kukuh sebanyak 7.3% (Januari – Jun 2011: -6.9%) berikutan peningkatan pengeluaran akuakultur.

JADUAL 3.9

Pengeluaran Pertanian Lain 2011 – 2012

('000 tan metrik)

	2011	2012 ¹	Perubahan (%)	
			2011	2012 ¹
Koko	4.6	4.5	-70.6	-2.1
Padi	2,576	2,750	-0.1	6.8
Ternakan				
Daging ²	283	287	4.5	1.4
Ayam	1,334	1,373	3.0	2.9
Telur (juta)	10,358	10,771	5.4	4.0
Susu (juta liter)	71	74	5.8	4.2
Pertanian pelbagai				
Buah-buahan ³	1,169	1,175	0.5	0.5
Lada	25.6	25.5	5.7	-0.4
Sayur-sayuran	875	879	0.5	0.5
Kelapa (juta unit)	578	607	5.1	5.0
Tembakau (juta kg) ⁴	29	31	-6.6	6.9
Bunga (juta keratan)	417	419	0.5	0.5

¹ Anggaran.

² Termasuk daging lembu, kambing dan khinzir.

³ Terdiri daripada belimbing, betik, durian, jambu, mangga, manggis, pisang, rambutan dan nanas.

⁴ Daun tembakau hijau dan kering.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan Kementerian Kewangan, Malaysia.



Menerokai Pertanian Rumpai Laut Berskala Komersil di Sabah

Rasional:

- Sabah merupakan lokasi yang sesuai untuk membiak rumpai laut kerana berada di kawasan Segi Tiga Terumbu Karang yang bersempadan dengan Indonesia dan Filipina dalam menghasilkan pengeluaran yang tinggi.
- Segi Tiga ini membekalkan hampir 80% rumpai laut *Kappaphycus* yang sangat diperlukan dalam industri pemprosesan produk makanan dan farmaseutikal.

Cabaran:

- Amalan pertanian tradisional dan berintensif buruh telah menyebabkan hasil purata yang rendah sebanyak 1.5 tan metrik sehektar setahun yang meliputi kawasan seluas 8,000 hektar.

Sasaran:

- Meningkatkan hasil rumpai laut kering daripada 1.5 tan metrik kepada 5 tan metrik sehektar setahun di kawasan pembiakan seluas 28,000 hektar.
- Membangunkan 20 estet mini rumpai laut dengan keluasan 3,000 hektar yang melibatkan 11 syarikat peneraju pada tahun 2012.

Sumber: Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) dan Kementerian Pertanian, Malaysia.

Bagi keseluruhan tahun 2012, pengeluaran akuakultur dijangka pulih dengan kukuh sebanyak 11.5% (2011: -3.4%) disumbang terutamanya oleh pengeluaran yang lebih tinggi daripada 32 Projek Berimpak Tinggi dalam Zon Industri Akuakultur (HIP-AIZ). Untuk mencapai sasaran 0.8 juta tan metrik pengeluaran akuakultur menjelang tahun 2020, lebih banyak HIP-AIZ akan ditubuhkan. Kerajaan telah memulakan tiga projek permulaan (EPP), iaitu Zon Bersepadu Akuakultur, Sangkar Pertanian Bersepadu dan Estet Mini Rumpai Laut untuk membangunkan industri akuakultur berorientasikan eksport dengan mengambil kira produk tersebut yang bernilai tinggi dan mempunyai potensi eksport yang amat menggalakkan seperti rumpai laut dan ikan hiasan.


Subsektor ternakan meningkat dengan kukuh sebanyak 9.3% (Januari – Jun 2011: 9.5%), disokong oleh pengeluaran ayam-itik, telur dan lembu yang lebih tinggi. Di bawah EPP, Kerajaan akan menyediakan peruntukan untuk syarikat peneraju membeli lembu dan peralatan bagi meningkatkan pengeluaran dan kualiti susu. Kerajaan juga menggalakkan penternakan bersepadu di ladang kelapa sawit,

pengeluaran makanan ternakan dalam ladang untuk kegunaan sendiri atau bekalan kepada penternak lain dan pernianan beradas untuk meningkatkan prestasi pembiakan. Bagi meningkatkan lagi pengeluaran lembu bagi memenuhi tahap sara diri (SSL), Kerajaan juga mensasarkan untuk mewujudkan 180 ladang satelit. Pada akhir Jun 2012, sebanyak 57 ladang satelit telah ditubuhkan dengan 10,500 lembu.

Subsektor pertanian lain berkembang 6.7% (Januari – Jun 2011: 8.5%) disokong oleh pengeluaran padi, sayur-sayuran dan buah-buahan yang lebih tinggi. Bagi keseluruhan tahun 2012, pengeluaran padi dijangka meningkat 6.8% kepada 2.8 juta tan metrik (2011: 4.5%; 2.6 juta tan metrik) disebabkan terutamanya oleh pengenalan jenis padi berhasil tinggi, pertanian berskala besar dan penggunaan amalan pertanian terbaik serta penambahbaikan dalam sistem pengairan. Inisiatif Kerajaan dalam memperkenalkan beras wangi dan organik jenis baharu untuk penanaman padi tanpa pengairan dijangka dapat mengurangkan kebergantungan kepada beras import dan meningkatkan pendapatan petani.




CARTA 3.6

Nilai Ditambah Komoditi Utama
(pada harga malar 2005)¹ Anggaran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.



Dalam tempoh enam bulan pertama 2012, nilai ditambah bagi sayur-sayuran meningkat dengan kukuh sebanyak 12% dan buah-buahan sebanyak 8.2% (Januari – Jun 2011: 10%; 12.4%). Pertumbuhan dijangka kekal kukuh dalam tempoh separuh kedua 2012 disokong oleh pelaksanaan inisiatif EPP, termasuk tanaman secara selingan dalam ladang kelapa sawit. Inisiatif Kerajaan seperti Skim Amalan Ladang Baik Malaysia, Skim Organik Malaysia dan Skim Penjenamaan Malaysia Best memberi jaminan kualiti dan keselamatan makanan yang merangsang permintaan domestik dan luar bagi buah-buahan dan sayur-sayuran. Di samping itu, Kerajaan akan menggalakkan penubuhan ladang berskala besar, memperkenalkan teknologi penuaian moden dan mekanisasi serta prosedur kawalan penyakit, pemprosesan dan kuarantin yang lebih baik. Kerajaan juga telah menubuhkan Pusat Transformasi Luar Bandar di Gopeng, Perak dan Kota Bharu, Kelantan yang juga berfungsi sebagai pusat pengumpulan, pengedaran dan pemasaran produk pertanian.

Sektor Perlombongan

Pengeluaran minyak mentah kembali pulih

Nilai ditambah **sektor perlombongan** kembali pulih 1.3% (Januari – Jun 2011: -6.6%) setelah mengalami penguncupan selama tujuh suku tahun berturut-turut. Sektor ini dijangka berkembang 1.5% pada tahun 2012 berikutan peningkatan pengeluaran minyak mentah dan kenaikan sederhana gas asli dalam tempoh separuh kedua 2012. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012, pengeluaran minyak mentah (termasuk kondensat) kembali pulih sebanyak 1.9% kepada 577,144 tong sehari (tsh) (Januari – Julai 2011: -12.4%; 566,458 tsh) disumbang oleh pengeluaran medan minyak baharu serta usaha untuk mencergaskan semula medan minyak matang di Semenanjung Malaysia dan peningkatan pemulihan medan minyak sedia ada. Pada tahun 2012, pengeluaran minyak mentah (termasuk kondensat) dijangka meningkat



JADUAL 3.10

Pengeluaran dan Simpanan Minyak Mentah dan Gas Asli 2011 – 2012

	2011	2012 ¹	Perubahan (%)	
			2011	2012 ¹
Minyak mentah				
Pengeluaran ² (‘000 tong sehari)	570	579	-10.7	1.6
Rizab (bilion tong)	5.86	5.95	1.0	1.5
Rizab/pengeluaran (tahun)	25	29		
Gas asli				
Pengeluaran ³ (juta kaki padu standard sehari) (jkps)	5,932	6,259	0.3	5.5
Rizab (trilion kaki padu)	88.9	92.1	0.3	3.6
Rizab/pengeluaran (tahun)	39	37		

¹ Anggaran.² Termasuk kondensat.³ Tidak termasuk pembakaran dan suntikan semula.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Petrolim Nasional Berhad.

1.6% kepada 579,000 tsh (2011: -10.7%; 569,778 tsh), dipacu sebahagiannya oleh pengeluaran yang lebih tinggi daripada medan minyak baharu di *East Piatu* dan *Sepat Oil* di luar pesisir pantai Semenanjung Malaysia.

Petrolim Nasional Berhad (PETRONAS) telah mempergiat aktiviti penerokaan untuk meningkatkan rizab domestik O&G. Sehingga akhir Jun 2012, dua medan minyak baharu ditemui di luar pesisir pantai Semenanjung Malaysia (Irong 6 dan Bertam 2). Sejajar dengan insentif Kerajaan untuk pembangunan dan pengeluaran medan minyak marginal, PETRONAS telah menandatangani beberapa Kontrak Perkongsian Pengeluaran baharu yang melibatkan penerokaan luar pesisir pantai dan laut dalam di Sabah dan Sarawak untuk mengekalkan pengeluaran dan

meningkatkan jangka hayat rizab. Pada 1 Januari 2012, rizab minyak mentah berada pada paras 5.95 bilion tong dan dijangka bertahan selama 29 tahun (1 Januari 2011: 5.86 bilion tong; 25 tahun).

Pengeluaran gas asli merosot 5.3% kepada 5,616 juta kaki padu standard sehari (jkps) dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012 (Januari – Julai 2011: -0.1%; 5,933 jkps) disebabkan terutamanya oleh cabaran operasi yang dihadapi. Walau bagaimanapun, bagi keseluruhan tahun 2012, pengeluaran gas asli dijangka berkembang 5.5% kepada 6,259 jkps (2011: 0.3%; 5,932 jkps). Perkembangan ini adalah hasil daripada peningkatan kapasiti pengeluaran untuk memenuhi permintaan domestik yang semakin meningkat, terutamanya daripada pengeluar tenaga dan industri petrokimia. Sehingga akhir Jun 2012, penemuan enam medan gas baharu di luar pesisir pantai Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia akan terus meningkatkan pengeluaran gas dan rizab di Malaysia. Di samping itu, Terminal Regasifikasi LNG di Melaka yang telah siap dibangunkan dijangka dapat memastikan bekalan gas yang mencukupi bagi memenuhi permintaan domestik di Semenanjung Malaysia. Rizab gas kini berada pada paras 92.1 trilion kaki padu standard pada 1 Januari 2012, mencukupi untuk tempoh 37 tahun (1 Januari 2011: 88.9 trilion kaki padu standard; 39 tahun).

Dalam tempoh lapan bulan pertama 2012, harga minyak mentah Tapis *Blend* Malaysia kekal tinggi pada USD120 setong (Januari – Ogos 2011: USD118 setong). Walau bagaimanapun, harga minyak global adalah tidak menentu dan secara amnya dipengaruhi oleh ketegangan politik pada awal tahun 2012 serta krisis kawasan euro yang semakin meruncing. Pergolakan yang semakin meningkat di Timur Tengah telah menyebabkan *Dated Brent* yang menjadi penanda aras meningkat kepada USD127 setong pada Februari 2012, iaitu paras tertinggi sejak enam bulan sebelumnya. Namun demikian, ketika krisis kawasan euro menjadi tumpuan utama pada bulan Mei, harga minyak global merosot dengan harga *Dated Brent* menurun kepada USD95 setong.



Harga Tapis *Blend* turut tidak menentu dan mencatat paras tertinggi pada USD134 setong pada Mac 2012 dan terendah USD95 setong pada bulan Jun. Sentimen pasaran akan terus dipengaruhi oleh peningkatan ketegangan di Timur Tengah berikutan terutamanya oleh sekatan ekonomi ke atas Iran serta krisis hutang kawasan euro yang berpanjangan dan seterusnya akan memberi kesan ke atas bekalan dan permintaan minyak mentah. Menurut International Energy Agency, permintaan global bagi minyak mentah pada akhir Jun 2012 adalah lebih rendah pada 88.8 juta tong sehari (jtsh) disebabkan prospek ekonomi global yang semakin lemah, manakala penawaran global tinggi sedikit pada 90.8 jtsh. Berikutan dengan pengurangan permintaan bagi minyak mentah kesan daripada pertumbuhan ekonomi yang sederhana dalam kalangan negara membangun yang berkembang pesat, harga Tapis dijangka sederhana dalam tempoh separuh kedua 2012. Walaupun terdapat kemungkinan gangguan pengeluaran minyak berikutan ketegangan geopolitik di Timur Tengah yang dijangka meningkatkan harga minyak, harga purata Tapis dianggar pada USD105 setong bagi keseluruhan tahun 2012.

Sektor Pembinaan

Aktiviti pembinaan yang kukuh

Sektor pembinaan mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 18.9% dalam tempoh separuh pertama 2012 (Januari – Jun 2011: 3.4%), kadar terpantas sejak 1995. Prestasi yang memberangsangkan ini disokong oleh kerancakan aktiviti pembinaan dalam subsektor kejuruteraan awam dan kediaman. Jumlah nilai kerja pembinaan meningkat 24.6% kepada RM38.1 bilion (Januari – Jun 2011: 0.9%; RM30.6 bilion) mencerminkan aktiviti pembinaan yang memberangsangkan. Sektor swasta menyumbang 69.8% daripada jumlah nilai kerja pembinaan. Subsektor bukan kediaman (36.5%) dan kejuruteraan awam (31.2%) merupakan penyumbang utama kepada nilai keseluruhan kerja pembinaan dan diikuti oleh subsektor kediaman (26.4%). Bagi keseluruhan tahun 2012, sektor ini dijangka berkembang 15.5%

JADUAL 3.11

Projek Pembinaan Utama yang Sedang Dilaksanakan

- Terminal Regasifikasi LNG, Melaka
- Terminal Minyak dan Gas Sabah (SOGT)
- Jambatan Pulau Pinang kedua
- Pemasangan saluran paip luar persisir pantai Gumusut-Kakap
- Stesen jana kuasa arang batu, Manjung
- Saluran Paip Gas Sabah-Sarawak (SSGP)
- Landasan berkembar elektrik Ipoh – Padang Besar
- Landasan berkembar elektrik Seremban – Gemas
- Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 Jabur – Kuala Terengganu

Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Kementerian Kewangan, Malaysia.

(2011: 4.6%) menyumbang 0.5 mata peratusan kepada pertumbuhan keseluruhan KDNK.

Subsektor kejuruteraan awam mencatat pertumbuhan yang memberangsangkan sebanyak 27.5% (Januari – Jun 2011: -3.4%) hasil daripada pelaksanaan projek infrastruktur yang besar. Projek ini termasuk landasan berkembar elektrik Ipoh – Padang Besar, LPT2 Jabur – Kuala Terengganu, Jambatan Pulau Pinang Kedua, Lebuhraya Sungai Besi Tambahan (BEE) dan projek pemanjangan aliran LRT. Pertumbuhan juga disokong oleh projek yang berterusan dalam sektor O&G di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) seperti Loji Janakuasa Kimanis dan Terminal Regasifikasi LNG, Melaka serta pembangunan infrastruktur luar bandar, terutamanya di Sabah dan Sarawak. Tambahan pula, beberapa projek pembangunan koridor menyumbang dengan ketara kepada pertumbuhan subsektor ini. Antara projeknya adalah menaik taraf jalan di persisir pantai Iskandar Malaysia, projek Kluster Perindustrian Minyak Sawit (POIC) di Koridor Pembangunan Sabah (SDC) dan pembinaan jalan persekutuan *Central Spine* antara Kota Bharu (Kelantan) – Simpang Pelangai (Pahang), Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER). Sementara itu, projek berimpak tinggi terutamanya Projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak



Peranan Sektor Pembinaan dalam Ekonomi


Pendahuluan

Sektor pembinaan terdiri daripada empat subsektor iaitu kediaman, bukan kediaman, kejuruteraan awam dan kerja pertukangan khas¹. Ketika pertumbuhan ekonomi yang rancak, sektor pembinaan mengalami pertumbuhan yang lebih besar daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Walau bagaimanapun, semasa kegawatan ekonomi, sektor ini cenderung mengalami kelembapan yang lebih tinggi. Kitaran kerancangan pembinaan yang lepas di Malaysia telah dilihat dalam tempoh 1989 hingga 1997 apabila ia mencatat pertumbuhan purata 14.3% sementara ekonomi berkembang 9.2%. Pelaksanaan projek berskala besar seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Menara Berkembar Petronas, Sepang International Circuit serta pembangunan Putrajaya dan Cyberjaya menyumbang kepada kerancangan pembinaan dalam tempoh tersebut.

CARTA 1

Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), Sektor Pembinaan dan Pembuatan Bahan Berkaitan Pembinaan

(pada harga malar 2005)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Dalam tempoh 2000 hingga 2006, sektor pembinaan mengalami pertumbuhan yang tidak banyak berubah berikutan siapnya projek berskala besar terutamanya selepas Krisis Kewangan Asia. Dalam tempoh tersebut, pembinaan meningkat secara marginal sebanyak 0.7%. Walau bagaimanapun, sektor ini bertambah baik dalam tempoh 2007 hingga 2011 dengan kadar pertumbuhan purata sebanyak 5.9%, didorong oleh pembinaan projek infrastruktur baharu seperti terminal tambang murah (LCCT), Lebuhraya Pantai Timur Jabur – Kuala Terengganu dan landasan berkembar elektrik Seremban – Gemas dan Ipoh – Padang Besar serta kerancangan projek perumahan kos rendah dan sederhana yang dimulakan oleh Kerajaan. Sektor ini turut didorong oleh pelaksanaan pakej rangsangan Kerajaan



semasa krisis kewangan global pada tahun 2008/2009. Dalam tempoh separuh pertama 2012, sektor ini berkembang kukuh sebanyak 18.9% disokong oleh aktiviti subsektor kediaman dan kejuruteraan awam yang teguh. Sektor ini dijangka mengalami pertumbuhan yang kukuh pada masa hadapan berikutan pelbagai projek pembinaan yang sedang dalam perancangan atau pelaksanaan seperti My Rapid Transit (MRT), River of Life, Tun Razak Exchange (TRX), Bandar Malaysia di Sungai Besi, pemanjangan aliran LRT dan pembangunan tanah Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) di Sungai Buloh.

Kesan Ekonomi


Sektor pembinaan memberi kesan kepada ekonomi Malaysia dengan mempengaruhi penawaran dan permintaan bagi barangan dan perkhidmatan yang berkait rapat dengan sektor ini. Walaupun sektor pembinaan menyumbang sekitar 3% kepada KDNK, ia mempunyai hubungan hadapan dan belakang yang kukuh dengan sektor ekonomi lain. Analisis menunjukkan bahawa perbelanjaan sebanyak RM1 ke atas pembinaan akan mendorong perbelanjaan tambahan sebanyak RM0.75 di sepanjang rantaian bekalan dan menunjukkan kesan pengganda pengeluaran daripada sektor pembinaan yang ketara kepada ekonomi.

Sektor pembinaan di Malaysia juga memainkan peranan penting dalam menjana pekerjaan kerana ia memerlukan jumlah pekerja separuh mahir dan profesional berkemahiran tinggi yang banyak seperti jurutera, arkitek, jurukur bahan dan pengurus projek. Sektor ini telah mengambil seramai 766,000 pekerja pada tahun 2010. Berikutan bilangan besar pekerja binaan, sektor ini memberi sumbangan besar kepada keseluruhan ekonomi melalui guna tenaga dan penggunaan.

Pekerja dalam sektor ini telah dibayar sejumlah RM19.8 bilion pada tahun 2010. Walaupun jumlah upah yang dibayar oleh sektor ini adalah besar, terdapat beberapa kebocoran disebabkan pergantungan kepada buruh asing berkemahiran rendah. Buruh asing mencakupi sekitar 55% daripada tenaga kerja pembinaan dan sekitar RM6 bilion dalam bentuk upah. Secara purata, RM3.5 bilion atau 60% daripada gaji telah dikirim ke negara asal mereka. Dengan mengambil kira kiriman wang ini dan andaian bahawa marginal kecenderungan mengguna sebanyak lebih kurang 0.8, dianggarkan bahawa

CARTA 2

Pinjaman yang Diluluskan: Sektor Pembinaan dan Harta Tanah Kediaman



Sumber: Bank Negara Malaysia.

JADUAL 1

Indeks Prestasi Logistik 2012

	Skor
Singapura	4.13
Hong Kong	4.12
Jepun	3.93
Taiwan	3.71
Republik Korea	3.70
China	3.52
Malaysia	3.49
Thailand	3.18
Filipina	3.02
Vietnam	3.00
Indonesia	2.94
Purata Dunia	2.87
Purata Asia Tenggara	2.72

Sumber: Bank Dunia.



sebanyak RM13 bilion pendapatan boleh guna telah dibelanjakan di dalam negara pada tahun 2010 melalui perbelanjaan penggunaan swasta oleh pekerja.

Selain daripada guna tenaga, sektor pembinaan memanfaatkan bahan mentah seperti produk simen, keluli dan besi. Pengeluaran bahan ini meningkat seiring dengan kepesatan dalam pembinaan. Dalam tempoh 1990 hingga 1997 iaitu ketika pertumbuhan pembinaan yang memberangsangkan, pengeluaran bahan berkaitan pembinaan mencatat pertumbuhan tahunan purata sebanyak 14.6%. Sebaliknya, sektor ini menurun dengan ketara sebanyak 21.5% semasa Krisis Kewangan Asia pada tahun 1998. Permintaan yang tinggi terhadap input pembinaan seperti batang keluli, logam yang direka dan mineral bukan logam telah menarik sejumlah pelaburan tempatan dan asing yang besar. Dari tahun 2007 hingga 2011, sejumlah RM77.5 bilion telah diluluskan untuk pelaburan dalam industri berkaitan pembinaan.

Sektor pembinaan juga memerlukan pembiayaan yang besar. Pada tahun 2011, pinjaman yang diluluskan oleh sistem perbankan untuk aktiviti pembinaan berjumlah RM32.2 bilion atau 8% daripada jumlah pinjaman, manakala untuk pembelian harta tanah kediaman berjumlah RM95.2 bilion atau 23.8% dan harta tanah bukan kediaman, RM52.2 bilion atau 13%. Oleh itu, pertumbuhan sektor pembinaan juga merangsang aktiviti sektor kewangan dan pasaran modal dengan meningkatkan permintaan bagi pembiayaan projek dan pinjaman harta dari sektor perbankan.

Ekoran daripada projek berskala besar pada tahun 1990-an, kepakaran Malaysia dalam pembinaan dikenali di seluruh dunia. Pemaju Malaysia terlibat dalam 255 projek di luar negara dengan nilai sebanyak RM66.8 bilion dalam tempoh tahun 2006 hingga 2011. Antara projek pembinaan Malaysia di luar negara yang dikenali adalah kerja keluli untuk Hotel Burj Al Arab di Emiriah Arab Bersatu (UAE) serta pembinaan Lebuhraya Mumbai – Pune di India dan Western Access Tollway di Argentina.

Pembinaan infrastruktur juga sebahagiannya telah menyumbang kepada skor Malaysia yang lebih tinggi daripada purata dalam laporan Indeks Prestasi Logistik (LPI) oleh Bank Dunia. Malaysia mencatat LPI sebanyak 3.49 pada tahun 2012, lebih tinggi daripada purata dunia termasuk kebanyakan negara Asia Tenggara dan rakan dagangan lain. Dengan peningkatan berterusan sistem penyampaian awam di bawah Program Transformasi Kerajaan dan pelaksanaan projek infrastruktur baharu seperti MRT, skor LPI Malaysia dijangka bertambah baik dan seterusnya meningkatkan tarikan dan daya saing Malaysia sebagai destinasi pelaburan.

Inisiatif Kerajaan

Berikutan kepentingan sektor pembinaan kepada ekonomi, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk merencanakan lagi sektor ini. Di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP), beberapa projek infrastruktur baharu telah dirancang atau dilaksanakan. Antara projek ETP yang berasaskan pembinaan adalah:

- MRT;
- River of Life – pemuliharaan semula Sungai Klang;
- Pembangunan Bukit Bintang City Centre di tapak penjara Pudu;
- TRX;
- Bandar Malaysia, Sungai Besi; dan
- Pembangunan tanah RRIM, Sungai Buloh.

Menyedari kemampuhan sektor ini juga bergantung kepada pekerja mahir yang mencukupi, pendidikan dan latihan dalam sektor pembinaan diberi keutamaan. Kerajaan telah menubuhkan Akademi Binaan Malaysia yang menawarkan kursus seperti akreditasi kemahiran, latihan kemahiran pembinaan dan program pembangunan profesional berterusan.

Kerajaan juga telah mengambil beberapa langkah untuk mempermudah peraturan dan menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan awam bagi sektor pembinaan. Antara langkah adalah memperkenalkan sistem kawal selia sendiri yang membenarkan jurutera projek, arkitek atau pelukis pelan yang berdaftar diberi kuasa untuk meluluskan Sijil Kelayakan Menduduki bagi membolehkan bangunan yang telah siap diserahkan lebih awal. Selain itu, pusat sehenti telah ditubuhkan pada



tahun 2007 di kebanyakan pihak berkuasa tempatan menggunakan pendekatan 'kelulusan pantas' bagi mengurangkan masa pemprosesan dan kelulusan.

Kerajaan juga sedang giat menggalakkan penggunaan Industrialised Building System (IBS) untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dan mengautomasikan proses pengeluaran serta menyeragamkan dan meningkatkan kualiti bangunan. Pelan tindakan telah dirangka untuk menggalakkan dan mempromosi penggunaan IBS. Di samping itu, Kerajaan telah menyediakan insentif modal yang lebih tinggi bagi tempoh tiga tahun untuk syarikat yang membuat pembelian acuan yang digunakan dalam pengeluaran komponen IBS.


Menyedari keperluan bagi pembangunan yang mampan dan kecekapan tenaga, Kerajaan telah memperkenalkan Green Building Index (GBI) dan memberi pengecualian cukai sehingga 100% bagi perbelanjaan mendapatkan sijil GBI yang pertama. Inisiatif ini turut diberi pengecualian duti setem bagi pindah milik bangunan yang diberi sijil tersebut. Pembinaan bangunan hijau bukan sahaja mengurangkan kesan kepada alam sekitar tetapi juga merupakan langkah penting dalam melaksanakan transformasi terhadap Malaysia ke arah sebuah negara yang mesra alam.

Kesimpulan

Pelaksanaan ETP menjanjikan peluang pertumbuhan yang besar dalam industri pembinaan, walaupun Malaysia telah berada di peringkat pembangunan fizikal yang maju. Berikutan perubahan persekitaran yang pantas, pemain industri pembinaan perlu meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan produktiviti. Kerajaan juga akan sentiasa mengkaji semula dasar untuk mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi memudahcara transformasi industri pembinaan ke tahap yang lebih tinggi.

CARTA 3.7

Penunjuk Penawaran Harta Tanah Kediaman



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara.

dan Petrokimia (RAPID) di Pengerang, Johor; Sipitang Oil and Gas Industrial Park, Sabah; dan SBK-MRT akan memberi kesan positif ke atas pasaran harta tanah dan sokongan yang padu bagi mencergaskan sektor pembinaan dalam jangka masa sederhana.

Subsektor kediaman berkembang dengan ketara sebanyak 22% dalam tempoh separuh pertama 2012 (Januari – Jun 2011: 9.9%) disokong oleh permintaan yang kukuh bagi tujuan perumahan dan pelaburan berikutan peningkatan pendapatan boleh guna isi rumah. Tambahan pula, kemudahan yang lebih baik berikutan pembangunan projek infrastruktur merangsang lagi permintaan untuk rumah, terutamanya di kawasan luar bandar. Unit rumah mula dibina meningkat 13.1% kepada 60,975 unit (Januari – Jun 2011: 37.8%; 53,912 unit) dengan Selangor mencatat peningkatan bilangan unit tertinggi sebanyak 65.9% kepada 16,382 unit, diikuti oleh Kuala Lumpur (49.4%) dan Johor (30%). Kelulusan perumahan baharu di Kuala Lumpur meningkat dengan kukuh sebanyak 250%, Pulau Pinang (77.9%) dan Selangor (18.3%) dalam tempoh yang sama. Pemaju kini mula



Indeks Sewaan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi Pejabat Binaan Khas

- Indeks Sewaan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi Pejabat Binaan Khas (PBO-RI WPKL) menyediakan gambaran keseluruhan indeks sewa pejabat Kuala Lumpur dengan tumpuan khas kepada bangunan gred pelaburan. PBO-RI WPKL yang diterbitkan setiap suku tahun merupakan penerbitan terbaharu oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), Kementerian Kewangan.
- Penerbitan ini boleh digunakan sebagai panduan kepada syarikat antarabangsa untuk dijadikan penanda aras harga kompetitif di Kuala Lumpur dan sebagai destinasi penubuhan ibu pejabat serantau, seterusnya meningkatkan aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) ke Malaysia.
- Indeks ini merupakan panduan yang berguna bagi trend harga sewaan PBO di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi penduduk tempatan.
- Mengambil kira kepentingan sektor harta tanah kepada ekonomi, Kerajaan akan terus melapor perkembangan semasa dan menyediakan data terkini mengenai pasaran harta tanah untuk mencerminkan perubahan keadaan yang memberi kesan ke atas penawaran dan permintaan harta tanah.

Sumber: Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Kementerian Kewangan Malaysia.

membina lebih banyak rumah mampu milik dengan mengambil peluang daripada usaha Kerajaan yang berterusan untuk menyokong pemilikan rumah. Sehubungan ini, bilangan rumah berharga antara RM150,000 hingga RM250,000 yang dilancarkan meningkat 2.7% kepada 5,628 unit pada akhir Jun 2012 (akhir Disember 2011: 5,481 unit). Sehingga akhir Jun 2012, sejumlah 2,801 unit Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M) telah siap dibina manakala 8,752 unit sedang dalam pembinaan. Pembinaan perumahan baharu ini akan meningkatkan stok sedia ada dan memenuhi permintaan yang semakin meningkat bagi harta tanah kediaman mampu milik.

Dari segi permintaan, kadar jualan bagi unit kediaman baharu yang dilancarkan semakin menggalakkan dan meningkat kepada 17.6% (Januari – Jun 2011: 10.3%). Berikutan ini, jumlah urus niaga harta tanah meningkat 1.1% (217,160 urus niaga) kepada RM69.1 bilion (Januari – Jun 2011: 18.2%; RM64.8 bilion) dengan sektor kediaman merangkumi 63% daripada jumlah unit dagangan dan 48% daripada jumlah nilai urus niaga. Selaras dengan prestasi


pelancaran yang lebih baik, bilangan unit kediaman siap dibina yang tidak terjual menurun 32% dengan nilai RM3.8 bilion dalam tempoh separuh pertama 2012 (Januari – Jun 2011: -1.4%; RM4.7 bilion). Indeks Harga Rumah Malaysia pula meningkat 7.9% kepada 167.3 mata dalam tempoh suku kedua 2012 (S2 2011: 10.6%; 155.1 mata) dengan peningkatan indeks tertinggi dicatatkan di Lembah Klang pada 185.3 mata dan Pulau Pinang pada 181 mata. Kuala Lumpur kekal mencatat harga purata rumah tertinggi iaitu RM491,388, diikuti oleh Selangor (RM364,722) dan Pulau Pinang (RM261,601).

Subsektor bukan kediaman meningkat 12.8% (Januari – Jun 2011: 4.2%) didorong sebahagian besar oleh pembinaan bangunan industri terutamanya di Taman Perindustrian Samalaju, Sarawak dan rumah kedai. Unit mula dibina bagi bangunan industri meningkat 47.8% kepada 501 unit (Januari – Jun 2011: 48%; 339 unit). Ruang unit mula dibina bagi pejabat binaan khas (PBO) pula menurun dengan ketara kepada 22,758 meter persegi (mp) (Januari – Jun 2011: 281,647 mp) disebabkan oleh peningkatan penawaran berikutan



CARTA 3.8

Penunjuk Penawaran Harta Tanah Bukan Kediaman



beberapa bangunan pejabat dan kompleks membeli-belah telah siap dibina pada tahun 2011. Penawaran akan datang bagi ruang niaga juga berkurangan 36.1%, manakala unit mula dibina merosot 56.9% dalam tempoh separuh pertama 2012. Sementara itu, penawaran yang dirancang bagi ruang PBO menguncup 53.6% dan kompleks membeli-belah menyusut 24.9% (Januari – Jun 2011: -14.7%; -9.9%). Pada akhir Jun 2012, stok bagi ruang PBO berada pada 17.56 juta mp dan ruang niaga sebanyak 11.62 juta mp (akhir Jun 2011: 17.05 juta mp; 10.86 juta mp).

Kadar penghunian keseluruhan bagi pelbagai segmen bangunan komersil kekal stabil, mencerminkan aktiviti ekonomi domestik yang kukuh. Dalam segmen PBO, walaupun terdapat penambahan ruang sebanyak 120,234 mp, kadar penghunian PBO kekal tinggi pada 83.8% (Januari – Jun 2011: 83%). Kuala Lumpur yang merangkumi 50% daripada jumlah ruang

tersebut menunjukkan peningkatan kadar penghunian kepada 80.5% dalam tempoh suku kedua 2012 (S2 2011: 79.4%). Di samping itu, kadar penghunian di segmen kompleks membeli-belah kekal tinggi pada 80% yang mencerminkan kecergasan aktiviti runcit dan penggunaan swasta yang kukuh dalam tempoh separuh pertama 2012. Indeks Sewaan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi pejabat binaan khas (PBO-RI WPKL) yang baru dilancarkan menunjukkan PBO di Kuala Lumpur masih mempunyai permintaan yang stabil walaupun penawaran ruang niaga dijangka meningkat. PBO-RI WPKL menunjukkan prestasi yang lebih baik dengan merekod 103.3 mata dalam tempoh suku keempat 2011 (S3: 100.7 mata). Kadar sewa purata PBO di KLCC/Segi Tiga Emas kekal kukuh pada RM4.66 kaki persegi (kps), manakala di Pusat Perniagaan Sentral (CBD) pada RM3.27 kps dalam tempoh suku keempat 2011 (S3 2011: RM4.68 kps; RM3.21 kps).



Prestasi Permintaan Domestik

Aktiviti pelaburan swasta yang cergas

Agregat permintaan domestik dijangka terus meningkat 9.4% pada tahun 2012 (2011: 8.2%) dipacu oleh aktiviti sektor swasta yang kukuh. **Perbelanjaan sektor swasta** dijangka mengekalkan momentum pertumbuhan pada kadar 8% (2011: 8.2%) didorong oleh aktiviti penggunaan dan pelaburan yang lebih tinggi. Kemantapan penggunaan swasta disokong oleh peningkatan kukuh pendapatan boleh guna dan pasaran buruh yang stabil. Pelaburan swasta

terus memainkan peranan penting dalam memacu pertumbuhan ekonomi. Keadaan domestik yang menggalakkan seperti pasaran kewangan yang kondusif, kedudukan kewangan korporat yang kukuh, sistem penyampaian sektor awam yang bertambah baik, inisiatif baharu dalam menarik pelaburan asing dan tempatan serta pelaksanaan projek ETP dijangka menyokong kecergasan permintaan dalam negeri pada tahun 2012. Sementara itu, **perbelanjaan sektor awam** dijangka mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 13.3% (2011: 8.4%) hasil daripada pelaksanaan projek infrastruktur utama di bawah pelbagai program Kerajaan, termasuk

JADUAL 3.12

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mengikut Permintaan Agregat 2011 – 2013

(pada harga malar 2005)

	Perubahan (%)			Bahagian kepada KDNK (%)			Sumbangan kepada pertumbuhan KDNK (mata peratusan)		
	2011	2012 ¹	2013 ²	2011	2012 ¹	2013 ²	2011	2012 ¹	2013 ²
KDNK	5.1	4.5 – 5.0	4.5 – 5.5	100.0	100.0	100.0	5.1	4.5 – 5.0	4.5 – 5.5
Permintaan dalam negeri³	8.2	9.4	5.6	86.5	90.2	90.8	6.9	8.1	5.1
Perbelanjaan swasta	8.2	8.0	7.4	63.1	65.0	66.5	5.0	5.0	4.8
Penggunaan	7.1	7.0	5.7	49.8	50.8	51.1	3.5	3.5	2.9
Pelaburan	12.2	11.7	13.3	13.4	14.3	15.4	1.5	1.6	1.9
Perbelanjaan awam	8.4	13.3	1.2	23.3	25.2	24.3	1.9	3.1	0.3
Penggunaan	16.1	11.3	-1.2	13.2	14.1	13.2	1.9	1.5	-0.2
Pelaburan	-0.3	15.9	4.2	10.1	11.1	11.1	0.0	1.6	0.5
Perubahan dalam stok				0.5	0.1	0.4	-0.7	-0.4	0.4
Sektor luar	-7.4	-22.2	-4.3	13.1	9.7	8.8	-1.1	-2.9	-0.4
Export ⁴	4.2	1.6	2.8	100.6	97.5	95.4	4.3	1.6	2.8
Import ⁴	6.2	5.1	3.6	87.5	87.8	86.6	5.4	4.5	3.2
KDNK (RM bilion, harga semasa)	881.1	936.2	1,001.8						
Perubahan (%)	10.8	6.3	7.0						

¹ Anggaran.

² Unjuran.

³ Tidak termasuk perubahan dalam stok.

⁴ Barangan dan perkhidmatan bukan faktor.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan, Malaysia.



Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dan ETP serta perbelanjaan modal yang lebih tinggi oleh PABK.

Setelah mencatat pertumbuhan yang tinggi pada tahun 2011, momentum pertumbuhan **pelaburan swasta** terus kukuh pada tahun 2012 dengan pertumbuhan yang memberangsangkan sebanyak 22.4% dalam tempoh separuh pertama 2012. Bagi keseluruhan tahun 2012, pertumbuhan dijangka kekal cergas sebanyak 11.7% (2011: 12.2%) disokong oleh kerancakan perbelanjaan modal meliputi semua sektor terutamanya dalam aktiviti pelaburan berorientasikan domestik. Perkembangan yang berterusan dalam aktiviti pelaburan swasta sejajar dengan peningkatan penunjuk pelaburan utama. Import barangan

modal mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 25.7% dan jualan kenderaan perdagangan sebanyak 15.7% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012 (Januari – Julai 2011: 9.4%; 7%). Persekitaran kewangan yang stabil membantu mencergaskan pelaburan swasta seperti yang digambarkan melalui jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan kepada sektor perniagaan yang meningkat kukuh sebanyak 32.2% (Januari – Julai 2011: 6.1%). Sentimen perniagaan yang positif juga digambarkan menerusi Business Conditions Index (BCI) oleh Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), yang melepasi had nilai 100 mata dalam tempoh dua suku pertama 2012 (S2 2012: 111.5 mata; S1 2012: 116.5 mata).

Insentif bagi Menggalakkan Pelaburan Domestik

Pada 3 Julai 2012, Kerajaan telah mengumumkan beberapa insentif untuk merangsang pelaburan domestik dan penyertaan *fast-track* syarikat Malaysia dalam rantaian bekalan global, termasuk:

- Penubuhan Dana Strategik Pelaburan Domestik bernilai RM1 bilion. Dana ini akan diuruskan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) untuk meningkatkan penyertaan syarikat milik rakyat Malaysia dalam industri sasaran, iaitu industri bernilai tambah tinggi, berteknologi tinggi, berintensifkan pengetahuan dan berasaskan inovasi. Dana ini bertujuan untuk memanfaatkan peluang penyumberan luar yang dicipta oleh syarikat multinasional (MNC) yang beroperasi di Malaysia, menggiat pemerolehan teknologi oleh syarikat milik rakyat Malaysia dan membolehkan syarikat milik Malaysia untuk memiliki piawaian/sijil antarabangsa dalam industri strategik.
- Pengenalan semula insentif pengambilalihan syarikat asing bagi membolehkan syarikat milik rakyat Malaysia memperoleh teknologi terkini untuk mencapai tahap yang lebih tinggi dalam rantaian nilai atau kepelbagaian dalam bidang baharu. Inisiatif ini akan memudahkan aktiviti inovasi dalam kalangan syarikat milik rakyat Malaysia.
- Syarikat perkilangan dan perkhidmatan milik rakyat Malaysia yang telah beroperasi dan mengeluarkan produk atau menjalankan aktiviti yang digalakkan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan, 1986 kini layak untuk memohon insentif cukai. Kemudahan ini adalah untuk membantu pelaburan baharu yang dibuat oleh syarikat milik rakyat Malaysia.
- Kelayakan insentif cukai bagi syarikat milik rakyat Malaysia telah ditambah baik dengan meningkatkan kelayakan dana pemegang saham daripada RM500,000 kepada kurang daripada RM2.5 juta di bawah Akta Penggalakan Pelaburan, 1986.
- Pengenalan kadar cukai khas bagi menggalakkan penyedia perkhidmatan Malaysia bergabung menjadi entiti yang lebih besar bagi meningkatkan daya saing selaras dengan usaha Kerajaan untuk terus meliberalisasi sektor perkhidmatan.

Sumber: Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).



Kerajaan terus menyokong sektor swasta dengan menyediakan pelbagai inisiatif bagi merencanakan pelaburan swasta. Inisiatif ini termasuk pelaksanaan ETP dan liberalisasi tambahan 17 subsektor perkhidmatan serta penyediaan peruntukan di bawah Dana Mudahcara Perkongsian Awam-Swasta (PPP). Di samping itu, Kerajaan telah mengumumkan lima inisiatif baharu pada Julai 2012 bagi mentransformasi landskap pelaburan domestik termasuk menubuhkan Dana Pelaburan Strategik Domestik bernilai RM1 bilion.

Dalam ketidaktentuan persekitaran luar dan persaingan daripada negara membangun yang berkembang pesat untuk menarik pelaburan asing, Malaysia terus mencatat aliran masuk bersih FDI bernilai RM13.6 bilion dalam tempoh separuh pertama 2012 (Januari – Jun 2011: RM21 bilion). Sektor O&G menyumbang peratusan tertinggi daripada keseluruhan aliran bersih FDI sebanyak 37.2%, diikuti oleh sektor perkhidmatan (36.8%) dan pembuatan (23.7%).

Nilai pelaburan sektor pembuatan yang diluluskan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) berjumlah RM25.8 bilion dalam tempoh enam bulan pertama 2012 (Januari – Jun 2011: RM27.4 bilion). Daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan, RM12.8 bilion atau 49.8% merupakan pelaburan asing manakala baki adalah pelaburan domestik. Lima negara yang menjadi pelabur utama dalam tempoh tersebut terdiri daripada Arab Saudi dengan pelaburan berjumlah RM2.6 bilion, diikuti oleh Jepun (RM1.8 bilion), Norway (RM1.1 bilion), Indonesia (RM1.1 bilion) dan Singapura (RM1 bilion). Sementara itu, Selangor menarik jumlah pelaburan tertinggi yang diluluskan mengikut negeri bernilai RM5.5 bilion, diikuti oleh Sabah (RM4.8 bilion), Sarawak (RM4.6 bilion), Johor (RM2.9 bilion) dan Terengganu (RM2.3 bilion).

Dalam memastikan pembangunan yang menyeluruh dan seimbang di seluruh negara, Kerajaan telah mengenalpasti lima koridor pembangunan ekonomi

di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9). Usaha menarik pelaburan di wilayah koridor ini telah membuahkan hasil yang positif. Sehingga akhir Jun 2012, SDC telah menarik jumlah pelaburan komited yang terbesar bernilai RM112 bilion daripada pelabur tempatan dan asing dalam pelbagai sektor. Sementara itu, Iskandar Malaysia mencatat pelaburan sebanyak RM95.5 bilion, diikuti oleh ECER (RM32.7 bilion), Wilayah Ekonomi Koridor Utara atau NCER⁵ (RM25.9 bilion) dan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak atau SCORE (RM24.6 bilion).

Dalam tempoh separuh pertama 2012, SDC menerima pelaburan berjumlah RM36 bilion. Projek utama di SDC termasuk POIC di Lahad Datu dan Sandakan, Pusat Ternakan Bersepadu Keningau (KLIC), dan Sabah Agro-Industrial Precinct (SAIP) di Kimanis. Iskandar Malaysia pula telah menarik RM10.7 bilion pelaburan komited. Antara projek di Iskandar Malaysia adalah ATT Tanjung Bin Terminal Fasa 2 dan Dato' Onn International Specialist Hospital. ECER telah menerima pelaburan berjumlah RM11.9 bilion dalam tempoh tersebut. Pelaburan

JADUAL 3.13

**Pelaburan Kumulatif di Lima Koridor
Pembangunan Ekonomi**
(RM bilion)

Koridor	Akhir Jun 2012 ¹		Jan – Jun 2012	
	Komited	Realisasi	Komited	Realisasi
SDC	112.0	12.0	36.0	9.5
Iskandar Malaysia	95.5	41.4	10.7	3.6
ECER	32.7	22.0	11.9	1.0
NCER	25.9	25.9	8.5	8.5
SCORE	24.6	9.4	3.4	1.7


¹ Sejak tarikh pelancaran bagi setiap koridor hingga akhir Jun 2012.

Sumber: Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) dan koridor yang berkaitan.

⁵ NCER: Pelaburan di bawah Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) sahaja.




CARTA 3.9

Penunjuk Pelaburan Swasta¹ Anggaran.

Sumber: Bank Negara Malaysia, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia, Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan, Malaysia.

CARTA 3.10

Penunjuk Penggunaan Swasta¹ Anggaran.² Pada 19 September 2012.

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia, Persatuan Pemasang dan Pembekal Motosikal dan Skuter Malaysia, Lembaga Minyak Sawit Malaysia, Lembaga Getah Malaysia, Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan, Malaysia.



utama yang diterima termasuk projek bagi membina kilang bioisobutanol pertama di dunia bertempat di Kertih Biopolimer Park (KBP), Terengganu serta projek pelancongan di Mersing, Johor. Sementara itu, NCER yang meliputi Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Utara Perak menarik pelaburan bernilai RM8.5 bilion. Daripada jumlah pelaburan yang diterima oleh NCER, 78% adalah daripada pelabur asing dengan sebahagian besar daripada pelaburan dibuat dalam sektor pembuatan, khususnya subsektor E&E. SCORE juga telah menarik pelaburan bernilai RM3.4 bilion terutamanya dalam sektor pembuatan di Taman Perindustrian Samalaju.

Kerajaan giat melaksanakan pelbagai usaha dalam merencanakan pelaburan swasta terutamanya di bawah ETP. Sehingga 13 September 2012, sejumlah 138 inisiatif di bawah 86 EPP telah diumumkan dengan pelaburan komited berjumlah RM205.2 bilion. Pelaburan ini dijangka menjana RM136.4 bilion PNK serta mewujudkan 372,181 pekerjaan menjelang tahun 2020. Daripada jumlah pelaburan tersebut, 85% projek sedang dilaksanakan atau telah beroperasi. Projek ini termasuk medan minyak marginal dan laut dalam di bawah industri O&G serta projek mega MRT dan River of Life di bawah Greater Kuala Lumpur/Lembah Klang.

Usaha Kerajaan dalam meningkatkan sistem penyampaian sektor awam dan mengurangkan kos bagi menjalankan perniagaan telah mengukuhkan persepsi pelabur asing terhadap Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang menarik. Persepsi ini selaras dengan laporan *Ease of Doing Business 2012* oleh Bank Dunia yang meletakkan Malaysia pada kedudukan yang lebih baik pada tangga ke-18 daripada 183 ekonomi (2011: tangga ke-23). Di samping itu, berbanding dengan 2011, kedudukan daya saing global Malaysia meningkat dua tangga daripada kedudukan ke-16 ke kedudukan ke-14 mendahului China, Jepun dan Republik Korea (ROK) seperti yang dilaporkan melalui *2012 World Competitiveness Yearbook* oleh Institute for Management Development (IMD). Sementara itu, *Foreign Direct Investment Confidence Index* yang dikeluarkan oleh firma perunding pengurusan global AT Kearney juga menunjukkan kedudukan Malaysia yang bertambah

JADUAL 3.14

Status Terkini Program Transformasi Ekonomi (ETP)

Pengumuman	Inisiatif	RM bilion		
		Jumlah Pelaburan	Peningkatan PNK	Peluang Pekerjaan
Status 1 (25 Okt 2010)	9	4.08	5.72	15,293
Status 2 (30 Nov 2010)	9	7.91	8.50	42,815
Status 3 (11 Jan 2011)	19	57.25	33.86	55,065
Status 4 (8 Mac 2011)	23	22.10	40.94	58,626
Status 5 (19 Apr 2011)	12	12.54	7.34	81,567
Status 6 (13 Jun 2011)	15	68.67	20.28	32,609
Status 7 (8 Sept 2011)	10	1.66	5.26	10,860
Status 8 (10 Nov 2011)	13	4.96	7.55	16,906
Status 9 (28 Mei 2012)	21	20.46	4.59	39,918
Status 10 (13 Sept 2012)	7	5.61	2.36	18,522
Jumlah	138	205.23	136.41	372,181

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU).

baik daripada tangga ke-21 melonjak kepada tangga ke-10. Peningkatan dalam pengiktirafan antarabangsa ini akan meningkatkan lagi keyakinan pelabur dan memberi galakan kepada perkembangan pelaburan swasta.

Pelaburan awam dijangka melonjak 15.9% (2011: -0.3%) didorong oleh pelaksanaan projek *rolling plan* kedua (RP2) di bawah RMKe-10 dan perbelanjaan modal yang lebih tinggi oleh PABK. Perbelanjaan pembangunan Kerajaan disalurkan sebahagiannya bagi pelaksanaan inisiatif di bawah tujuh NKRA, 12 NKEA serta projek baharu di bawah RMKe-10. Di samping itu, sejumlah RM20 bilion telah diperuntukkan di bawah Dana Mudahcara PPP sebagai *tipping point* bagi membantu sektor swasta melaksanakan projek strategik dan



Kemajuan Terkini Iskandar Malaysia

Latar Belakang


Iskandar Malaysia yang merupakan satu daripada lima koridor pembangunan di Malaysia telah dilancarkan secara rasmi pada 9 November 2006. Koridor ini meliputi kawasan seluas 221,634 hektar (2,217 km persegi) terletak di bahagian paling selatan Johor. Dengan saiz kawasan kira-kira tiga kali ganda lebih luas daripada Singapura dan dua kali ganda berbanding Hong Kong, Iskandar Malaysia merupakan sebuah projek pembangunan terbesar yang dilaksanakan di Asia Tenggara.

Koridor ini terbahagi kepada lima zon utama, iaitu Pusat Bandaraya Johor Bahru, Nusajaya, Pembangunan Gerbang Barat, Pembangunan Gerbang Timur dan Senai – Skudai. Kesemua zon ini telah dipilih bagi membantu Kerajaan memberi lebih penekanan kepada usaha pembangunan, sama ada di kawasan ekonomi berkelompok yang sedia ada atau kawasan baharu yang terdapat kelebihan berbanding, serta memberi manfaat kepada masyarakat setempat. Zon ini merupakan pemangkin bagi pembangunan di wilayah ini.


Sembilan tunggak ekonomi utama telah dikenal pasti bagi Iskandar Malaysia, dibahagikan kepada inisiatif berasaskan pembuatan dan perkhidmatan. Tunggak berasaskan pembuatan meliputi elektrik dan elektronik (E&E), petrokimia dan oleokimia serta pemprosesan agro dan makanan. Tunggak berasaskan perkhidmatan pula terdiri daripada logistik, pelancongan serta empat bidang baharu yang dikenal pasti, iaitu perkhidmatan kesihatan, pendidikan, kewangan dan industri kreatif. Bagi meningkatkan lagi peluang ekonomi di Iskandar Malaysia, penekanan akan diberikan kepada empat tunggak perkhidmatan baharu, di samping mengukuhkan bidang pembuatan sedia ada. Kesemua tunggak ekonomi ini akan mampu memaksimumkan hubungan aktiviti ekonomi sedia ada, memudahkan cara dan menjana aktiviti ekonomi baharu serta mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan.

Status Kemajuan

CARTA 1

Pelaburan Komited Kumulatif

CARTA 2

Komposisi Pelaburan mengikut Sektor (%)


Pelaburan

Iskandar Malaysia telah berjaya menarik pelaburan komited berjumlah RM95.5 bilion sejak penubuhannya sehingga Jun 2012. Sejumlah RM41.4 bilion atau 43% daripada komitmen tersebut telah direalisasikan dengan beberapa projek utama dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Pelabur tempatan mewakili 62% daripada jumlah pelaburan komited bernilai RM59 bilion manakala selebihnya adalah pelaburan langsung asing (FDI). Nilai pelaburan komited terbesar adalah dalam sektor pembuatan sebanyak 34.3%, diikuti oleh sektor harta tanah sebanyak 31.2%.

Sejak pelancaran Iskandar Malaysia, beberapa projek utama berada dalam pelbagai fasa pembangunan, termasuk:

- **Johor Premium Outlets (JPO)** di Senai-Skudai yang telah dibuka secara rasmi pada 11 Disember 2011 dengan penglibatan lebih 80 pereka terkenal dan gedung berjenama.
- **Taman Tema LEGOLAND Malaysia** yang telah dibuka pada 15 September 2012 dengan sasaran utamanya adalah keluarga bersama kanak-kanak. LEGOLAND ini merupakan yang pertama di rantau Asia dengan tujuh kawasan tema yang unik.
- **Pinewood Iskandar Malaysia Studios** dijangka beroperasi pada akhir 2013, bertujuan merangsang pembangunan Iskandar Malaysia sebagai sebuah hab pengeluaran filem serantau dan antarabangsa.
- **EduCity** dibangunkan sebagai hab bersepadu berasaskan pengetahuan yang menempatkan pelbagai universiti dan sekolah antarabangsa yang terkemuka. Rangkaian universiti ini termasuk Newcastle Medical University, Netherlands Maritime Institute of Technology, Raffles University Iskandar, University of Southampton, University of Reading serta sekolah antarabangsa seperti Raffles American School dan Marlborough College Malaysia.

Projek Utama di Iskandar Malaysia






Peluang Pekerjaan

Peningkatan perbelanjaan pelaburan di Iskandar Malaysia telah menjana aktiviti ekonomi yang lebih rancak dan seterusnya meningkatkan permintaan bagi tenaga kerja. Sehingga akhir Jun 2012, hampir 54,000 peluang pekerjaan telah diwujudkan dalam sektor ekonomi yang disasarkan. Subsektor E&E mencatat bilangan peluang pekerjaan tertinggi sebanyak 20,037, diikuti oleh pendidikan (5,910), rekreasi dan pelancongan (3,965) serta pemprosesan agro dan makanan (3,872). Selain daripada itu, bilangan pekerjaan yang diwujudkan turut akan berlipat ganda selaras dengan beberapa projek pemangkin utama yang dijangka mula beroperasi dalam tempoh lima tahun akan datang seperti Pinewood Iskandar Malaysia Studios, MSC Cyberport City serta Urban and Resort Wellness.

CARTA 3

Jumlah Pekerjaan yang Diwujudkan mengikut Sektor Ekonomi sehingga akhir Jun 2012



Pembangunan Sosial

Tahap dan kadar pembangunan di Iskandar Malaysia akan memberi kesan yang ketara kepada penduduk setempat. Dalam hal ini, usaha pembangunan telah dirancang bagi memastikan penduduk tempatan meraih faedah daripada pertumbuhan Iskandar Malaysia. Rangka pembangunan sosial yang menyeluruh dan sistematik telah digubal meliputi modal insan, keterangkuman ekonomi dan sosial, perumahan dan pembangunan spatial serta isu keselamatan dan keamanan bagi memastikan faedah dapat dinikmati oleh penduduk tempatan.

▪ Pembangunan Modal Insan

Objektif: Memastikan bakat yang mencukupi bagi memenuhi permintaan guna tenaga yang semakin meningkat di Iskandar Malaysia.

Inisiatif utama:

- Karnival Kerjaya, Keusahawanan dan Kemahiran - satu program jangkauan yang terbesar menggabungkan peluang daripada segi pekerjaan, perniagaan dan peningkatan kemahiran;
- Program Motivasi dan Perubahan Minda;
- Program Pembangunan Kontraktor; dan
- Program Latihan Teras Siswazah Muda.

▪ Keterangkuman Ekonomi

Objektif: Memastikan mobiliti sosioekonomi penduduk tempatan ke arah negara berpendapatan tinggi melalui aktiviti ekonomi.

Inisiatif utama:

- Program Smart Biz Kid;
- Program Rangkaian Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS);
- Perkhidmatan Perundingan Perakaunan;
- Pembangunan Usahawan Pemasaran Internet; dan
- Program Perniagaan Francais.



▪ **Keterangkuman Sosial**

Objektif: Mengurangkan jurang ketidaksamaan serta memupuk semangat perpaduan dan integrasi yang merentasi seluruh kelas sosioekonomi dan latar belakang etnik.

Inisiatif utama:

- 1Azam - Azam Niaga (peluang perniagaan), Azam Tani (perniagaan berasaskan pertanian), Azam Khidmat (sektor perkhidmatan) dan Azam Kerja (peluang pekerjaan);
- Projek ekopelancongan bagi kampung yang dikenal pasti untuk meningkatkan tahap pendapatan penduduk kampung;
- Program untuk Orang Asli termasuk pembangunan kemahiran belia dan kesedaran kesihatan; dan
- Program Integrasi Kaum dengan memanfaatkan minat yang sama melalui sukan, makanan dan seni.

▪ **Perumahan dan Pembangunan Spatial**

Objektif: Mewujudkan komuniti yang sesuai untuk didiami.

Inisiatif utama:

- PRISMA - Perumahan Awam di Iskandar Malaysia;
- Penempatan Semula Setinggan Sungai Tebrau; dan
- Perkhidmatan bas.

▪ **Keselamatan dan Keamanan**

Objektif: Memastikan keselamatan dan keamanan penduduk yang menetap di Iskandar Malaysia.

Inisiatif utama:

- Memasang kamera litar tertutup (CCTV);
- Menyiapkan 16 pondok polis komuniti baharu; dan
- Mewujudkan pasukan polis bantuan (42 kakitangan tambahan telah ditempatkan di lokasi kritikal).

Peranan Kerajaan

Kerajaan memperuntukkan RM7.3 bilion sehingga Jun 2012 dan sebahagian besarnya bagi melaksanakan projek infrastruktur utama di Iskandar Malaysia. Infrastruktur ini termasuk jalan, perparitan dan projek pembersihan sungai. Antara projek infrastruktur yang telah siap adalah Lebuh Raya Pantai dari Johor Bahru ke Nusajaya, persimpangan bertingkat dan jambatan baharu serta kerja menaik taraf jalan untuk menambah baik aliran dan penyuraian trafik dalam dan sekitar Johor Bahru. Di samping itu, sejumlah 11 projek perparitan dan enam projek pembersihan sungai telah siap dilaksanakan.

Selain daripada pelaburan infrastruktur fizikal, usaha juga telah dibuat untuk menambah baik sistem sokongan yang kritikal kepada pembangunan di Iskandar Malaysia seperti menjamin keselamatan dan keamanan serta pembangunan sosial. Kerajaan juga menyediakan pelbagai insentif kewangan dan bukan kewangan untuk menarik pelaburan berkualiti dan pekerja berkemahiran tinggi dalam sektor tertentu di koridor ini, termasuk pengecualian cukai kepada syarikat yang berkeelayakan. Pelaburan Kerajaan dalam infrastruktur dijangka membantu meningkatkan lebih banyak pelaburan swasta yang seterusnya akan merangsang lagi pertumbuhan ekonomi. Untuk tujuan ini, perkongsian awam-swasta yang mantap amat penting dalam memastikan kejayaan berterusan bagi pembangunan Iskandar Malaysia.

Kesimpulan

Tahun 2012 merupakan tahun yang penting bagi Iskandar Malaysia dengan beberapa projek pemangkin yang telah siap dibina, mencerminkan komitmen Kerajaan dalam memastikan Iskandar Malaysia mencapai kejayaan. Kejayaan projek ini akan terus merangsang pertumbuhan ekonomi dan mampu menarik lebih banyak pelaburan swasta ke wilayah ini. Perkembangan ini akan meningkatkan potensi Iskandar Malaysia secara ketara dalam mencapai sasaran pelaburan sebanyak RM383 bilion menjelang tahun 2025.

Sumber: Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA).



berimpak tinggi. Sementara itu, perbelanjaan modal oleh PABK dijangka berkembang kukuh berikutan perbelanjaan yang tinggi dalam industri O&G, infrastruktur, perkhidmatan telekomunikasi dan utiliti.

Pelaburan PETRONAS dalam projek hulu dan hiliran, termasuk projek Saluran Paip Gas Sabah-Sarawak (SSGP), pembangunan laut dalam di Gumusut-Kakap, Sabah serta Terminal Regasifikasi LNG, Melaka bertujuan meningkatkan pengeluaran O&G serta menambah kapasiti penyimpanan gas asli. Pelaburan modal Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) tertumpu kepada pembinaan klia2 yang akan menjadi terminal penerbangan tambang murah yang terbesar di dunia. Projek UEM Group Berhad (UEM) tertumpu terutamanya kepada

pelbagai projek pembangunan di Nusajaya dan pembinaan Jambatan Pulau Pinang Kedua. TM akan terus meluaskan liputan perkhidmatan HSBB untuk memenuhi peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan jalur lebar. Sementara itu, perbelanjaan modal Tenaga Nasional Berhad (TNB) adalah bagi menaik taraf penjanaan kuasa dan memperbaiki sistem penghantaran serta menambah baik pengagihan bekalan elektrik.

Penggunaan swasta dijangka mengekalkan momentum pertumbuhan pada kadar 7% (2011: 7.1%) dan terus merancakkan lagi aktiviti domestik. Pertumbuhan ini disokong oleh pendapatan boleh guna isi rumah yang teguh berikutan keadaan pasaran pekerjaan yang bertambah baik, prestasi pasaran saham yang teguh dan harga komoditi yang masih kukuh.

JADUAL 3.15

**Jurang Tabungan Pelaburan
2009 – 2013**
(pada harga semasa)

	2009	2010	RM juta 2011	2012 ¹	2013 ²
Sektor awam					
Tabungan	63,905	85,898	66,324	73,458	91,464
Pembentukan modal dalam negeri	75,633	81,050	83,213	99,965	106,077
Lebihan/Defisit	-11,728	4,848	-16,889	-26,507	-14,613
Sektor swasta					
Tabungan	173,965	186,216	238,583	223,616	238,694
Pembentukan modal dalam negeri ³	51,510	102,984	124,587	128,577	152,220
Lebihan/Defisit	122,455	83,232	113,996	95,039	86,475
Keseluruhan					
Tabungan negara kasar	237,870	272,114	304,907	297,074	330,158
(% daripada PNK)	34.0	35.4	35.5	32.7	33.7
Pembentukan modal dalam negeri ³	127,143	184,034	207,800	228,542	258,297
(% daripada PNK)	18.2	23.9	24.2	25.2	26.4
Lebihan/Defisit	110,726	88,079	97,108	68,532	71,862
(% daripada PNK)	15.8	11.5	11.3	7.5	7.3

¹ Anggaran.

² Unjuran.

³ Termasuk perubahan dalam stok.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan, Malaysia.



Penyenaraian Felda Global Ventures Holdings (FGVH) di Bursa Malaysia telah memberi manfaat kepada 112,635 peneroka FELDA di negara ini. Selaras dengan penyenaraian ini, peneroka akan menerima ganjaran sebanyak RM15,000 bagi setiap keluarga yang melibatkan peruntukan sebanyak RM1.7 bilion. Di samping itu, sebagai penghargaan kepada peneroka di atas sumbangan dalam pembangunan FELDA, Kerajaan telah mengumumkan imbuhan berjumlah RM43.2 juta. Langkah-langkah ini dijangka dapat meningkatkan pendapatan dan kuasa beli isi rumah luar bandar.


Pelbagai inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi membantu meringankan kos sara hidup kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana di bawah Bajet 2012 turut membantu meningkatkan perbelanjaan penggunaan swasta. Inisiatif ini termasuk, pemberian BR1M yang menyediakan bantuan kewangan sebanyak RM500 kepada isi rumah yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan, bantuan persekolahan sebanyak RM100 kepada semua pelajar sekolah rendah dan menengah dan penyediaan BB1M bernilai RM200 kepada semua pelajar tingkatan enam dan penuntut institusi pengajian tinggi. Tambahan pula, Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai produk dan perkhidmatan 1Malaysia yang berkualiti dan mampu dimiliki. Produk dan perkhidmatan ini termasuk Kedai Ikan Rakyat 1Malaysia (KIR1M), Kedai Kain Rakyat 1Malaysia (KKR1M), Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) dan Menu Rakyat 1Malaysia (MR1M).

Perkembangan positif dalam penggunaan swasta telah disokong oleh penunjuk penggunaan utama yang merekod pertumbuhan kukuh seperti kutipan cukai perkhidmatan sebanyak 20.8% dan import barangan penggunaan sebanyak 15.2% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012 (Januari – Julai 2011: 19.4%; 12.8%). Prestasi yang menggalakkan ini juga dicerminkan oleh Consumer Sentiments Index (CSI) oleh MIER yang meningkat kepada 114.9 mata dalam tempoh suku kedua 2012 (S1 2012: 114.3 mata) didorong oleh sentimen prospek pekerjaan yang positif dan tekanan inflasi yang berkurangan.

Penggunaan awam dijangka berkembang pada kadar yang kukuh sebanyak 11.3% (2011: 16.1%) berikutan perbelanjaan yang lebih tinggi ke atas emolumen serta bekalan dan perkhidmatan. Perbelanjaan bagi emolumen yang merupakan komponen terbesar dalam penggunaan awam dijangka meningkat. Perbelanjaan ini termasuk semakan gaji di bawah penambahbaikan Sistem Saraan Malaysia (SSM) dan bonus setengah bulan dengan bayaran minimum RM500 kepada 1.27 juta kakitangan awam. Komponen bekalan dan perkhidmatan juga dijangka meningkat sejajar dengan usaha Kerajaan bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam. Perbelanjaan ini termasuk perkhidmatan profesional dan teknikal serta pembaikan dan penyelenggaraan yang memberi impak positif kepada pelbagai sektor ekonomi.

CARTA 3.11

Jurang Tabungan Pelaburan



¹ Anggaran.

² Unjuran.

³ Termasuk perubahan dalam stok.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan, Malaysia.



Kedudukan Sumber Negara

Pengurangan jurang tabungan pelaburan

Tabungan Negara Kasar (TNK) dianggar terus kukuh mencatat RM297.1 bilion. Sebahagian besar TNK dijangka disumbang oleh sektor swasta, mencakupi 75.3% daripada jumlah tabungan (2011: 78.2%). Jumlah pelaburan (termasuk perubahan dalam stok) diunjur meningkat 10% kepada RM228.5 bilion atau 25.2% daripada PNK. Dengan peningkatan kadar pelaburan lebih tinggi berbanding tabungan, **jurang tabungan pelaburan** dijangka mencatat lebih yang lebih rendah sebanyak RM68.5 bilion atau 7.5% daripada PNK pada tahun 2012 (2011: RM97.1 bilion; 11.3%). Lebihan sumber ini membolehkan Malaysia terus membiayai pembangunan ekonomi terutamanya daripada sumber dalam negeri.

Sektor Luar Negeri

Prestasi Perdagangan

Kedudukan luar negeri kekal menggalakkan

Dalam persekitaran luar yang lebih mencabar, jumlah perdagangan Malaysia dijangka meningkat sebanyak 4.4% kepada RM1.32 trilion pada tahun 2012 (2011: 8.7%; RM1.27 trilion). Eksport kasar dijangka berkembang 2.7% kepada RM713 bilion (2011: 8.7%; RM694.5 bilion) disumbang oleh eksport pembuatan yang sederhana dan eksport komoditi yang lebih rendah. Import kasar dianggar berkembang lebih tinggi berbanding pertumbuhan eksport iaitu pada kadar 6.5% kepada RM611.5 bilion (2011: 8.6%; RM574.2 bilion) disokong oleh aktiviti domestik yang kukuh. Walau bagaimanapun, kedudukan perdagangan luar dijangka kekal menggalakkan dengan lebihan dagangan mencatat RM101.5 bilion bersamaan dengan 10.8% daripada KDNK (2011: RM120.3 bilion; 13.7%).

Prestasi Eksport

Pertumbuhan eksport yang lebih perlahan

Pada tahun 2012, dalam ketidaktentuan persekitaran luar, eksport kasar dijangka meningkat pada kadar sederhana sebanyak 2.7% (2011: 8.7%).

JADUAL 3.16

Perdagangan Luar Negeri 2011 – 2012

	RM juta		Perubahan (%)	
	2011	2012 ¹	2011	2012 ¹
Jumlah perdagangan	1,268,780	1,324,451	8.7	4.4
Eksport kasar	694,548	712,954	8.7	2.7
antaranya:				
Pembuatan	504,182	524,240	3.3	4.0
Pertanian	91,358	82,466	32.9	-9.7
Perlombongan	88,049	91,039	20.3	3.4
Import kasar	574,232	611,496	8.6	6.5
antaranya:				
Barangan modal	80,945	99,674	9.7	23.1
Barangan pengantara	385,269	391,357	5.4	1.6
Barangan penggunaan	41,027	45,495	19.0	10.9
Imbangan perdagangan	120,316	101,458	9.4	-15.7

¹ Anggaran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan, Malaysia.

Prestasi ini disebabkan oleh kelembapan berterusan permintaan global bagi produk pembuatan, khususnya produk E&E dan jangkaan penurunan harga komoditi dalam tempoh separuh kedua 2012. Pendapatan eksport barangan pembuatan dijangka berkembang sederhana sebanyak 4% kepada RM524.2 bilion (2011: 3.3%; RM504.2 bilion) dan kekal sebagai penyumbang utama kepada pendapatan eksport. Pertumbuhan ini disokong oleh produk bukan E&E khususnya produk berasaskan sumber seperti bahan kimia dan produk kimia, getah dan petroleum. Sementara itu, eksport produk E&E dijangka sederhana berikutan jumlah penghantaran semikonduktor dan peralatan elektronik yang lebih rendah ke pasaran negara maju dan serantau.



JADUAL 3.17

**Eksport Kasar
Januari – Julai**

	RM bilion		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2011	2012	2011	2012	2011	2012
Pembuatan	289.8	301.8	2.3	4.1	73.1	73.7
Pertanian utama	48.7	41.3	37.5	-15.3	12.3	10.1
Perlombongan	46.5	52.8	7.6	13.6	11.7	12.9
Lain-lain	11.3	13.4	27.0	18.6	2.9	3.3
Eksport kasar	396.3	409.3	6.9	3.3	100.0	100.0

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan, Malaysia.

Prestasi eksport keseluruhan turut terjejas berikutan jangkaan kejatuhan hasil eksport pertanian sebanyak 9.7% kepada RM82.5 bilion (2011: 32.9%; RM91.4 bilion) disebabkan oleh harga eksport yang lebih rendah dan pengurangan penghantaran minyak sawit dan getah mentah. Sementara itu, eksport perlombongan dijangka sederhana sebanyak 3.4% kepada RM91 bilion (2011: 20.3%; RM88 bilion) disebabkan oleh permintaan yang perlahan dan harga minyak mentah yang lebih rendah. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012, eksport kasar berkembang pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 3.3% kepada RM409.3 bilion (Januari – Julai 2011: 6.9%; RM396.3 bilion) disokong oleh permintaan serantau bagi eksport pembuatan berasaskan sumber dan harga yang lebih tinggi serta permintaan kukuh bagi eksport LNG, terutamanya daripada Jepun dan ROK.

Eksport Barangan Pembuatan

Pertumbuhan dipacu oleh eksport produk bukan E&E

Eksport barangan pembuatan terus berkembang 4.1% kepada RM301.8 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012 (Januari – Julai 2011: 2.3%; RM289.8 bilion). Pertumbuhan ini selaras

dengan permintaan luar yang kukuh bagi produk bukan E&E, (khususnya beberapa produk utama berasaskan sumber) yang menyumbang 55.7% kepada jumlah eksport barangan pembuatan. Permintaan bagi barangan pembuatan adalah terutamanya dari rantau Asia seperti China, Jepun, Singapura dan Thailand.

Eksport produk **E&E** menguncup pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 2.2% kepada RM133.8 bilion (Januari – Julai 2011: -6.5%; RM136.7 bilion) berikutan permintaan yang bertambah baik bagi kelengkapan dan alat ganti elektronik, khususnya daripada pengimport utama seperti AS, China, Jepun, Singapura dan Thailand. Eksport kelengkapan dan alat ganti elektronik kembali pulih dengan catatan 2.3% (Januari – Julai 2011: -25.7%) dipacu terutamanya oleh jualan mesin memproses data automatik, litar yang dicetak dan transformer yang lebih tinggi. Sebaliknya, penghantaran semikonduktor merosot 7% (Januari – Julai 2011: 9.8%) sejajar dengan jualan semikonduktor yang lebih perlahan di seluruh dunia. Penguncupan ini disebabkan oleh rangkaian bekalan yang terganggu berikutan banjir di Thailand pada tahun 2011 dan permintaan yang rendah terhadap produk elektronik penggunaan di sebalik pertumbuhan ekonomi dunia yang semakin perlahan.



JADUAL 3.18

**Eksport Barangan Pembuatan
Januari – Julai**

	RM juta		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2011	2012	2011	2012	2011	2012
E&E	136,714	133,756	-6.5	-2.2	47.2	44.3
Semikonduktor	63,190	58,747	9.8	-7.0	21.8	19.5
Kelengkapan dan peralatan elektronik	43,523	44,520	-25.7	2.3	15.0	14.8
Jentera dan produk elektrik	30,001	30,489	-0.3	1.6	10.4	10.1
Bukan E&E	153,060	167,996	11.6	9.8	52.8	55.7
Kimia, produk kimia dan plastik	29,855	30,885	10.1	3.5	10.3	10.2
Produk petroleum	22,798	31,061	35.5	36.2	7.9	10.3
Produk besi, keluli dan logam	17,603	18,114	13.9	2.9	6.1	6.0
Jentera dan kelengkapan	13,520	15,218	5.8	12.6	4.7	5.0
Produk kayu	7,718	7,952	-3.9	3.0	2.7	2.6
Tekstil, pakaian dan kasut	6,367	5,538	16.9	-13.0	2.2	1.8
Makanan, minuman dan tembakau	12,082	12,332	19.3	2.1	4.2	4.1
Produk getah	9,957	11,815	7.8	18.7	3.4	3.9
Kelengkapan pengangkutan	5,390	5,388	-14.4	0.0	1.9	1.8
Produk galian bukan logam	3,281	3,450	16.8	5.2	1.1	1.1
Produk pembuatan lain	24,488	26,242	6.3	7.2	8.5	8.7
Jumlah	289,773	301,751	2.3	4.1	100.0	100.0

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Eksport **bukan E&E** meningkat 9.8% kepada RM168 bilion (Januari – Julai 2011: 11.6%; RM153.1 bilion). Produk berasaskan sumber seperti getah, petroleum dan galian bukan logam menunjukkan prestasi yang mantap sementara segmen produk lain seperti jentera dan kelengkapan turut mencatat pertumbuhan yang kukuh.

Pendapatan daripada **produk getah** melonjak 18.7% (Januari – Julai 2011: 7.8%) berikutan jualan yang lebih tinggi disokong oleh dolar AS yang lebih kukuh dan harga bahan mentah yang lebih rendah. Pertumbuhan ini disokong oleh permintaan yang lebih tinggi bagi bahan perkilangan getah sebanyak 42.5% dan sarung


tangan getah (9.2%). Permintaan bagi produk ini adalah terutamanya dari AS, China, Jepun, Jerman dan Thailand.

Eksport **produk petroleum** berkembang 36.2% (Januari – Julai 2011: 35.5%) disumbang terutamanya oleh produk petroleum bertapis (43.5%), sisa keluaran petroleum (68.5%) serta gas petroleum dan gas hidrokarbon (8.5%). Prestasi kukuh produk ini disokong sebahagiannya oleh harga minyak global yang kekal tinggi.

Eksport **kimia, produk kimia dan plastik** meningkat 3.5% (Januari – Julai 2011: 10.1%) disokong terutamanya oleh bahan kimia organik (2.1%).



CARTA 3.12

Eksport Semikonduktor Malaysia, Jualan Semikonduktor Sedunia dan Book-to-Bill Ratio


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Semiconductor Industry Association (SIA) dan Semiconductor Equipment and Materials International (SEMI).

Selain daripada itu, eksport bahan pencelupan, penyamakan dan pewarnaan (21.9%) dan bahan kimia bukan organik (11.9%) turut menyokong pertumbuhan segmen ini.

Pendapatan daripada **produk besi, keluli dan logam** meningkat pada kadar yang sederhana sebanyak 2.9% (Januari – Julai 2011: 13.9%) dipacu sebahagian besarnya oleh eksport yang mantap bagi produk besi dan keluli sebanyak 10.4% (Januari – Julai 2011: 11.4%). Pertumbuhan yang sederhana ini disebabkan oleh aktiviti pembinaan yang lebih perlahan di pasaran utama, khususnya China. Sementara itu, **produk galian bukan logam** berkembang 5.2% (Januari – Julai 2011: 16.8%), disokong oleh permintaan yang lebih tinggi daripada destinasi eksport utama seperti Indonesia, Jepun, ROK dan Singapura.

Penghantaran **produk kayu** melonjak 3% (Januari – Julai 2011: -3.9%). Prestasi positif ini

CARTA 3.13

Prestasi Eksport Pembuatan Terpilih (% perubahan tahunan)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

disokong terutamanya oleh peningkatan eksport perabot kayu dan permintaan luar yang mampan bagi papan lapis. Eksport perabot kayu kembali cergas dengan catatan 15% (Januari – Julai 2011: -9.4%) berikutan jualan yang lebih tinggi di AS, China, Jepun dan United Kingdom (UK). Volum eksport papan lapis meningkat 1.3% kepada 1,983 juta meter padu berikutan permintaan dari Jepun yang mampan berikutan pelaksanaan aktiviti pembinaan semula pascatsunami serta permintaan yang menggalakkan daripada AS, ROK dan Emiriah Arab Bersatu (UAE). Pendapatan eksport papan lapis pula menguncup 4.1% disebabkan harga eksport purata yang lebih rendah berikutan paras inventori yang tinggi. Namun begitu, peningkatan harga papan lapis dari paras terendah pada Mei 2012 sebanyak RM1,285 semeter padu kepada RM1,553 semeter padu pada Julai 2012, serta unit rumah mula dibina di Jepun yang bertambah baik dijangka meningkatkan pendapatan eksport papan lapis dalam tempoh separuh kedua tahun 2012.



Eksport **makanan, minuman dan tembakau** meningkat pada kadar yang sederhana sebanyak 2.1% (Januari – Julai 2011: 19.3%), kesan daripada eksport produk makanan yang lebih rendah. Eksport produk koko menyusut 20.6% dan makanan suplemen sebanyak 8.5%. Namun demikian, pertumbuhan produk ini disokong oleh permintaan yang lebih tinggi bagi minuman dan tembakau yang terus meningkat 21.2% (Januari – Julai 2011: 8.1%) terutamanya dari ekonomi serantau. Paling ketara, produk minuman ringan berkembang kukuh sebanyak 26.8% dan tembakau sebanyak 50.4%.

Eksport **tekstil, pakaian dan kasut** merosot dengan mendadak sebanyak 13% (Januari – Julai 2011: 16.9%), dengan semua item merekodkan penguncupan disebabkan oleh pesanan yang berkurangan dari pengimport utama terutamanya AS. Walau bagaimanapun, keupayaan pengilang tempatan membina dan membangunkan jenama mereka di rantau ini serta di pasaran Timur Tengah dijangka meningkatkan prestasi subsektor ini.

Eksport **kelengkapan pengangkutan** pula mencatat kemerosotan pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 0.03% (Januari – Julai 2011: -14.4%), disokong oleh eksport kenderaan jalan raya yang kembali pulih dengan ketara sebanyak 20.5% (Januari – Julai 2011: -10.2%). Prestasi kukuh bagi kenderaan jalan raya didorong oleh strategi pemasaran yang berkesan dan penebusan pasaran yang lebih tinggi dalam ekonomi serantau. Pelancaran model kereta yang menepati citarasa global, serta paras pendapatan yang semakin meningkat terutamanya di ekonomi serantau dijangka memacu pertumbuhan subsektor ini.

Eksport **jentera dan kelengkapan** mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 12.6% (Januari – Julai 2011: 5.8%) dipacu terutamanya oleh jentera dan kelengkapan perusahaan am yang meningkat 13.9% dan jentera khusus bagi perusahaan tertentu (20.2%), terutamanya bagi pengeluaran makanan (Januari – Julai 2011: 8.4%; 3.5%).

Eksport Komoditi Utama

Harga komoditi pertanian yang lebih rendah

Pendapatan eksport daripada **komoditi utama** menurun 1.2% kepada RM94.1 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012 (Januari – Julai 2011: 21.1%; RM95.2 bilion) berikutan pendapatan eksport yang lebih rendah bagi minyak sawit dan getah. Pendapatan eksport bagi komoditi pertanian menguncup 15.3% kepada RM41.3 bilion (Januari – Julai 2011: 37.5%; RM48.7 bilion) disebabkan oleh permintaan sederhana dan harga yang lebih lemah. Sementara itu, pendapatan eksport perlombongan meningkat 13.6% kepada RM52.8 bilion (Januari – Julai 2011: 7.6%; RM46.5 bilion) disumbang sebahagian besarnya oleh pendapatan eksport bagi LNG yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, berikutan kesan gabungan kelembapan ekonomi global dan harga yang semakin rendah, pendapatan eksport daripada keseluruhan komoditi utama dijangka merosot 4.4% kepada RM162.7 bilion pada tahun 2012 (2011: 25.9%; RM170.1 bilion).

Jumlah unit eksport bagi **minyak sawit** merosot 1.7% kepada 9.7 juta tan metrik (Januari – Julai 2011: -0.4%; 9.9 juta tan metrik) disebabkan oleh permintaan yang lebih rendah, terutamanya dari China. Namun demikian, pendapatan eksport susut 8.6% kepada RM31.5 bilion (Januari – Julai 2011: 35%; RM34.4 bilion) disebabkan oleh harga eksport yang lebih rendah dengan purata RM3,233 setan metrik (Januari – Julai 2011: RM3,475 setan metrik). Bagi keseluruhan tahun 2012, eksport minyak sawit dijangka merosot 9.7% kepada RM55.2 bilion (2011: 34.9%; RM61.1 bilion) berikutan prospek ekonomi global yang semakin lemah.

Berikutan permintaan yang lebih lemah dan harga yang lebih rendah, pendapatan eksport bagi **getah** menguncup dengan ketara sebanyak 40.5% kepada RM4.9 bilion (Januari – Julai 2011: 65.7%; RM8.2 bilion). Begitu juga bagi penghantaran



JADUAL 3.19

**Eksport Komoditi Utama
Januari – Julai**





			Perubahan (%)	
	2011	2012	2011	2012
Eksport komoditi (RM juta)	95,238	94,096	21.1	-1.2
Eksport pertanian (RM juta)	48,720	41,271	37.5	-15.3
Minyak sawit¹				
Kuantiti ('000 tan metrik)	9,900	9,730	-0.4	-1.7
Nilai seunit (RM/tan metrik)	3,475	3,233	35.5	-7.0
Nilai (RM juta)	34,406	31,458	35.0	-8.6
Minyak isirung kelapa sawit				
Kuantiti ('000 tan metrik)	542	511	-3.0	-5.7
Nilai seunit (RM/tan metrik)	5,955	4,290	76.4	-28.0
Nilai (RM juta)	3,226	2,192	71.2	-32.1
Kayu balak				
Kuantiti ('000 meter padu)	1,871	1,697	-29.6	-9.3
Nilai seunit (RM/meter padu)	607	555	25.6	-8.7
Nilai (RM juta)	1,136	941	-11.6	-17.2
Kayu gergaji				
Kuantiti ('000 meter padu)	1,209	1,197	-25.0	-1.0
Nilai seunit (RM/meter padu)	1,179	1,174	-41.3	-0.4
Nilai (RM juta)	1,425	1,405	-5.3	-1.4
Getah				
Kuantiti ('000 tan metrik)	565	442	11.7	-21.8
Nilai seunit (RM/kilogram)	14.55	11.08	48.4	-23.9
Nilai (RM juta)	8,224	4,896	65.7	-40.5
Lada				
Kuantiti ('000 tan metrik)	7	6	-0.3	-25.2
Nilai seunit (RM/tan metrik)	18,010	23,728	31.5	31.7
Nilai (RM juta)	133	131	31.2	-1.5
Koko				
Kuantiti ('000 tan metrik)	16	31	-6.1	93.2
Nilai seunit (RM/tan metrik)	10,733	8,128	-8.6	-24.3
Nilai (RM juta)	170	248	-14.2	46.3
Eksport perlombongan (RM juta)	46,518	52,825	7.6	13.6
Petroleum mentah				
Kuantiti ('000 tan metrik)	7,595	6,944	-26.0	-8.6
Nilai seunit (RM/tan metrik)	2,479	2,765	31.6	11.6
Nilai (RM juta)	18,825	19,203	-2.6	2.0
Gas asli cecair				
Kuantiti ('000 tan metrik)	14,625	13,107	10.4	-10.4
Nilai seunit (RM/tan metrik)	1,785	2,440	4.1	36.7
Nilai (RM juta)	26,109	31,985	14.9	22.5
Tin				
Kuantiti ('000 tan metrik)	19	25	-8.4	30.6
Nilai seunit (RM/tan metrik)	84,540	66,254	49.8	-21.6
Nilai (RM juta)	1,584	1,637	35.9	3.4

¹ Termasuk minyak sawit mentah, minyak sawit yang diproses dan stearin.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

CARTA 3.14

Eksport Komoditi Utama

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Lembaga Minyak Sawit Malaysia dan Lembaga Getah Malaysia.



getah yang merosot 21.8% kepada 0.4 juta tan metrik (Januari – Julai 2011: 11.7%; 0.6 juta tan metrik) mencerminkan permintaan global yang lebih rendah, terutamanya dari China, yang menyumbang 36% daripada eksport getah. Di samping itu, kejatuhan harga purata getah sebanyak 23.9% telah menjejaskan pendapatan eksport getah. Walau bagaimanapun, arah aliran penurunan harga getah yang mendadak dijangka berkurangan berikutan usaha International Tripartite Rubber Council untuk mengimbangi penawaran global getah asli.

Walaupun jumlah unit eksport lebih rendah (-8.6%), eksport **petroleum mentah** meningkat 2% kepada RM19.2 bilion (Januari – Julai 2011: -2.6%; RM18.3 bilion) hasil daripada peningkatan harga purata eksport sebanyak 11.6% kepada RM2,765 setan metrik (Januari – Julai 2011: 31.6%; RM2,479 setan metrik) dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012. Sungguhpun demikian, pendapatan eksport minyak mentah akan terjejas berikutan ketidakpastian ekonomi global dan ketegangan geopolitik yang memberi kesan negatif ke atas permintaan dan harga. Bagi keseluruhan tahun 2012, pendapatan eksport petroleum mentah dijangka merosot 3.3% kepada RM30.9 bilion (2011: 4%; RM32 bilion).

LNG yang menyumbang 7.8% kepada jumlah eksport, berkembang 22.5% kepada RM32 bilion (Januari – Julai 2011: 14.9%; RM26.1 bilion) disebabkan oleh harga yang lebih tinggi walaupun jumlah unit yang lebih rendah. Bagi tempoh tersebut, harga eksport purata adalah RM2,440 setan metrik (Januari – Jun 2011: RM1,785 setan metrik). Sementara itu, jumlah unit eksport merosot 10.4% kepada 13.1 juta tan metrik (Januari – Julai 2011: 10.4%; 14.6 juta tan metrik) disebabkan sebahagiannya oleh kekangan bekalan. Bagi keseluruhan tahun 2012, pendapatan eksport LNG dijangka berkembang 10.5% kepada RM55.2 bilion (2011: 29%; RM50 bilion) berikutan harga eksport yang terus mampan.

Prestasi Import

Import berkembang kukuh

Import kasar dijangka berkembang 6.5% kepada RM611.5 bilion pada tahun 2012 (2011: 8.6%; RM574.2 bilion) berikutan perbelanjaan penggunaan swasta yang kukuh dan pelaburan swasta yang semakin cergas. Import barangan modal dijangka meningkat 23.1% (2011: 9.7%) disebabkan peningkatan import peralatan pengangkutan dan jentera sejajar dengan pengembangan kapasiti, terutamanya dalam sektor O&G serta perkhidmatan pengangkutan. Dalam suasana aktiviti sektor pembuatan yang perlahan, pertumbuhan import barangan pengantara dijangka sederhana 1.6% (2011: 5.4%) berikutan langkah pengurangan pengeluaran oleh pengusaha sejajar dengan tempahan eksport yang lebih rendah. Selaras dengan perbelanjaan pengguna yang lebih tinggi, import barangan penggunaan dijangka meningkat 10.9% (2011: 19%).

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012, import kasar meningkat 8.2% kepada RM354.6 bilion (Januari – Julai 2011: 8.7%; RM327.7 bilion) didorong oleh import barangan modal dan penggunaan yang kukuh. Import **barangan modal** melonjak 25.7% (Januari – Julai 2011: 9.4%), terutamanya dalam sektor O&G, pembuatan dan perkhidmatan. Peningkatan penerokaan dan pembangunan medan minyak marginal dalam keadaan harga minyak mentah yang kukuh telah mendorong peningkatan import peralatan perlombongan dan jentera. Import barangan modal yang lebih tinggi dalam sektor perkhidmatan juga dipacu oleh pengembangan kapasiti industri pengangkutan dan telekomunikasi. Sejajar dengan perbelanjaan pengguna yang kukuh, import **barangan penggunaan** meningkat 15.2% (Januari – Julai 2011: 12.8%). Pertumbuhan import barangan penggunaan dicerminkan sebahagian besarnya oleh permintaan yang semakin meningkat bagi makanan yang diimport dan kelengkapan pengangkutan.



JADUAL 3.20

**Import Barangan mengikut Penggunaan Akhir
Januari – Julai**

	RM juta		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2011	2012	2011	2012	2011	2012
Barangan modal	43,539	54,734	9.4	25.7	13.3	15.4
Barangan modal (kecuali peralatan pengangkutan)	38,233	45,284	9.3	18.4	11.7	12.8
Kelengkapan pengangkutan (perusahaan)	5,306	9,451	10.3	78.1	1.6	2.7
Barangan pengantara	224,250	222,167	7.0	-0.9	68.4	62.6
Makanan dan minuman, utama dan diproses, khusus untuk industri	12,674	12,529	34.2	-1.2	3.9	3.5
Bahan api dan pelincir, utama dan diproses	30,048	33,081	40.4	10.1	9.2	9.3
Bekalan perindustrian, t.d.t.l. ¹ utama dan diproses	90,735	92,569	18.1	2.0	27.7	26.1
Alat ganti dan aksesori kelengkapan pengangkutan	7,369	9,376	-0.4	27.2	2.2	2.6
Alat ganti dan aksesori barangan modal (kecuali injap dan tiub termionik)	29,341	21,738	-16.4	-25.9	9.0	6.1
Injap dan tiub termionik	54,083	52,874	-8.9	-2.2	16.5	14.9
Barangan penggunaan	22,525	25,939	12.8	15.2	6.9	7.3
Makanan dan minuman, utama dan diproses, khusus untuk penggunaan isi rumah	9,810	10,968	13.0	11.8	3.0	3.1
Alat kelengkapan pengangkutan (bukan perusahaan)	417	570	23.1	36.7	0.1	0.2
Barangan pengguna lain	12,298	14,401	12.3	17.1	3.8	4.1
Barang tahan lama	2,735	3,318	11.9	21.3	0.8	0.9
Barang separa tahan lama	3,696	4,446	15.0	20.3	1.1	1.3
Barang tidak tahan lama	5,867	6,637	10.9	13.1	1.8	1.9
Lain-lain (termasuk barang dwiguna)	12,872	15,012	13.5	16.6	3.9	4.2
Import untuk eksport semula	24,561	36,774	17.6	49.7	7.5	10.4
Jumlah	327,747	354,626	8.7	8.2	100.0	100.0

¹ Tidak disenarai di tempat lain.Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Sementara itu, import barangan tahan lama meningkat sebanyak 21.3% dan begitu juga bagi separa tahan lama (20.3%) dan tidak tahan lama (13.1%). **Barangan pengantara** yang merupakan komponen terbesar dalam import menguncup 0.9% (Januari – Julai 2011: 7%) disebabkan sebahagiannya oleh aktiviti sektor pembuatan yang sederhana.

Haluan Perdagangan

Hubungan perdagangan serantau yang lebih kukuh

Jumlah perdagangan Malaysia berkembang 5.5% kepada RM764 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012 disebabkan oleh



pempelbagaan pasaran yang lebih luas (Januari – Julai 2011: 7.7%; RM724.1 bilion). Dengan pertumbuhan import mengatasi eksport, jumlah lebih perdagangan mengecil kepada RM54.7 bilion (Januari – Julai 2011: RM68.6 bilion). Berikutan pertumbuhan yang perlahan dalam ekonomi maju dan krisis di kawasan euro yang semakin meruncing, peratusan sumbangan rakan dagangan utama Malaysia seperti Jepun, EU dan AS secara keseluruhannya telah berkurangan kepada 29.4% (Januari – Julai 2011: 30.7%). Peratusan sumbangan perdagangan dengan negara membangun yang berkembang pesat, terutamanya di Timur Laut Asia (tidak termasuk Jepun), India dan Asia Tenggara kekal tinggi kepada 54.6% (Januari – Julai 2011: 53.8%). China terus menjadi rakan dagangan terbesar Malaysia dengan menyumbang 13.6% kepada jumlah perdagangan, diikuti Singapura (13.4%), Jepun (11.3%) dan AS (8.4%).

Walaupun pertumbuhan ekonomi di **China** semakin perlahan, ia kekal sebagai rakan dagangan terbesar Malaysia dengan jumlah perdagangan meningkat 12.5% kepada RM103.9 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012 (Januari – Julai 2011: 8.2%; RM92.3 bilion). Eksport berkembang 0.9% hasil daripada peningkatan pendapatan kimia dan produk kimia, produk sebatian getah dan produk E&E, terutamanya litar bersepadu hibrid dan unit penstoran data (Januari – Julai 2011: 8.8%). Sementara itu, import meningkat dengan ketara sebanyak 26.7% disumbang oleh produk E&E, alat ganti dan aksesori untuk mesin, mesin pemproses data serta alat terima siaran televisyen (Januari – Julai 2011: 7.4%). Oleh itu, imbalan perdagangan dengan China mencatat defisit sebanyak RM1.3 bilion (Januari – Julai 2011: RM9.3 bilion).

Perdagangan dengan **Singapura** berkembang 10% kepada RM102.6 bilion (Januari – Julai 2011: 12%; RM93.2 bilion) dan mencatat lebih sebanyak RM7.8 bilion (Januari – Julai 2011: RM7.7 bilion). Eksport meningkat 9.4% hasil daripada penghantaran yang lebih tinggi bagi keluaran petroleum ditapis berikutan permintaan dan penggunaan yang semakin meningkat dalam industri O&G

di Singapura, manakala import berkembang 10.7% (Januari – Julai 2011: 3.7%; 23.7%).

Perdagangan Malaysia dengan **Jepun** juga meningkat 6% kepada RM86.4 bilion (Januari – Julai 2011: 8.4%; RM81.6 bilion) dengan eksport berkembang 11.9% manakala import berkurangan 1% (Januari – Julai 2011: 18%; -1.2%). Prestasi eksport ke Jepun disokong oleh pertumbuhan kukuh dalam produk LNG dan petroleum bertapis sejajar dengan permintaan yang lebih tinggi dalam sektor tenaga dan industri petrokimia, terutamanya selepas penutupan beberapa loji nuklear.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012, eksport ke **AS** berkembang 6.3% manakala import menyusut 11.9% (Januari – Julai 2011: -8.7%; 0.9%) dengan jumlah perdagangan menurun 2.7% kepada RM63.9 bilion (Januari – Julai 2011: -4.2%; RM65.7 bilion). Peningkatan dalam eksport disumbang oleh penghantaran yang lebih tinggi bagi produk E&E, terutamanya peranti semikonduktor fotosensitif dan panel kawalan elektrik, serta peralatan pengangkutan, terutamanya alat ganti pesawat. Walau bagaimanapun, import dari AS merosot disebabkan oleh permintaan yang lebih rendah bagi input perantaraan berkaitan produk E&E, mencerminkan jangkaan aktiviti sektor pembuatan yang lebih perlahan.

Perdagangan Malaysia dengan **ASEAN (tidak termasuk Singapura)** kekal kukuh pada RM106.8 bilion, meningkat 8.6% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012 (Januari – Julai 2011: RM98.4 bilion; 5.9%). Imbalan perdagangan kembali pulih dengan mencatat lebih sebanyak RM2.3 bilion (Januari – Julai 2011: -RM1.6 bilion) didorong oleh peningkatan eksport sebanyak 12.8%, mengatasi import pada kadar 4.6% (Januari – Julai 2011: 5%, 6.8%). Dalam kalangan rakan dagangan, Vietnam mencatat pertumbuhan perdagangan yang lebih tinggi sebanyak 27.8%, dengan eksport meningkat 5.3% dan import sebanyak 54.7%. Import yang ketara disumbang oleh peralatan dan kelengkapan telekomunikasi serta getah mentah yang lebih tinggi. Perdagangan dengan Thailand meningkat 6% dengan eksport berkembang 5.8% dan import sebanyak 6.2%,

JADUAL 3.21

Haluan Perdagangan Luar Negeri Januari – Julai


	RM juta				Imbangan perdagangan				Perubahan (%)				Bahagian (%)			
	Eksport		Import		2011		2012		Eksport		Import		Eksport		Import	
	2011	2012	2011	2012	2011	2012	2011	2012	2011	2012	2011	2012	2011	2012	2011	2012
China	50,838	51,272	41,508	52,590	9,330	-1,317	8.8	0.9	8.8	0.9	7.4	26.7	12.8	12.5	12.7	14.8
Singapura	50,453	55,191	42,769	47,363	7,684	7,828	3.7	9.4	3.7	9.4	23.7	10.7	12.7	13.5	13.0	13.4
Jepun	44,141	49,405	37,422	37,036	6,719	12,369	18.0	11.9	18.0	11.9	-1.2	-1.0	11.1	12.1	11.4	10.4
Amerika Syarikat	33,075	35,166	32,619	28,742	456	6,424	-8.7	6.3	-8.7	6.3	0.9	-11.9	8.3	8.6	10.0	8.1
Timur Laut Asia (tidak termasuk China & Jepun)	46,552	44,127	36,716	36,786	9,835	7,340	2.8	-5.2	2.8	-5.2	-2.1	-108.1	11.7	10.8	11.2	10.4
Hong Kong SAR	18,273	17,389	7,399	8,421	10,874	8,968	-3.3	-4.8	-3.3	-4.8	-0.9	13.8	4.6	4.2	2.3	2.4
Republik Korea	15,411	14,500	13,679	14,141	1,732	359	4.8	-5.9	4.8	-5.9	-16.5	3.4	3.9	3.5	4.2	4.0
Taiwan	12,761	12,141	15,611	14,209	-2,850	-2,068	10.1	-4.9	10.1	-4.9	14.4	-9.0	3.2	3.0	4.8	4.0
ASEAN (tidak termasuk Singapura)	48,375	54,561	49,990	52,273	-1,614	2,288	5.0	12.8	5.0	12.8	6.8	4.6	12.2	13.3	15.3	14.7
Thailand	21,201	22,427	19,884	21,125	1,317	1,303	0.9	5.8	0.9	5.8	4.1	6.2	5.3	5.5	6.1	6.0
Indonesia	11,930	16,116	21,175	19,251	-9,245	-3,135	8.7	35.1	8.7	35.1	25.5	-9.1	3.0	3.9	6.5	5.4
Filipina	6,466	6,222	2,840	2,831	3,627	3,391	14.6	-3.8	14.6	-3.8	-51.9	-0.3	1.6	1.5	0.9	0.8
Kesatuan Eropah	41,338	36,717	33,136	37,236	8,202	-519	3.8	-11.2	3.8	-11.2	7.6	12.4	10.4	9.0	10.1	10.5
Jerman	11,139	9,647	12,472	14,132	-1,333	-4,485	16.9	-13.4	16.9	-13.4	4.3	13.3	2.8	2.4	3.8	4.0
Belanda	10,871	10,398	2,026	2,752	8,845	7,646	-12.8	-4.3	-12.8	-4.3	7.9	35.9	2.7	2.5	0.6	0.8
United Kingdom	4,140	4,067	3,391	3,856	750	211	-3.1	-1.8	-3.1	-1.8	-4.7	13.7	1.0	1.0	1.0	1.1
Asia Selatan	25,250	24,084	6,743	7,886	18,507	16,198	32.0	-4.6	32.0	-4.6	34.4	16.9	6.4	5.9	2.1	2.2
India	16,165	15,968	5,845	7,102	10,321	8,866	37.8	-1.2	37.8	-1.2	31.2	21.5	4.1	3.9	1.8	2.0
Pakistan	4,347	3,700	454	492	3,893	3,207	11.0	-14.9	11.0	-14.9	21.5	8.5	1.1	0.9	0.1	0.1
Asia Barat	14,771	14,314	15,523	18,855	-752	-4,541	13.9	-3.1	13.9	-3.1	63.7	21.5	3.7	3.5	4.7	5.3
Emiriyah Arab Bersatu	7,501	7,596	4,770	7,364	2,732	232	5.6	1.3	5.6	1.3	16.7	54.4	1.9	1.9	1.5	2.1
Arab Saudi	2,441	2,357	5,445	4,555	-3,004	-2,198	41.9	-3.4	41.9	-3.4	95.0	-16.4	0.6	0.6	1.7	1.3
Iran	1,868	1,679	868	1,027	1,000	653	29.6	-10.1	29.6	-10.1	41.4	18.2	0.5	0.4	0.3	0.3
Australia	14,281	17,156	7,057	8,319	7,224	8,836	-1.6	20.1	-1.6	20.1	31.0	17.9	3.6	4.2	2.2	2.3
New Zealand	1,661	1,975	1,529	1,533	131	443	-6.6	19.0	-6.6	19.0	23.8	0.2	0.4	0.5	0.5	0.4
Afrika	10,387	9,884	6,142	7,326	4,245	2,559	16.4	-4.8	16.4	-4.8	5.6	19.3	2.6	2.4	1.9	2.1
Negara-negara lain	15,225	15,477	16,592	18,682	-1,366	-3,205	12.9	1.7	12.9	1.7	3.5	12.6	3.8	3.8	5.1	5.3
Jumlah	396,348	409,329	327,747	354,626	68,600	54,703	6.9	3.3	6.9	3.3	8.7	8.2	100.0	100.0	100.0	100.0

Nota: Angka tidak semestinya berjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.



CARTA 3.15

Haluan Perdagangan Luar Negeri
Januari — Julai 2012
(% bahagian)¹ Tidak termasuk Singapura.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

dicerminikan sebahagian besarnya oleh permintaan yang lebih tinggi bagi aksesori untuk mesin dan mesin pemproses data. Eksport ke Indonesia meningkat dengan ketara sebanyak 35.1%, berikutan terutamanya oleh penghantaran yang lebih tinggi bagi keluaran petroleum ditapis serta kimia dan produk kimia. Walau bagaimanapun, import dari Indonesia merosot 9.1% disebabkan oleh import minyak sawit yang lebih rendah. Secara keseluruhannya, perdagangan dengan Indonesia meningkat 6.8% kepada RM35.4 bilion dalam tempoh tersebut.

Berikutan krisis kawasan euro yang semakin meruncing, jumlah perdagangan dengan **EU** menguncup 0.7% kepada RM74 bilion (Januari – Julai 2011: 5.5%; RM74.5 bilion). Eksport ke EU yang merangkumi 9% daripada jumlah eksport Malaysia merosot 11.2%, mencerminkan permintaan yang rendah bagi produk E&E terutamanya semikonduktor fotosensitif dan litar

bersepadu elektronik (Januari – Julai 2011: 3.8%). Walau bagaimanapun, import daripada EU meningkat 12.4% dalam tempoh yang sama didorong oleh peningkatan import kelengkapan pengangkutan, jentera, peralatan dan alat ganti, serta kimia dan produk kimia (Januari – Julai 2011: 7.6%). Sementara itu, eksport ke Portugal, Itali, Ireland, Greece dan Sepanyol (PIIGS) yang secara keseluruhannya hanya menyumbang 0.9% kepada jumlah eksport Malaysia merosot 16.1% (Januari – Julai 2011: 1.1%; 8.9%).

Imbangan Pembayaran

Akaun semasa kekal menggalakkan

Kedudukan **BOP** Malaysia secara keseluruhannya terus mencatat lebihan yang rendah RM5.5 bilion dalam tempoh separuh pertama 2012 (Januari – Jun 2011: +RM77.6 bilion) dengan lebihan



akaun semasa mengatasi aliran keluar bersih dalam akaun kewangan. Lebihan akaun semasa mengecil kepada RM27.7 bilion atau 6.3% daripada PNK (Januari – Jun 2011: RM47.3 bilion; 11.4%) dengan lebihan akaun barangan lebih daripada mencukupi untuk mengatasi defisit dalam akaun perkhidmatan, pendapatan dan pindahan semasa. Dalam tempoh yang sama, akaun kewangan merekodkan aliran keluar bersih yang lebih rendah, iaitu RM4.8 bilion sejajar dengan aliran masuk FDI dan pelaburan portfolio yang sederhana. Berdasarkan pertumbuhan import yang lebih tinggi berbanding eksport yang sederhana, lebihan akaun semasa dijangka berkurangan namun kekal pada paras yang signifikan, iaitu RM68.5 bilion atau 7.5% daripada PNK pada tahun 2012 (2011: RM97.1 bilion; 11.3%). Lebihan akaun barangan dijangka kekal tinggi, manakala akaun perkhidmatan, pendapatan dan pindahan semasa akan terus berada pada kedudukan defisit. Malaysia dijangka terus menarik aliran masuk FDI pada tahun 2012, mencerminkan keyakinan pelabur terhadap asas ekonomi domestik yang kukuh dan inisiatif transformasi ekonomi yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Sementara itu, dalam ketidaktentuan persekitaran luar, syarikat Malaysia akan terus melabur di luar negeri tetapi pada kadar yang lebih perlahan.

Lebihan **akaun barangan** meningkat pada kadar yang lebih perlahan kepada RM65.3 bilion dalam tempoh separuh pertama 2012 (Januari – Jun 2011: RM73.5 bilion) sejajar dengan aktiviti perdagangan yang sederhana. Selaras dengan peningkatan permintaan domestik bagi import barangan modal dan penggunaan, import meningkat lebih pesat daripada eksport. Import meningkat 8% kepada RM286.4 bilion (Januari – Jun 2011: 9.7%; RM265.2 bilion) manakala eksport berkembang 3.8% kepada RM351.6 bilion (Januari – Jun 2011: 7.2%; RM338.8 bilion). Walaupun jangkaan harga komoditi yang lebih rendah dan eksport pembuatan yang kekal perlahan dalam tempoh separuh kedua 2012, lebihan akaun barangan dijangka kekal tinggi, iaitu RM128.8 bilion

pada tahun 2012 (2011: RM148.1 bilion). Oleh itu, eksport barangan dijangka mencatat pertumbuhan yang sederhana sebanyak 2.4% manakala import barangan diunjur berkembang pada kadar yang lebih tinggi sebanyak 6.5% (2011: 8.8%; 8.6%) mencerminkan aktiviti ekonomi dalam negeri yang kukuh.

Dalam tempoh enam bulan pertama 2012, defisit **akaun perkhidmatan** meningkat kepada RM7.4 bilion (Januari – Jun 2011: -RM3.2 bilion) disebabkan oleh peningkatan dalam pembayaran bersih bagi pengangkutan dan perkhidmatan lain. Aliran keluar kasar dalam akaun pengangkutan meningkat pada kadar yang lebih perlahan kepada RM20.7 bilion (Januari – Jun 2011: RM19.8 bilion) berikutan pertumbuhan yang sederhana dalam aktiviti perdagangan. Begitu juga dengan terimaan akaun pengangkutan merosot kepada RM6.6 bilion (Januari – Jun 2011: RM7.6 bilion) disebabkan pendapatan yang lebih rendah dalam perkhidmatan penumpang, kargo dan sewaan oleh syarikat perkapalan dan penerbangan domestik. Oleh itu, akaun pengangkutan mengalami defisit, iaitu RM14.1 bilion (Januari – Jun 2011: -RM12.2 bilion). Akaun perkhidmatan lain mencatat defisit yang lebih besar, iaitu RM4.3 bilion (Januari – Jun 2011: -RM3.1 bilion) berikutan pembayaran bersih yang lebih tinggi bagi royalti dan fi lesen, insurans dan perkhidmatan pembinaan. Pembayaran kasar yang lebih tinggi bagi perkhidmatan pembinaan adalah sejajar dengan pengembangan aktiviti pembinaan dan penerokaan dalam O&G.

Aliran masuk bersih dalam akaun perjalanan berkembang pada kadar yang sederhana kepada RM11.2 bilion disebabkan oleh aliran keluar kasar yang lebih tinggi, iaitu RM17.9 bilion (Januari – Jun 2011: RM12.4 bilion; RM15.2 bilion). Aliran keluar perjalanan yang lebih besar disumbang oleh peningkatan perbelanjaan perniagaan, pelancongan dan pendidikan. Meskipun persekitaran ekonomi global yang tidak menentu, pendapatan pelancongan kekal sebagai penyumbang utama kepada jumlah terimaan



dalam akaun perkhidmatan dan berkembang kepada RM29.1 bilion (Januari – Jun 2011: RM27.6 bilion) sejajar dengan peningkatan jumlah ketibaan pelancong iaitu 2.4% (Januari – Jun 2011: -4.3%).

Pada tahun 2012, defisit akaun perkhidmatan dijangka meningkat kepada RM9.9 bilion (2011: -RM8 bilion) didorong oleh pembayaran bersih yang lebih besar bagi pengangkutan dan perkhidmatan lain. Pembayaran bersih bagi pengangkutan dijangka berkembang kepada RM27.7 bilion (2011: -RM25.8 bilion) berikutan kebergantungan berterusan kepada perkhidmatan fret asing bagi pengangkutan barangan. Tambahan pula, defisit akaun perkhidmatan lain dijangka lebih tinggi, iaitu RM9 bilion (2011: -RM8.7 bilion) memandangkan syarikat domestik terus bergantung pada perkhidmatan kepakaran teknikal, perniagaan dan profesional asing. Walau bagaimanapun, aliran masuk bersih akaun perjalanan dijangka meningkat kepada RM27.3 bilion (2011: RM27 bilion)

sejajar dengan langkah Kerajaan untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pilihan pelancong.

Dalam tempoh separuh pertama 2012, **akaun pendapatan** mencatat aliran keluar bersih yang lebih besar, iaitu RM20.3 bilion (Januari – Jun 2011: -RM12.7 bilion) mencerminkan defisit yang lebih tinggi bagi pendapatan pelaburan dan pampasan pekerja. Aliran keluar kasar dalam pendapatan pelaburan meningkat kepada RM35.5 bilion (Januari – Jun 2011: RM33.2 bilion) disebabkan oleh penghantaran keuntungan dan dividen yang lebih tinggi oleh MNC asing yang beroperasi di Malaysia, terutamanya dalam sektor pembuatan, perkhidmatan serta O&G. Pendapatan pelaburan daripada syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri merosot kepada RM16.6 bilion (Januari – Jun 2011: RM21.6 bilion) disebabkan oleh keuntungan dan dividen yang lebih rendah daripada sektor perlombongan dan perkhidmatan, terutamanya subsektor kewangan

JADUAL 3.22

Akaun Semasa
Januari – Jun
(RM juta)

	2011			2012		
	Penerimaan	Pembayaran	Bersih	Penerimaan	Pembayaran	Bersih
Imbangan barangan dan perkhidmatan	391,003	320,635	70,367	408,446	350,543	57,903
Barangan	338,753	265,229	73,524	351,643	286,388	65,256
Perkhidmatan	52,250	55,406	-3,157	56,803	64,155	-7,353
Pengangkutan	7,639	19,812	-12,174	6,618	20,673	-14,055
Perjalanan	27,649	15,229	12,420	29,143	17,943	11,201
Perkhidmatan lain	16,822	19,965	-3,143	20,936	25,233	-4,297
Urus niaga Kerajaan t.d.t.l. ¹	140	400	-260	105	307	-202
Pendapatan	23,392	36,087	-12,695	18,613	38,909	-20,296
Pampasan pekerja	1,806	2,851	-1,045	1,997	3,401	-1,404
Pendapatan pelaburan	21,586	33,236	-11,650	16,616	35,507	-18,892
Pindahan semasa	2,001	12,372	-10,372	3,820	13,758	-9,937
Imbangan akaun semasa	416,396	369,094	47,301	430,879	403,210	27,671
% daripada PNK			11.4			6.3

¹ Tidak dicatat di tempat lain.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.



dan insurans. Bagi keseluruhan tahun 2012, akaun pendapatan dijangka mencatat defisit yang lebih tinggi, iaitu RM28.1 bilion (2011: -RM22 bilion) disebabkan oleh penghantaran keuntungan dan dividen yang lebih tinggi oleh syarikat asing yang beroperasi di Malaysia. Sungguhpun demikian, sebahagian besar daripada pendapatan pelaburan tersebut dijangka dikekalkan di Malaysia untuk pelaburan semula.


Dalam tempoh enam bulan pertama 2012, **akaun pindahan semasa** merekod aliran keluar bersih yang lebih rendah, iaitu RM9.9 bilion (Januari – Jun 2011: -RM10.4 bilion). Aliran keluar kasar meningkat kepada RM13.8 bilion disebabkan sebahagian besarnya oleh peningkatan kiriman wang oleh pekerja asing dalam pelbagai sektor, manakala terimaan kasar meningkat kepada RM3.8 bilion (Januari – Jun 2011: RM12.4 bilion; RM2 bilion). Setelah mengambil kira keperluan pekerja asing yang lebih tinggi serta menyokong kerancakkan sektor pembinaan dan aktiviti

pelaburan, akaun pindahan semasa dijangka mencatat aliran keluar bersih yang lebih besar, iaitu RM22.3 bilion pada tahun 2012 (2011: -RM21 bilion).

Sementara itu, **akaun kewangan** beralih arah dengan mencatat aliran keluar bersih, iaitu RM4.8 bilion (Januari – Jun 2011: +RM45 bilion) disebabkan sebahagian besarnya oleh aliran masuk FDI dan pelaburan portfolio yang lebih rendah. Dalam tempoh separuh pertama 2012, aliran masuk bersih FDI berjumlah RM13.6 bilion (Januari – Jun 2011: RM21 bilion) disokong oleh aliran masuk modal ekuiti dan pendapatan yang dikekalkan untuk aktiviti pelaburan semula oleh MNC asing yang beroperasi di Malaysia. Sektor O&G merupakan penyumbang utama aliran masuk bersih FDI sebanyak 37.2%, diikuti oleh sektor perkhidmatan (36.8%) dan pembuatan (23.7%). FDI dalam sektor O&G meningkat sebanyak 30.8%, terutamanya dalam aktiviti penerokaan dan pengeluaran, manakala pelaburan dalam sektor perkhidmatan pula

CARTA 3.16

FDI dan DIA mengikut Sektor (bersih)
Januari – Jun 2012
(% bahagian)



¹ Merujuk kepada sektor pertanian dan pembinaan.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.



JADUAL 3.23

Akaun Kewangan (bersih)
Januari – Jun
 (RM juta)

	2011	2012
Akaun kewangan	44,964	-4,836
Pelaburan langsung	2,045	-5,904
Di Luar Negeri (DIA)	-18,963	-19,453
Di Malaysia (FDI)	21,008	13,550
Pelaburan portfolio	56,465	20,341
Derivatif kewangan	560	953
Pelaburan lain	-14,106	-20,227
Sektor awam	-735	-739
Sektor swasta	-13,371	-19,489

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

tertumpu kepada subsektor kewangan dan insurans. Dalam sektor pembuatan, sebahagian besar daripada aliran masuk disalurkan kepada industri E&E dan petrokimia. Penyumbang utama aliran masuk bersih FDI adalah Singapura, Jepun, dan Hong Kong. Aliran keluar bersih pelaburan langsung di luar negeri (DIA) oleh syarikat Malaysia kekal, iaitu RM19.5 bilion (Januari – Jun 2011: -RM19 bilion) disebabkan oleh aliran keluar bersih modal ekuiti yang lebih tinggi dan peningkatan dalam pemberian pinjaman kepada syarikat subsidiari di luar negeri terutamanya pada suku pertama 2012. Pelaburan di luar negeri lebih tertumpu kepada sektor perkhidmatan yang menyumbang 71.8%, terutamanya dalam subsektor kewangan dan insurans serta perdagangan borong dan runcit.

Pelaburan portfolio terus mencatat aliran masuk bersih, iaitu RM20.3 bilion dalam tempoh enam bulan pertama 2012 (Januari – Jun 2011: +RM56.5 bilion), berikutan peningkatan aliran masuk modal dalam sekuriti ekuiti dan hutang terutamanya pada suku pertama 2012. Walau bagaimanapun, penghindaran risiko


oleh pelabur dalam keadaan aktiviti ekonomi global yang sederhana berikutan krisis hutang di kawasan euro yang berlarutan. Oleh itu, pelaburan portfolio mencatat aliran keluar bersih, iaitu RM5 bilion pada suku kedua (S1 2012: +RM25.3 bilion) berikutan penjualan sekuriti hutang oleh pelabur asing. Manakala, pelaburan lain mencatat aliran keluar bersih yang lebih tinggi, iaitu RM20.2 bilion berikutan aliran keluar bersih sektor swasta yang meningkat kepada RM19.5 bilion (Januari – Jun 2011: -RM14.1 bilion; -RM13.4 bilion). Keadaan ini disebabkan oleh pemberian kredit perdagangan yang lebih tinggi oleh pengeksport Malaysia dan penempatan aset di luar negeri oleh sektor perbankan. Selepas mengambil kira pelarasan ke atas kategori kesilapan dan ketinggalan, rizab antarabangsa bersih meningkat sebanyak RM5.5 bilion kepada RM428.8 bilion (USD134.2 bilion) pada 29 Jun 2012.

Bagi keseluruhan tahun 2012, aliran masuk kasar FDI dijangka sederhana, mencerminkan ketidaktentuan persekitaran global yang semakin meruncing. Sektor pembuatan dijangka terus menjadi tumpuan pelabur asing didorong oleh projek di bawah ETP dan keyakinan terhadap potensi pertumbuhan ekonomi negara. Langkah liberalisasi tambahan 17 subsektor perkhidmatan oleh Kerajaan juga dijangka menarik aliran masuk FDI dalam sektor perkhidmatan. Begitu juga, FDI dalam industri berasaskan sumber dijangka meningkat, terutamanya industri O&G, industri bernilai tambah tinggi serta bidang pertumbuhan baharu seperti industri solar dan diod pemancar cahaya (LED). Sementara itu, DIA diunjur mencatat aliran keluar bersih pada kadar yang sederhana dengan aktiviti pelaburan di luar negeri dijangka terjejas disebabkan kelembapan dan ketidaktentuan persekitaran global.

Pada 30 Ogos 2012, **rizab antarabangsa** Malaysia kekal kukuh pada RM431.1 bilion atau USD134.9 bilion (2011: RM423.3 bilion; USD133.6 bilion). Paras ini mencukupi bagi membiayai 9.5 bulan import tertangguh dan 3.9 kali hutang luar jangka pendek. Kedudukan rizab yang kukuh akan meningkatkan lagi daya tahan negara dalam menghadapi tekanan pembiayaan luar.




CARTA 3.17

Rizab Antarabangsa

alkohol meningkat 3% (Januari – Julai 2011: 4.6%). Peningkatan ini disebabkan oleh kenaikan harga yang lebih perlahan dalam kebanyakan subkumpulan serta penurunan harga sayur-sayuran sebanyak 3.3% dan daging sebanyak 0.9%. Sebaliknya, subkumpulan ikan dan makanan laut mencatat peningkatan yang lebih tinggi sebanyak 7.8% kesan daripada bekalan yang terhad berikutan keadaan cuaca yang tidak menentu. Walau bagaimanapun, tekanan harga ke atas beberapa barangan makanan keperluan pengguna dapat dibendung melalui penguatkuasaan kawalan harga pada

CARTA 3.18

IHP di Malaysia
(% perubahan tahunan)

Harga

Tekanan inflasi semakin reda

Kadar inflasi keseluruhan yang diukur oleh peratus perubahan tahunan **Indeks Harga Pengguna (IHP)** mencatat pertumbuhan sederhana sebanyak 1.9% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012 (Januari – Julai 2011: 3.1%). Peningkatan ini disebabkan sebahagian besarnya oleh harga yang lebih sederhana dalam kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol; perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain; pelbagai barangan dan perkhidmatan; dan pengangkutan. Keempat-empat kumpulan ini secara keseluruhannya menyumbang 1.6 mata peratusan kepada pertumbuhan IHP.

Dalam tempoh yang dilaporkan, harga bagi kumpulan makanan dan minuman bukan



musim perayaan serta peningkatan bekalan melalui program ladang kontrak. Di samping itu, kenaikan harga keseluruhan bagi kategori makanan di rumah juga lebih sederhana, iaitu 2.5% (Januari – Julai 2011: 4.9%).

Sementara itu, harga bagi kumpulan perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain, iaitu komponen kedua terbesar dalam bakul IHP meningkat 1.7% (Januari – Julai 2011: 1.6%). Peningkatan ini didorong oleh harga yang lebih tinggi dalam bayaran perkhidmatan lain yang berkaitan dengan rumah kediaman (3.6%), bayaran perkhidmatan untuk penyelenggaraan dan pembaikan rumah kediaman (3.4%) serta

bahan-bahan untuk penyelenggaraan dan pembaikan rumah kediaman (2.4%). Walau bagaimanapun, harga bagi kumpulan pelbagai barangan dan perkhidmatan mencatat peningkatan yang lebih tinggi sebanyak 2.6% (Januari – Julai 2011: 1.8%). Penyumbang utama kepada kenaikan harga ini adalah daripada subkumpulan barang kemas, cincin dan batu berharga (14.3%) yang meningkat seiring dengan harga emas yang lebih tinggi.

Kadar inflasi yang lebih rendah dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012 turut disumbang oleh harga bagi kumpulan pengangkutan yang meningkat sedikit, iaitu 0.9% (Januari – Julai 2011: 5%).

JADUAL 3.24

Indeks Harga Pengguna (IHP)
Januari – Julai
(2010 = 100)¹

		Perubahan (%) 2011	Sumbangan kepada pertumbuhan IHP (%) 2011	Perubahan (%) 2012	Sumbangan kepada pertumbuhan IHP (%) 2012
	Wajaran				
Makanan dan minuman bukan alkohol	30.3	4.6	44.8	3.0	50.5
Minuman alkohol dan tembakau	2.2	6.3	4.4	0.0	0.1
Pakaian dan kasut	3.4	-0.4	-0.5	-0.4	-0.7
Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain	22.6	1.6	12.5	1.7	19.4
Hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah	4.1	1.5	1.9	2.1	4.4
Kesihatan	1.3	2.5	1.1	2.2	1.4
Pengangkutan	14.9	5.0	24.1	0.9	6.3
Komunikasi	5.7	-0.1	-0.3	-0.7	-1.9
Perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan	4.6	1.1	1.6	2.0	4.6
Pendidikan	1.4	2.1	1.0	2.6	2.0
Restoran dan hotel	3.2	5.6	5.9	3.4	5.9
Pelbagai barangan dan perkhidmatan	6.3	1.8	3.5	2.6	8.0
Jumlah	100.0	3.1	100.0	1.9	100.0

¹ Berkuat kuasa Januari 2011, tahun asas bagi IHP telah disemak semula dari tahun 2005 ke tahun 2010.


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.



CARTA 3.19

Trend IHP dan IHPR

(% perubahan tahunan)



Peningkatan ini disumbang terutamanya oleh harga yang lebih tinggi dalam subkumpulan alat ganti dan aksesori untuk pengangkutan persendirian (4.3%) serta pembaikan dan penyelenggaraan untuk pengangkutan persendirian (2.9%). Sebaliknya, harga bagi kumpulan pakaian dan kasut terus merosot 0.4% dan komunikasi sebanyak 0.7% (Januari – Julai 2011: -0.4%; -0.1%), disebabkan persaingan yang sengit.

Dari segi kumpulan pendapatan, IHP bagi kumpulan isi rumah berpendapatan kurang daripada RM3,000, kurang daripada RM1,500 dan kurang daripada RM1,000 mencatat kadar peningkatan yang sama, iaitu 1.9% (Januari – Julai 2011: 3.3%; 3.4%; 3.4%). Penyumbang utama kepada IHP ini adalah kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol, memandangkan sebahagian besar daripada pendapatan kumpulan ini dibelanjakan untuk makanan. Walau bagaimanapun, kadar IHP yang lebih rendah ini disebabkan sebahagiannya oleh langkah yang diambil Kerajaan untuk

mengurangkan beban kos sara hidup tinggi yang dihadapi oleh kumpulan pendapatan ini. Antara langkah tersebut ialah penubuhan cawangan KR1M dan KIR1M serta MR1M yang membekalkan barangan keperluan pengguna serta makanan pada harga yang berpatutan. IHP bagi kawasan bandar juga bertambah baik dengan peningkatan yang lebih rendah sebanyak 1.9% dan luar bandar sebanyak 1.8% (Januari – Julai 2011: 3.1%; 3.1%).

Pada bulan Ogos 2012, IHP meningkat pada kadar 1.4% tahun-ke-tahun sama seperti bulan Julai 2012. Berbanding bulan sebelumnya, inflasi meningkat sedikit, iaitu 0.2% (Julai 2012: 0%). Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga bagi kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol serta perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain. Walau bagaimanapun, inflasi bagi tempoh Januari hingga Ogos 2012 menjadi lebih sederhana kepada 1.8% (Januari – Ogos 2011: 3.1%).



JADUAL 3.25

Indeks Harga Pengeluar (IHPR)
Januari – Julai
 (2005 = 100)¹

		Perubahan (%)	Sumbangan kepada pertumbuhan IHPR (%)	Perubahan (%)	Sumbangan kepada pertumbuhan IHPR (%)
	Wajaran	2011	2011	2012	2012
Ekonomi domestik	100.0	9.1	100.0	1.9	100.0
Makanan	5.4	8.0	5.2	1.4	4.5
Minuman dan tembakau	0.9	2.6	0.2	1.2	0.5
Bahan-bahan mentah tidak boleh dimakan	5.4	32.0	24.5	-5.8	-26.1
Bahan api galian, pelincir, dll.	17.4	17.7	37.7	13.1	144.8
Minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran	4.2	37.6	22.2	-10.1	-36.2
Bahan kimia	7.0	9.0	6.5	0.1	0.3
Barang-barang keluaran kilang	10.9	3.9	4.5	-0.7	-3.6
Jentera dan kelengkapan pengangkutan	42.9	-0.7	-2.8	0.7	12.5
Pelbagai barang keluaran kilang	5.4	2.1	1.1	1.1	2.7
Pelbagai urus niaga dan barangan	0.5	2.2	0.1	4.2	1.0
Pengeluaran tempatan	66.4	12.1	91.7	2.3	84.8
Import	33.6	2.4	8.3	1.0	15.2

¹ Berkuat kuasa Januari 2010, tahun asas bagi IHPR telah disemak semula dari tahun 2000 ke tahun 2005.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Indeks Harga Pengeluar (IHPR), iaitu pengukur bagi perubahan harga komoditi yang dikenakan oleh pengeluar dalam negeri dan harga yang dibayar oleh pengimport meningkat pada kadar yang lebih perlahan dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012. IHPR meningkat 1.9% berbanding 9.1% dalam tempoh yang sama tahun 2011. Peningkatan yang lebih perlahan ini disebabkan oleh kenaikan harga yang lebih rendah dalam komponen pengeluaran tempatan dan import. Penyumbang utama kepada peningkatan keseluruhan IHPR adalah kumpulan bahan api galian, pelincir dan lain-lain yang meningkat 13.1%.

IHPR bagi pengeluaran tempatan yang mewakili 66.4% dalam agregat wajaran IHPR meningkat sederhana sebanyak 2.3% (Januari – Julai 2011: 12.1%). Kenaikan ini disumbang terutamanya

oleh peningkatan harga sebanyak 14.2% bagi kumpulan bahan api galian, pelincir dan lain-lain. Walau bagaimanapun, peningkatan ini diimbangi sebahagiannya oleh kemerosotan harga bagi empat kumpulan yang lain, iaitu minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran; bahan-bahan mentah tidak boleh dimakan; barang-barang keluaran kilang; dan bahan kimia. IHPR bagi pengeluaran tempatan juga telah meningkat dalam semua peringkat pemprosesan. Bahan perantaraan, bekalan dan komponen yang menyumbang 1.3 mata peratusan mendahului peningkatan tersebut, diikuti oleh bahan mentah untuk diproses selanjutnya, dengan 0.8 mata peratusan.

IHPR bagi import yang merangkumi baki 33.6% daripada keseluruhan IHPR meningkat sedikit, iaitu 1% (Januari – Julai 2011: 2.4%) dan menyumbang sebanyak 0.3 mata peratusan



kepada pertumbuhan IHPR keseluruhan. Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga bagi kumpulan bahan api galian, pelincir dan lain-lain sebanyak 6.1% dengan menyumbang 0.6 mata peratusan kepada peningkatan IHPR bagi import. Pada masa yang sama, harga yang lebih rendah bagi kumpulan minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran serta barang-barang keluaran kilang juga menyumbang kepada penurunan indeks import. Kenaikan harga turut dicatatkan dalam semua peringkat pemprosesan.

Pasaran Buruh


Pasaran buruh kekal stabil

Pasaran buruh kekal stabil pada tahun 2012 disokong oleh aktiviti domestik yang cergas. Sejumlah 249,471 pekerjaan dijangka dijana oleh semua sektor dalam ekonomi. Selaras dengan itu, jumlah **tenaga buruh** dianggarkan meningkat 2.2% kepada 12.9 juta pada tahun 2012 (2011: 2.3%; 12.6 juta). Dengan pekerjaan baharu yang mencukupi di pasaran, **kadar pengangguran** akan kekal rendah 3.2% pada tahun 2012 (2011: 3.1%).

Bilangan **kekosongan pekerjaan** yang berdaftar dengan JobsMalaysia berjumlah 888,842 jawatan dalam tempoh tujuh bulan pertama

CARTA 3.20

Penunjuk Pasaran Kerja



¹ Januari – Julai.

Sumber: Kementerian Sumber Manusia Malaysia.

2012 (Januari – Julai 2011: 1,224,670). Sektor pembuatan mencatatkan bilangan kekosongan pekerjaan tertinggi (38.9%), diikuti oleh sektor perkhidmatan (23%), pertanian (21.9%) dan pembinaan (16.1%). Dari segi kumpulan pekerjaan, sebanyak 75,615 kekosongan dilaporkan untuk pekerjaan berkemahiran tinggi, manakala pekerjaan berkemahiran rendah mencatat 548,328 kekosongan (Januari – Julai 2011: 263,200; 615,639). Bilangan **pekerja yang diberhentikan** kekal rendah pada 5,323 pekerja (Januari – Julai 2011: 4,206) dengan 93.1% daripadanya merupakan pekerja tempatan, manakala selebihnya 6.9% pekerja asing. Sektor pembuatan mencatat kira-kira 57.7% daripada jumlah pemberhentian pekerjaan, terutamanya syarikat yang terlibat dalam subsektor pembuatan komputer, produk elektronik dan optik. Pemberhentian pekerjaan

JADUAL 3.26

Penunjuk Pasaran Buruh

	('000)		Perubahan (%)	
	2011	2012 ¹	2011	2012 ¹
Tenaga buruh	12,645.7	12,923.9	2.3	2.2
Guna tenaga	12,255.5	12,505.0	2.5	2.0
Pengangguran	390.2	418.9	3.1 ²	3.2 ²

¹ Anggaran.

² Peratus kepada tenaga buruh.

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Malaysia.



dalam sektor pembuatan disebabkan terutamanya oleh permintaan yang lebih rendah daripada sektor luar. Sektor lain yang turut terjejas adalah sektor perkhidmatan (28.2%) dan pembinaan (11.9%).

Bilangan penduduk umur bekerja dijangka meningkat 1.7% kepada 20 juta pada tahun 2012 (2011: 1.9%; 19.7 juta) dengan 64.9% daripadanya di bawah kumpulan umur 40 tahun (2011: 65.2%). Selaras dengan peningkatan dalam tenaga buruh, keseluruhan **kadar penyertaan tenaga buruh** secara perbandingannya dijangka kekal tinggi pada 64.1% pada tahun 2012 (2011: 63.5%). Kadar penyertaan lelaki dan wanita masing-masing dijangka terus meningkat kepada 80% dan 48.4% pada tahun 2012 (2011: 79.8%; 47.9%). Walaupun terdapat peningkatan dalam tenaga buruh, bilangan **pencari kerja aktif** yang berdaftar dengan JobsMalaysia berkurangan

kepada 338,083 orang sehingga akhir Julai 2012 (akhir Julai 2011: 346,760). Daripada jumlah ini, kira-kira 62.6% berada dalam kumpulan umur 20 – 24 manakala 18.6% lagi berada dalam kumpulan umur 25 – 29. Majoriti pencari kerja berdaftar merupakan pemegang ijazah dan diploma masing-masing merangkumi 28.8% dan 24.6%, manakala 27.7% adalah lepasan sekolah yang memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Dengan pewujudan pekerjaan yang mencukupi dalam ekonomi, bilangan penduduk bekerja dijangka meningkat kepada 12.5 juta pada tahun 2012 (2011: 12.3 juta). Sektor perkhidmatan akan kekal sebagai majikan terbesar merangkumi 53.5% daripada jumlah **guna tenaga** dengan subsektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran menyumbang 36.3%. Sektor pembuatan dijangka menyumbang 28.9% pekerjaan, diikuti oleh pertanian (11.1%) dan pembinaan (6.2%).

JADUAL 3.27

Guna Tenaga mengikut Sektor

	('000)		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2011	2012 ¹	2011	2012 ¹	2011	2012 ¹
Pertanian, perhutanan, ternakan dan perikanan	1,388.6	1,386.9	-0.1	-0.1	11.3	11.1
Perlombongan dan kuari	41.0	41.1	-2.8	0.2	0.3	0.3
Pembuatan	3,511.2	3,616.6	3.6	3.0	28.7	28.9
Pembinaan	769.5	773.6	0.4	0.5	6.3	6.2
Perkhidmatan	6,545.2	6,686.8	2.7	2.2	53.4	53.5
Elektrik, gas dan air	101.5	102.8	1.4	1.3	0.8	0.8
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	706.7	723.8	3.4	2.4	5.8	5.8
Perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran	2,342.6	2,424.8	4.6	3.5	19.1	19.4
Kewangan, insurans, hartanah dan perniagaan	853.6	864.8	1.5	1.3	7.0	6.9
Perkhidmatan Kerajaan	1,251.8	1,254.9	0.2	0.2	10.2	10.1
Perkhidmatan lain	1,289.0	1,315.7	2.5	2.1	10.5	10.5
Jumlah	12,255.5	12,505.0	2.5	2.0	100.0	100.0

¹ Anggaran.

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Malaysia.



Pertumbuhan produktiviti memainkan peranan penting dalam membantu negara untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan taraf hidup rakyat yang lebih tinggi. Secara amnya, pertumbuhan produktiviti Malaysia lebih rendah selepas krisis kewangan global berbanding tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, pertumbuhan produktiviti semakin pulih sejak dua tahun kebelakangan ini. Secara umumnya, terdapat hubung kait antara produktiviti dengan upah. Dalam sektor pembuatan, **pertumbuhan upah** lebih perlahan dan ketinggalan berbanding pertumbuhan produktiviti. Produktiviti buruh dalam sektor pembuatan meningkat secara purata sebanyak 2.91% antara tahun 2002 hingga 2011, manakala upah benar purata bagi sektor pembuatan berkembang dengan kadar yang lebih perlahan iaitu 0.99% dalam tempoh yang sama. Hasilnya, anggaran peratusan upah nilai ditambah bagi sektor pembuatan telah menurun daripada 38.5% pada tahun 2002 kepada 33.1% pada tahun 2011. Kedudukan ini mencerminkan bahawa syarikat dalam sektor berkenaan mempunyai kuasa penetapan upah dalam pasaran buruh. Berikutan kenaikan harga komoditi, upah bagi industri berkaitan komoditi seperti petroleum, minyak sawit dan industri yang berkaitan meningkat paling pantas dalam kalangan sektor pembuatan dalam tempoh 2002 hingga 2011.

Jumlah **pekerja asing** telah meningkat sejak sedekad yang lalu disebabkan oleh keadaan pasaran buruh yang ketat. Sebagai langkah jangka panjang untuk memastikan pertumbuhan yang mampan serta meminimumkan implikasi sosioekonomi, satu polisi jangka sederhana dan panjang bagi pekerja asing telah diperkenalkan untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing, di samping menarik lebih ramai profesional yang mahir dan terlatih. Bilangan pekerja asing pada tahun 2010 adalah 1.8 juta, dan pada tahun 2011 bilangan pekerja asing menurun sebanyak 13.5% kepada 1.6 juta yang merangkumi 12.8% daripada jumlah

guna tenaga. Sehingga akhir Julai 2012, terdapat lebih daripada 1.6 juta pekerja asing berdaftar di Malaysia (akhir Julai 2011: 1.3 juta). Daripada jumlah ini, 37.7% bekerja dalam sektor pembuatan, diikuti dengan sektor perladangan (19.4%), pembinaan (14.6%) dan pertanian (9.1%). Majoriti pekerja asing terdiri daripada warga Indonesia yang merangkumi hampir separuh daripadanya (48.5%), diikuti oleh Nepal (17.7%), Myanmar (8.7%) dan Bangladesh (8.5%).

Pada akhir Julai 2012, sebanyak 47,157 **ekspatriat** (akhir Julai 2011: 40,938) bekerja di negara ini. Kedudukan ini menunjukkan bahawa hanya 3% (akhir Julai 2011: 3%) daripada pekerja asing di Malaysia berkemahiran tinggi manakala yang selebihnya merupakan berkemahiran rendah. Sebahagian besar ekspatriat bekerja dalam sektor perkhidmatan (28,298; 60%), diikuti oleh sektor pembuatan (10,350; 21.9%) dan pembinaan (3,406; 7.2%). Kebanyakannya merupakan warga India (9,360; 19.8%), diikuti oleh China (5,396; 11.4%) dan Jepun (3,384; 7.2%).

Kerajaan berhasrat untuk mentransformasikan ekonomi menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 melalui 131 EPP di bawah NKEA. Dengan pelaksanaan EPP, pelaburan baharu bernilai lebih daripada RM1 trilion dijangka dapat dijana dan 3.3 juta pekerjaan baharu dapat diwujudkan menjelang tahun 2020. Lebih kurang 60% daripada pekerjaan tersebut merupakan kategori berkemahiran tinggi dan sederhana yang memerlukan daya kreatif, pengkhususan, fleksibiliti dan produktiviti yang lebih tinggi. Oleh itu, pembangunan tenaga kerja perlu diberi perhatian jika negara ingin mencapai matlamat strategiknya. Dalam mencapai matlamat ini, beberapa langkah telah diperkenalkan untuk menambah baik ekosistem pasaran buruh serta meningkatkan kualiti dan produktiviti tenaga buruh.



Pembaharuan dalam Pasaran Buruh

Pengenalan

Tenaga buruh merupakan salah satu elemen kritikal dalam menyokong usaha negara untuk menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Dalam hal ini, Model Baru Ekonomi (MBE) telah mengenal pasti beberapa isu dalam pasaran buruh yang boleh menghalang kemajuan negara ke arah mencapai visi tersebut. Antara isu utama yang ditekankan adalah undang-undang buruh yang ketat, upah yang rendah, bilangan tenaga kerja kurang mahir yang tinggi dan kebergantungan terhadap pekerja asing. Bagi menangani cabaran ini, Kerajaan telah memperkenalkan Inisiatif Pembaharuan Strategik Pembangunan Modal Insan (SRI HCD) di bawah Dasar Transformasi Nasional (DTN). SRI HCD memberi penekanan kepada usaha menjadikan pasaran buruh lebih fleksibel, meningkatkan kemahiran dan keupayaan tenaga kerja yang sedia ada serta meningkatkan keupayaan Malaysia untuk menarik dan mengekalkan bakat terbaik. Pada tahun 2012, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa langkah berkaitan transformasi tempat kerja dan tenaga kerja. Antara langkah berkaitan transformasi tempat kerja adalah pindaan kepada Akta Kerja 1955, pelaksanaan gaji minimum kebangsaan, pengenalan skim persaraan swasta dan pelanjutan umur persaraan di sektor swasta. Inisiatif utama di bawah transformasi tenaga kerja termasuk penubuhan Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA) dan pelancaran Pelan Halatuju Bakat 2020.

Pindaan Akta Kerja 1955

Akta Kerja (Pindaan) 2012 telah diluluskan di Parlimen pada Disember 2011 dan berkuat kuasa mulai 1 April 2012. Sebanyak 28 peruntukan yang sedia ada telah dipinda, 17 peruntukan baharu dimasukkan dan dua lagi peruntukan telah dimansuhkan. Pindaan ini bertujuan untuk memastikan undang-undang tersebut selaras dengan perkembangan semasa dan memantapkan aktiviti penguatkuasaan. Antara pindaan tersebut adalah:

- i. Memberi takrifan baharu kontraktor tenaga kerja untuk menjelaskan hubungan antara prinsipal, kontraktor dan subkontraktor yang membekalkan tenaga kerja;
- ii. Memasukkan peruntukan baharu untuk menangani insiden gangguan seksual di tempat kerja dan pemakaian peruntukan ini kepada semua pekerja tanpa mengira had upah;
- iii. Memberi tempoh yang sewajarnya kepada majikan untuk membuat bayaran bagi kerja lebih masa;
- iv. Memasukkan Hari Malaysia sebagai hari kelepasan am mandatori;
- v. Mewajibkan pembayaran upah melalui akaun bank (termasuk upah bagi pekerja domestik);
- vi. Memperluas perlindungan cuti bersalin kepada semua pekerja wanita tanpa mengira had upah mereka; dan
- vii. Memperluas skop liputan dan siasatan aduan pekerja kepada mereka yang berpendapatan sehingga RM2,000 berbanding hanya RM1,500 sebelum ini. Pindaan ini akan meningkatkan bilangan pekerja yang dilindungi di bawah Akta tersebut daripada 50% kepada 70%.

Gaji Minimum

Pada masa ini, gaji dalam sektor swasta adalah ditentukan oleh kuasa pasaran, dengan proses rundingan yang minimum dan pelaksanaan kadar gaji lantai yang tidak menyeluruh. Tambahan pula, pertumbuhan tahunan kadar produktiviti pekerja melebihi kadar pertumbuhan gaji purata dan ramai pekerja tidak mahir di negara ini merupakan warga asing. Untuk menangani isu ini,



Bajet 2011 telah mengumumkan penubuhan Majlis Perundingan Gaji Kebangsaan (MPGK) sebagai platform utama untuk menentukan mekanisme dan kadar gaji minimum di negara ini. Dalam hal ini, Akta Majlis Perundingan Gaji Kebangsaan 2011 telah diluluskan di Parlimen pada Julai 2011. MPGK ditubuhkan berdasarkan “prinsip tripartit” yang terdiri daripada pekerja, majikan dan Kerajaan serta pakar dalam bidang berkaitan seperti ekonomi perburuhan. Sejurus penubuhannya, MPGK terus menjalankan kajian dengan melibatkan semua pihak utama yang berkepentingan sebelum membuat syor kepada Kerajaan mengenai semua aspek gaji minimum. Cadangan MPGK kemudiannya telah diwartakan sebagai Perintah Gaji Minimum 2012 pada 16 Julai 2012.

Gaji minimum akan dilaksanakan di seluruh negara berkuat kuasa mulai 1 Januari 2013 yang turut meliputi pekerja asing. Walau bagaimanapun, bagi majikan yang menggaji lima orang pekerja atau kurang, kecuali firma profesional, Perintah tersebut akan berkuat kuasa mulai 1 Julai 2013. Gaji minimum yang meliputi semua sektor dan jenis pekerjaan, bagaimanapun tidak terpakai kepada pekerja domestik sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Kerja 1955, serta Ordinan Buruh Sabah (Bab 67) dan Ordinan Buruh Sarawak (Bab 76). Bagi meminimumkan impak negatif dalam pasaran buruh, gaji minimum ditetapkan pada tahap yang bersesuaian seperti jadual berikut:

JADUAL 1

Kadar Upah Minimum mengikut Wilayah

Kawasan	Kadar Upah Minimum	
	Bulanan	Setiap Jam
Semenanjung Malaysia	RM900	RM4.33
Sabah, Sarawak & Wilayah Persekutuan Labuan	RM800	RM3.85

Sumber: Perintah Gaji Minimum 2012.

Skim Persaraan Swasta

Bajet 2012 mengumumkan tiga insentif cukai baharu untuk menggalakkan pekerja sektor swasta dan bekerja sendiri mengumpul simpanan bagi persaraan mereka serta memberi peluang kepada majikan untuk menawarkan pakej imbuhan yang lebih menarik melalui sumbangan yang lebih tinggi bagi faedah persaraan pekerja mereka. Susulan daripada itu, rangka kerja pencen swasta telah dilancarkan pada 18 Julai 2012. Inisiatif ini menekankan tentang kepentingan individu untuk berjimat-cermat berdasarkan keperluan persaraan, matlamat dan ketahanan risiko mereka. Kerajaan telah meluluskan kelompok pertama skim tersebut yang terdiri daripada 24 dana yang ditawarkan oleh lapan penyedia Skim Persaraan Swasta (PRS). Dana tersebut akan dibuka kepada umum pada Oktober 2012. Skim ini akan membolehkan pekerja membuat simpanan melebihi caruman mereka kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan skim pencen yang lain.

Umur Persaraan Minimum

Akta Umur Persaraan Minimum 2012 telah diluluskan di Parlimen pada 17 Julai 2012 dan telah diwartakan pada 16 Ogos 2012. Beberapa faktor telah diambil kira sebelum pengubalan Akta tersebut, termasuk tiada penetapan umur persaraan mandatori dalam undang-undang buruh sedia ada, peningkatan jangka hayat dan pengurangan kadar kelahiran, amalan penetapan umur persaraan bagi sektor swasta yang tidak berubah sejak negara mencapai kemerdekaan serta simpanan persaraan yang tidak mencukupi bagi kebanyakan pekerja. Di samping itu, inisiatif ini juga akan menyelaraskan umur persaraan sektor swasta dengan sektor awam dan menjadikannya setanding dengan negara lain dalam Association of Southeast Asian Nations (ASEAN).

CARTA 1

Ringkasan Penting Akta Umur Persaraan Minimum 2012



Sumber: Akta Umur Persaraan Minimum 2012.

Penubuhan Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh

Institut Sumber Manusia Kebangsaan (ISMK) di bawah Kementerian Sumber Manusia telah distrukturkan semula dan kini dikenali sebagai Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA) berkuat kuasa mulai 1 Mei 2012. Matlamat ILMIA adalah untuk memberikan maklumat pasaran buruh yang komprehensif dan terkini bagi perancangan tenaga kerja dan pembangunan kemahiran dalam industri, terutama dalam Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA). Antara lain, ILMIA diberi tanggungjawab untuk:

- Menyediakan satu pangkalan data berpusat dan interaktif sebagai asas bagi membuat analisis keperluan pasaran buruh untuk menyokong penggubalan dasar Kerajaan dan dalam membuat keputusan;
- Mengurangkan jurang maklumat yang sedia ada, terutamanya berhubung dengan maklumat pasaran buruh;
- Menyediakan penandaarasan maklumat atau data pasaran buruh dengan negara luar;
- Mengadakan penyelidikan dengan kerjasama badan penyelidikan antarabangsa, termasuk World Bank, International Labor Organization (ILO) dan Institut Perburuhan di negara lain; dan
- Menyediakan unjuran permintaan dan penawaran tenaga kerja bagi setiap sektor ekonomi.



Di samping mengurangkan jurang maklumat antara permintaan dan penawaran buruh, ILMIA dijangka terus meningkatkan keupayaan negara dalam menangani isu-isu lain berkaitan buruh. Kini, ILMIA sedang membangunkan Pangkalan Data Maklumat Pasaran Buruh yang dijangka siap menjelang Disember 2012. Pada masa yang sama, beberapa kajian sedang dijalankan seperti di jadual berikut:

JADUAL 2

Kajian yang sedang dijalankan oleh ILMIA

- **Malaysia: Membangunkan Kemahiran untuk Inovasi dan Ekonomi Berpendapatan Tinggi**
- **Kajian terhadap Struktur Gaji dalam Sektor Ekonomi Utama, terutama dalam Industri NKEA dan Kesan terhadap Produktiviti Buruh dan Intensiti Modal**
- **Pekerjaan Hijau di Malaysia**
- **Kajian Keperluan Tenaga Sumber Manusia untuk:**
 - **Sektor Perkhidmatan Perniagaan di Malaysia**
 - **Sektor Pelancongan di Malaysia**
 - **Sektor Kesihatan di Malaysia**

Sumber: Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh Malaysia.

Pelan Halatuju Bakat 2020

Untuk mencapai aspirasi menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, Malaysia perlu menyerlah sebagai destinasi bakat global untuk bersaing dengan negara berpendapatan tinggi yang lain dalam mengekalkan dan menarik bakat terbaik bagi memacu DTN. Pelan Halatuju Bakat 2020 yang dilancarkan pada April 2012 telah mengenal pasti tiga teras strategik bagi membangunkan kumpulan bakat terbaik yang mampan untuk memenuhi keperluan negara. Tiga teras strategik tersebut adalah (i) Mengoptimumkan bakat Malaysia; (ii) Menarik dan memudahkan kemasukan bakat global; dan (iii) Membina rangkaian bakat terbaik. Teras strategik tersebut memberi tumpuan kepada rakyat Malaysia di negara ini yang secara jelas merupakan sumber bakat paling penting. Teras strategik ini disokong oleh usaha untuk menarik bakat terbaik rakyat Malaysia yang berkemahiran tinggi di luar negara serta bakat asing.

Bagi memastikan bahawa bakat domestik telah dioptimumkan sejajar dengan keperluan negara, Pelan Halatuju Bakat tersebut telah mengambil pendekatan serampang tiga mata yang holistik bertujuan untuk menarik, memupuk dan mengekalkan bakat tempatan dengan kerjasama rakan kongsi utama dalam sektor swasta dan awam. Inisiatif ini termasuk meningkatkan kesedaran kerjaya, menggalakkan penambahbaikan latihan amali, menyelaras program peningkatan kemahiran siswazah dan mengoptimumkan kebolehan pemegang biasiswa Kerajaan.

Selain daripada itu, TalentCorp akan menumpukan usaha untuk menarik dan memudahkan kepulungan rakyat Malaysia di luar negara dengan meningkatkan kesedaran mengenai peluang profesional di Malaysia dan menyediakan platform bagi majikan terkemuka untuk berinteraksi dengan pelajar dan profesional di luar negara. Untuk merealisasikan inisiatif ini, perkongsian yang berkesan dengan majikan terkemuka akan diwujudkan untuk menentang agenda bakat.



Dalam fasa pertama Pelan Halatuju tersebut yang meliputi tempoh antara 2011 hingga 2015, TalentCorp akan memberi tumpuan untuk meneraju intervensi sebagai pemangkin bakat dan menambah baik dasar bagi menangani jurang kemahiran yang kritikal serta kekurangan bakat. Dalam fasa kedua Pelan Halatuju tersebut (2016 – 2020), penekanan tambahan akan diberikan kepada pelaksanaan program intervensi sehingga ia menjadi amalan, dengan tujuan untuk menggubal pendekatan yang lebih bersepadu bagi pembangunan bakat terbaik dan seterusnya menjadikan negara ini sebagai destinasi bakat global.

JADUAL 3

Tiga Teras Strategik TalentCorp

Teras Strategik 1 Mengoptimumkan Bakat Malaysia	Teras Strategik 2 Menarik dan Memudahkan Kemasukan Bakat Global	Teras Strategik 3 Membina Rangkaian Bakat Terbaik
Meningkatkan kesedaran kerjaya - Kesedaran dalam talian dan bimbingan kerjaya - Pameran kerjaya dan roadshow - Media dan penerbitan	Jangkauan kepada rakyat Malaysia di luar negara - Jangkauan kepada golongan profesional - Jangkauan kepada golongan pelajar	Membina rangkaian pemimpin masa hadapan Membangunkan pemimpin masa hadapan melalui inisiatif pembangunan kepimpinan
Meningkatkan peralihan dari sekolah ke tempat kerja - Program meningkatkan kemahiran - Pertandingan dan latihan amali	Memudahkan kepulangan bakat - Program Kepulangan Pakar - Pengiktirafan kelayakan profesional	Membangunkan platform rangkaian diaspora Membina rangkaian dan platform penglibatan
Membangunkan platform untuk mengoptimumkan bakat - Pengurusan Biasiswa - Bakat terpendam - Komuniti Modal Insan	Meningkatkan kemudahan untuk ekspatriat - Pas Residen - Bakat - Pusat perkhidmatan premier bagi syarikat terkemuka	Melibatkan masyarakat ekspatriat Jangkauan kepada bakat luar
 Bakat Malaysia	 Diaspora Malaysia	 Bakat asing

Sumber: Talent Roadmap 2020.

Kesimpulan

Usaha pembaharuan dalam pasaran buruh di atas mencerminkan kesediaan dan komitmen Kerajaan dalam melaksanakan transformasi bagi memperkasakan majikan dan pekerja untuk mewujudkan pembangunan tempat kerja dan tenaga kerja ke arah mencapai negara maju berpendapatan tinggi. Kerajaan akan terus menggembeng segala pandangan daripada semua pihak yang berkepentingan dalam pelaksanaan dasar lain di bawah SRI HCD. Transformasi ini adalah untuk rakyat yang mana kesejahteraan rakyat merupakan teras utama dalam penggubalan setiap dasar Kerajaan.



Prospek 2013

Ekonomi Malaysia

Ekonomi domestik kekal kukuh

Ekonomi Malaysia dijangka terus kukuh dan diunjur berkembang pada kadar yang lebih tinggi antara 4.5% hingga 5.5% pada tahun 2013. Pertumbuhan ini akan disokong oleh peningkatan eksport dan permintaan domestik yang terus kukuh dengan jangkaan pertumbuhan ekonomi global yang lebih tinggi, terutamanya dalam tempoh separuh kedua 2013. Prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia adalah berdasarkan jangkaan pemulihan krisis hutang berdaulat di kawasan euro dan momentum pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh dalam kalangan rakan dagangan utama Malaysia. Permintaan domestik dijangka mengekalkan momentum pertumbuhan yang kukuh didorong oleh kecergasan pelaburan swasta dan kemantapan penggunaan swasta. Aktiviti sektor swasta akan disokong oleh dasar monetari yang akomodatif dalam persekitaran inflasi yang sederhana dan sektor kewangan yang teguh. Keadaan sektor luar yang dijangka semakin pulih, terutamanya peningkatan permintaan luar daripada ekonomi serantau dan rakan dagangan utama, akan terus memberi rangsangan kepada pertumbuhan ekonomi yang diterajui oleh sektor swasta. Perbelanjaan awam pada keseluruhannya dijangka meningkat berikutan pelaburan modal PABK yang lebih tinggi dan seterusnya merangsang pertumbuhan ekonomi. Oleh itu, PNK per kapita nominal dijangka meningkat 6.4% kepada RM32,947 (2012: 4.4%; RM30,956). Dari segi PPP, pendapatan per kapita diunjur berkembang 4.4% kepada USD16,368 (2012: 3.2%; USD15,676).

Meskipun perbelanjaan permintaan dalam negeri dijangka terus kukuh pada tahun 2013, kadar inflasi akan meningkat sederhana diimbangi oleh peningkatan kapasiti pengeluaran yang lebih tinggi dalam negara. Dari sudut penawaran, antara faktor utama yang mempengaruhi inflasi adalah harga tenaga dan komoditi makanan yang dijangka sederhana dalam

tempoh separuh pertama 2013. Namun begitu, harga tenaga dan komoditi makanan diunjur meningkat lebih tinggi dalam tempoh separuh kedua berikutan jangkaan pemulihan ekonomi global yang semakin pantas. Oleh itu, bagi keseluruhan tahun 2013, kadar inflasi purata dianggarkan antara 2% hingga 3%.

Prospek Mengikut Sektor

Pertumbuhan menyeluruh

Dari sudut penawaran, pertumbuhan ekonomi pada tahun 2013 dijangka lebih menyeluruh disokong oleh pengembangan aktiviti dalam semua sektor ekonomi. Industri berkaitan perdagangan luar dijangka mendapat manfaat daripada pertumbuhan ekonomi global yang lebih baik, terutamanya dalam tempoh separuh kedua 2013. Sektor perkhidmatan dan pembuatan secara keseluruhannya dijangka menyumbang 4.2 mata peratusan kepada sasaran pertumbuhan KDNK. Pertumbuhan dalam sektor pembuatan dijangka mengukuh seiring dengan pemulihan permintaan E&E dari AS dan kawasan euro. Sektor perkhidmatan dijangka memperoleh manfaat daripada pemulihan aktiviti berkaitan perdagangan luar. Sementara itu, subsektor perdagangan borong dan runcit serta kewangan khususnya akan terus berkembang dirangsang oleh kecergasan aktiviti ekonomi dalam negeri. Sektor pertanian dijangka pulih dengan peningkatan pengeluaran komoditi perladangan manakala sektor perlombongan diunjur berkembang dengan pengeluaran minyak mentah yang lebih tinggi. Sektor pembinaan pula dijangka mencatat pertumbuhan dua angka berikutan kepesatan pelaksanaan projek pembinaan berkaitan ETP.

Prospek **sektor perkhidmatan** dijangka kekal cergas pada tahun 2013, dengan pelaksanaan pesat beberapa inisiatif utama di bawah NKRA dan kemasukan pelaburan yang berterusan dalam tujuh subsektor perkhidmatan di bawah NKEA. Inisiatif ini dijangka memacu subsektor perdagangan borong dan runcit yang dianggarkan



berkembang 6.8%, kewangan dan insurans 5.2% serta komunikasi 8.2% (2012: 5.7%; 4.2%; 9.3%). Secara keseluruhan, nilai ditambah sektor ini dijangka kekal kukuh dengan pertumbuhan 5.6% (2012: 5.5%) disokong oleh penggunaan domestik, pelaburan dan aktiviti berkaitan perjalanan.

Nilai ditambah **sektor pembuatan** dijangka berkembang 4.9% (2012: 4.2%). Industri berorientasikan eksport dijangka memperoleh manfaat daripada pertumbuhan perdagangan global yang lebih tinggi. Sementara itu, industri berorientasikan domestik dijangka meningkat sejajar dengan sentimen pengguna dan perniagaan yang lebih baik. Subsektor E&E akan terus berkembang berikutan permintaan yang lebih tinggi bagi kelengkapan dan alat ganti elektronik serta semikonduktor sejajar dengan pemulihan ekonomi di negara maju. Industri berasaskan sumber dijangka berkembang kukuh berikutan permintaan yang bertambah baik ke atas produk petroleum, kimia, getah dan plastik. Subsektor kelengkapan pengangkutan, khususnya segmen kenderaan penumpang diunjur terus meningkat disokong oleh prospek pekerjaan yang lebih baik dan pendapatan boleh guna yang lebih tinggi. Selain daripada itu, kecergasan aktiviti pembinaan yang disumbang oleh sektor perumahan dan kejuruteraan awam akan memberi manfaat kepada segmen simen serta besi dan keluli.

Sektor pertanian dijangka berkembang 2.4% (2012: 0.6%) berikutan pemulihan dalam pengeluaran komoditi perladangan. Pengeluaran CPO dijangka pulih sebanyak 2.5% kepada 18.9 juta tan metrik (2012: -2.5%; 18.4 juta tan metrik) berikutan perluasan kawasan matang kepada 4.44 juta hektar (2012: 4.38 juta hektar). Kadar hasil FFB dijangka bertambah baik kepada 19.8 tan sehektar (2012: 18 tan sehektar). Pengeluaran getah dijangka meningkat disebabkan permintaan yang lebih tinggi dan harga yang kukuh. Sektor bukan perladangan, terutamanya subsektor ternakan dan pertanian lain seperti padi, buah-buahan dan sayur-sayuran

diunjur terus meningkat berikutan pelaksanaan pelbagai program di bawah Dasar Agro Makanan Negara (2011 – 2020). Industri perikanan juga akan terus berkembang disokong oleh hasil akuakultur yang lebih tinggi.

Sektor perlombongan dijangka berkembang 2.7% (2012: 1.5%) dengan peningkatan pengeluaran minyak mentah dan gas asli yang lebih tinggi. Pengeluaran minyak mentah diunjur meningkat 3.6% kepada 600,000 tsh (2012: 1.6%; 579,000 tsh) berikutan permintaan serantau yang lebih tinggi. Beberapa medan minyak baharu dijangka memulakan pengeluaran pada tahun 2013 dan seterusnya menyumbang kepada pengeluaran minyak mentah yang lebih tinggi. Pengeluaran gas asli dijangka meningkat 4.3% kepada 6,530 jkpss (2012: 5.5%; 6,259 jkpss) berikutan permintaan yang lebih tinggi daripada pasaran domestik dan luar. Pembangunan laut dalam Gumusut-Kakap di Sabah akan meningkatkan kapasiti keseluruhan pengeluaran minyak mentah.

Sektor pembinaan dijangka terus cergas mencatat 11.2% (2012: 15.5%) dengan semua subsektor mencatat pertumbuhan yang kukuh. Sektor ini dijangka memperoleh manfaat daripada kemajuan pesat aktiviti pembinaan yang berterusan, khususnya projek berkaitan pembinaan di bawah ETP dan RP2 terutamanya, aktiviti penerokaan bagi industri O&G dan projek utama seperti landasan berkembar elektrik antara Ipoh – Padang Besar, LPT2 Jabur – Kuala Terengganu, MRT dan River of Life dijangka memacu pertumbuhan subsektor kejuruteraan awam. Subsektor bukan kediaman diunjur berkembang didorong oleh segmen bangunan perindustrian dan permulaan pembinaan Tun Razak Exchange (TRX). Subsektor kediaman juga dijangka berkembang tetapi pada kadar yang sederhana, selepas beberapa tahun mencatat pertumbuhan yang kukuh. Projek perumahan di Sungai Buloh dan Bandar Malaysia, Sungai Besi dijangka bermula pada tahun 2013 dan seterusnya akan menyokong aktiviti pembinaan rumah kediaman.



Permintaan Domestik

Pelaburan swasta terus kukuh

Permintaan domestik dijangka berkembang 5.6% (2012: 9.4%) dan akan terus menjadi pemangkin utama pertumbuhan ekonomi pada tahun 2013, disokong oleh perbelanjaan sektor swasta yang kukuh. Penggunaan swasta dijangka meningkat 5.7% (2012: 7%) didorong oleh pendapatan boleh guna yang lebih tinggi hasil daripada prospek pekerjaan yang lebih baik, harga komoditi yang kukuh dan kesan positif daripada prestasi pasaran saham yang stabil berikutan kecergasan aktiviti ekonomi domestik. Di samping itu, beberapa projek utama yang dijangka siap di bawah ETP, RMKe-10 dan di lima wilayah koridor pembangunan akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan bernilai tinggi dan seterusnya meningkatkan taraf hidup rakyat. Oleh itu, keadaan ini akan meningkatkan pendapatan bersih boleh guna yang seterusnya menyumbang kepada perbelanjaan penggunaan yang lebih tinggi.

Pelaburan swasta dijangka mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 13.3% pada tahun 2013 (2012: 11.7%) berikutan pelaksanaan berterusan projek di bawah ETP. Pelaburan dalam industri berorientasikan domestik diunjur lebih cergas sejajar dengan aktiviti ekonomi domestik yang kukuh. Pelaburan dalam industri berorientasikan eksport pula dijangka mengukuh berikutan prospek ekonomi global yang lebih baik. Di samping itu, langkah baharu bagi menggalakkan pelaburan langsung domestik akan merancang penyertaan syarikat tempatan dalam industri yang disasarkan, termasuk yang bernilai tambah tinggi, berteknologi tinggi, berintensifkan pengetahuan dan berasaskan inovasi. Inisiatif ini turut akan menyokong kemasukan FDI. Fasa pertama TRX yang dijangka siap pada tahun 2016 akan menambah baik landskap pelaburan di Malaysia yang akan merangsang aktiviti pelaburan asing dan domestik. Tambahan pula, pelaksanaan berterusan projek berimpak tinggi akan menjadi pemangkin dalam menarik lebih banyak pelaburan swasta di negara ini.

Pelaburan awam akan terus menyokong pertumbuhan ekonomi dan dijangka berkembang 4.2% pada tahun 2013 (2012: 15.9%). Perkembangan ini akan dipacu oleh perbelanjaan modal yang lebih tinggi daripada PABK dan perbelanjaan pembangunan oleh Kerajaan Persekutuan. Perbelanjaan modal PABK akan memberi tumpuan dalam industri hulu O&G, pengangkutan, komunikasi dan utiliti. Antara projek utama yang dilaksanakan oleh PABK adalah pembinaan Jambatan Pulau Pinang Kedua dan pemanjangan aliran rangkaian rel. Sebahagian besar perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan akan disalurkan bagi menambah baik perkhidmatan ekonomi dan sosial dalam negara. Pelaburan dalam sektor perkhidmatan ekonomi diperuntukkan bagi menyediakan pengangkutan dan pembangunan infrastruktur serta menaik taraf dan meningkatkan akses kepada kemudahan awam. Sementara itu, sebahagian besar perbelanjaan modal dalam sektor perkhidmatan sosial akan diperuntukkan bagi pendidikan dan latihan serta kesihatan. Selaras dengan langkah Kerajaan dalam melaksanakan perbelanjaan berhemat dan cekap serta kesan asas perbelanjaan yang tinggi pada tahun 2012, penggunaan awam dijangka menyusut 1.2% (2012: 11.3%).

Kedudukan Sumber Negara

Lebih berterusan dalam jurang tabungan pelaburan

Sejajar dengan perkembangan aktiviti ekonomi dalam negeri, pendapatan negara pada harga semasa dijangka meningkat 7.8% pada tahun 2013 (2012: 5.7%). **Tabungan Negara Kasar (TNK)** diunjur berkembang dengan kukuh sebanyak 11.1%, dengan sektor swasta mencakupi 72.3% daripada jumlah tabungan. Sementara itu, jumlah perbelanjaan pelaburan (termasuk perubahan dalam stok) dijangka terus meningkat sebanyak 13% kepada RM258.3 bilion (2012: 10%; RM228.5 bilion). Keadaan ini akan menyumbang kepada lebihan **tabungan pelaburan** sebanyak RM71.9 bilion atau 7.3% daripada PNK



(2012: RM68.5 bilion; 7.5%) dan seterusnya membolehkan negara membiayai pembangunan ekonomi terutamanya melalui sumber dalam negeri.

Sektor Luar Negeri

Lebihan akaun semasa yang lebih tinggi

Kedudukan sektor luar Malaysia dijangka kekal kukuh sejajar dengan prospek ekonomi global yang lebih baik pada tahun 2013 serta pengembangan perdagangan global dan aktiviti pelaburan. Kedudukan BOP diunjur terus menggalakkan dengan **akaun semasa** mencatat lebihan yang tinggi, iaitu RM71.9 bilion atau 7.3% daripada PNK (2012: RM68.5 bilion; 7.5%). Lebihan **akaun barangan** dijangka bertambah kepada RM126.5 bilion (2012: RM128.8 bilion). Pada tahun 2013, eksport dianggar berkembang 3.9% (2012: 2.4%) disokong oleh eksport komoditi yang lebih tinggi dan permintaan global E&E yang bertambah baik. Sejajar dengan kecergasan aktiviti

ekonomi domestik serta memenuhi keperluan input bagi aktiviti sektor pembuatan yang semakin meningkat, import dijangka berkembang pada kadar yang lebih cepat sebanyak 5.2% (2012: 6.5%).

Akaun perkhidmatan dijangka bertambah baik dengan defisit yang lebih kecil, iaitu RM8.2 bilion (2012: -RM9.9 bilion), didorong oleh lebihan dalam akaun perjalanan yang lebih tinggi berikutan jangkaan ketibaan pelancong yang meningkat. Komponen lain dalam akaun perkhidmatan dijangka kekal dalam keadaan defisit. Dengan jangkaan peningkatan penghantaran keuntungan dan dividen oleh syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri, **akaun pendapatan** diunjur mencatat aliran keluar bersih yang lebih rendah, iaitu RM22.8 bilion (2012: -RM28.1 bilion). Sebaliknya, defisit dalam **akaun pindahan semasa** diunjur meningkat kepada RM23.6 bilion (2012: -RM22.3 bilion) berikutan jangkaan kiriman wang oleh pekerja asing yang lebih tinggi terutamanya daripada sektor pembinaan pada tahun 2013.

